

ASRI DALAM DILEMA

*Gambar kulit Haji Abdul Hadi Awang dipetik dari Majallah Asianweek
Keluaran Disember 1982.*



Sebahagian besar dari nyawa dan nadi buku ini lahir dari pадuan kehangatan nafas cita-cita yang sering dibisikkan ke telingaku oleh adikku manja, Faridah S, yang ku cintai dan kasihikan kelembutan dan kehalusan budinya yang akan menjadi sebuah kenangan manis dan abadi dalam hidup ku sehingga sinar suria terbit di ufuk barat - PENGARANG.



ASRI DALAM DILEMA

ABDUL HALIM MAHMOOD



HAFAR ENTERPRISE

324051

APB

GRAPIK/REKABENTUK

FUZAN M. AMIN

Artist Pasteup

SHAMSIAH BAHAROM

M
324 2595 P
PPM

11 DEC 1984

Perpustakaan Negara
Malaysia

*HAFAR ENTERPRISE
WISMA HANILOB,
9A-1, LORONG RAJA ALANG,
KUALA LUMPUR. TEL: 911514*

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari jabatan Penerbitan HAFAR ENTERPRISE.

ABDUL HALIM MAHMOOD

Cetakan Pertama.....1983.

Harga: M\$4.90

Dicetak oleh:

*EAGLE TRADING SDN. BHD.
(Penerbit dan Pengedar Buku-Buku)*

ASRI DALAM DILEMA

ABDUL HALIM MAHMOOD



HAFAR ENTERPRISE

324051

APB

GRAFIK/REKABENTUK

FUZAN M. AMIN

Artist Pasteup

SHAMSIAH BAHAROM

M
324-2595 P
Puh

11 DEC 1984

Perpustakaan Negara
Malaysia

*HAFAR ENTERPRISE
WISMA HANILOB,
9A-1, LORONG RAJA ALANG,
KUALA LUMPUR. TEL: 911514*

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara letronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari jabatan Penerbitan HAFAR ENTERPRISE.

ABDUL HALIM MAHMOOD

Cetakan Pertama.....1983.

Harga: M\$4.90

Dicetak oleh:

*EAGLE TRADING SDN. BHD.
(Penerbit dan Pengedar Buku-Buku)*

**—APA KATA BEKAS-BEKAS
PEMIMPIN PAS**

**JIKA DATUK ASRI TERUS MEMIMPIN,
PAS AKAN BERPECAH DISEBABKAN
PERBUATANNYA..... ALI TAIB.**



**PERJUANGAN PAS SELAMAINI BUKAN
KERANA DATUK ASRI - USTAZ NAKHAIE**

PRAKATA

ALHAMDULILLAH, dengan kudrat dan izin Allah dapat kami menghasilkan buku mengenai politik PAS ini sebagai memenuhi permintaan umum.

Moga ianya menjadi bahan renungan yang boleh memberikan manfaat kepada semua.

Buku ini diusahakan dalam keadaan serba terbatas. Atas hakikat ini, ianya mungkin mengalami kekurangan dan kelemahan yang bukan disengajakan. Kerana itu kami terlebih dahulu memohon maaf kepada para pembaca yang budiman dan pihak berkenaan yang terlibat secara lansung atau tidak lansung sekiranya apa yang disajikan ini menimbulkan prasangka kurang menyenangkan.

Penghasilan buku 'Asri Dalam Dilema' ini sebagai usaha pertama seumpamanya. Pengarangnya cuba memperlihatkan kepada umum kemajuan dan kemampuan PAS dan para pemimpinnya sebagai sebuah parti politik yang mencabar dan dicabar. Hakikat dan matlamat PAS ditubuhkan dititikberatkan dalam mencari identiti perjuangannya.

Sebagai bekas pengarang sebuah akhbar mingguan yang banyak menulis dan mengikuti perkembangan politik semasa melalui tugas kewartawanannya, Abdul Halim Mahmood, pengarang buku ini, memperlihatkan kemampuannya menyingkap kembali setiap peristiwa yang menghubungkan krisis PAS kian runcing dan berlarutan kini.

Pergolakan di dalam PAS sejak ditubuhkan membawa kepada pengunduran Datuk Asri dari pucuk pimpinannya dan campur-tangan parti politik lain atas krisis dalam 'rumahtangga' parti itu menjadi pokok pembicaraannya yang amat perlu diketahui umum.

Dalam krisis PAS yang berlarutan, banyak rahsia-rahsia yang belum didedahkan sebelumnya diperkatakan melalui tinjau pendapat umum dan dari kacamata pengarang sendiri yang rapat dengan tokoh-tokoh penting di dalam parti itu. Ianya suatu bahan kajian dan renungan untuk semua peringkat masyarakat yang melihat aspek politik sebagai pembangunan mental dan fizikal rakyat sejagat dan politik sebagai senjata memperjuangkan identiti nusa, bangsa dan agama.

Akhirkata kami harap buku ini dapat melahirkan kesedaran masyarakat dalam percaturan politik negara yang kian menarik minat sekarang.

Terima kasih.

Kuala Lumpur,
Januari, 1983.

PENERBIT.



SEKAPURSIREH

Berbagai-bagai pendapat telah dan sedang disuarakan umum mengenai krisis PAS-Asri. Mereka dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS sendiri. Mereka dari kalangan pro dan anti kepimpinan Asri dulu dan sekarang. Mereka tokoh-tokoh pemimpin parti lawan PAS, atau mereka dari pemimpin pelapis dari dalam parti itu sendiri yang sentiasa berminat untuk mengambil alih pucuk pimpinan yang ada dan mereka yang menjadi pemerhati perkembangan, kemajuan dalam perjuangan jatuh dan bangunnya PAS sejak parti itu ditubuhkan hingga ke era pengunduran Datuk Haji Mohd. Asri dari jawatan Yang Dipertua Agung PAS selepas memimpinnya sejak 18 tahun kini.

Adunan pendapat-pendapat secara lisan dan forum, disertakan pula dengan komentar para penulis memenuhi ruangan dada-dada majalah dan akhbar setiap hari dan ketika, menjadikan topik krisis PAS-Asri ketara hangat dan menarik minat umum, menjadikan krisis PAS-Asri suatu topik politik tanahair yang memerlukan perhatian rakyat sejagat.

Dengan kedudukan itu, tidak syak lagi, politik PAS adalah sebahagian dari politik memperjuangkan hak rakyat dan kepentingan negara umumnya dalam jangkamasa yang panjang. Kehancuran PAS dalam kontek politik negara ini, bererti kehancuran perjuangan sebahagian rakyat yang cintakan keamanan, agama dan tanahairnya.

Atas konsep ini, PAS perlu dibangunkan dari kehancuran pembawaan kepimpinannya yang ada. PAS perlukan suatu 'force' kepimpinan yang bertenaga dari hanyut dilanda arus politik yang sentiasa bertarung mengekalkan kuasa kepimpinan negara.

Dari suara umum segenap lapisan rakyat, dari forum-forum di institusi-institusi pengajian tinggi, dari komentar-komentar penulis di dada-dada akhbar dan majalah tanahair dan luarnegeri, wujudlah pandangan yang berani dan tajam mendefinisikan krisis PAS-Asri yang sudah tenat dan berlarutan kini. Sudah ada analisa betapakah masa depan PAS tanpa Asri - buruk baik yang mungkin dialaminya. Betapakah bimbang dan ragu timbul dari pemimpin-pemimpin parti yang sentiasa memusuhi PAS, bila melihat krisis menenggelamkan "bahtera" PAS dipandukan oleh "nakhoda" lamanya dan membangkitkan "nakhoda" baru bagi mengemudikan "bahtera" lama PAS yang dianggapnya suatu cabaran yang mungkin mengancamkan kestabilan politik kepimpinan mereka.

Dengan itu, terdapatlah suara-suara pro kepada kepimpinan lama dari pemimpin-pemimpin parti lawan dan dari pengikut-pengikut setia pemimpin lama parti itu sendiri. Antara pro dan kontra, kemampuan memimpin dan kepimpinan, kebangkitan dan penonjolan pemimpin-pemimpin pelapis di dalam parti, telah dijadikan ukuran, analisa dan difinasi melahirkan buku '**ASRI DALAM DILEMA**' ini.

Tentulah buku ini tidak lengkap jika tidak menyorot kembali setiap krisis, mencakupi segenap peristiwa lama sejak penubuhannya, kepada peralihan kepimpinan Datuk Asri hingga beliau 'terpaksa' mengundurkan diri dari memimpinnya. Segalanya ini ditimbulkan untuk memperlihatkan, memberikan gambaran jelas sejauh mana kemampuan kepimpinan Datuk Asri yang pernah disegani, pernah disanjung tinggi suatu ketika dulu tetapi mengakhiri kepimpinannya dengan hati yang patah dan keciwa kerana 'diperkecilkan' oleh orang yang dipimpinnya. Inilah suatu yang menarik mengukir legenda kepimpinan parti itu.

Datuk Asri dari sejarah kepimpinannya pernah memecat, pernah menyingkir tokoh-tokoh tertentu di dalam PAS yang mungkin dianggapnya tidak sebulu dengan cara dan 'style' kepimpinannya. Akibat dari itu, ramai pemimpin-pemimpin yang menjadi teras perjuangan PAS terpaksa mengundurkan diri dengan sukarela bila melihat cara dan 'style' kepimpinan Datuk Asri tidak memenuhi prinsip dan perjuangan Islam seperti dikehendaki mereka.

Apakah 'penyingkiran'nya dari pucuk pimpinan yang disifatkan

sebagai 'diperkecilkan' kerana suatu 'balasan' dari perbuatan dan tindak-tanduknya sebelum ini, adalah sesuatu yang dipertikaikan umum.

Sepatahkata dari kawan seperjuangan, Ali Taib ketika mula keluar dari PAS berikutan dengan peristiwa memecat Datuk Haji Mohd. Nasir dalam tahun 1977: "Datuk Asri seharusnya dipecat dahulu dari PAS dan bukannya Datuk Nasir."

Apa yang berlaku hari ini kepada Datuk Asri seolah-oleh membenarkan pendapat disuarakan oleh Ali Taib hampir enam tahun lalu. Dalam tahun krisis PAS memuncak itu, Ali Taib juga mensifatkan Datuk Asri sebagai tidak layak lagi memimpin PAS dan bukan sebagai seorang pemimpin Islam sebagaimana diharap-harapkan selama ini.

Kemungkinan kata-kata itu juga menyedarkan para pengikutnya dan pendokong parti hari ini tidaklah dapat dipastikan. Tetapi dari perkembangan, pergolakan di dalam parti hingga menyebabkan Datuk Asri 'terpaksa' mengundurkan diri dari memimpinnya sentacam membayangkan ada kebenarannya.

PAS hari ini semacam inginkan satu kepimpinan dari tokoh yang benar-benar menjiwai dan mendalami perjuangan Islam. Ini dapat dilihat bila munculnya tokoh intelektuil Islam dalam kepimpinan parti itu. Kepimpinan Datuk Asri mungkin diperlukan untuk suatu jangkamasa tertentu, sementara muncul pemimpin yang diharap-harapkan itu. Dan hari ini keadaan itu telah wujud.

Apa yang terjadi, berbangkit ketika ini sebagai memenuhi tuntutan dari ucapan dasar bekas pemimpin PAS, Dr. Burhanuddin yang mahukan antara lain: ".....Setiap ahli terutama yang bernama pemimpin hendaklah memperlihatkan kemampuan pengajaran Islam....."

Jika perhatian hari ini tertumpu kepada Ustaz Abdul Hadi Haji Awang, seorang tokoh ulamak lepasan Universiti Al-Azhar yang mula disegani sebagai tokoh pemimpin masa depannya, ianya sebagai memenuhi kehendak dan asas dalam kepimpinan PAS sendiri. PAS telah menunggu begitu lama - hampir 18 tahun - untuk mencari seorang pemimpin yang bakal mengambil alih pucuk pimpinannya.

Dan tidaklah hairan jika keperluan dan tuntutan itu datang secara mendadak hingga Datuk Asri sendiri menjadi sasaran

kecaman para perwakilannya di Muktamar Agung Parti ke 28 pada 23 Oktober, 1982 lalu yang disifatkan oleh Datuk Asri sebagai 'lebih buruk dari sasaran pernah dilemparkan oleh musuh parti terhadapnya semasa krisis PAS sedang memuncak dalam tahun 1978/1979 lalu.

Dengan keadaan yang terjadi, dengan krisis yang tenat, runcing dan berlarutan ini, memperlihatkan kepada umum bahawa kepimpinan Datuk Asri makin tidak diperlukan dan kehendak kepada penggantinya makin mendadak tiba. Usaha meletakkan semula Datuk Asri di pucuk pimpinan parti akan menjadikan keadaan bertambah buruk dan memungkinkan jalan penyelesaian kepada krisis itu terus tertutup rapat.

Ada pendapat mengatakan, Datuk Asri seharusnya mengundurkan diri dengan aman dan membuka peluang kepimpinan kepada orang lain yang lebih berkaliber, lebih intelektuil sesuai dengan tuntutan politik Islam sekarang. Sebarang usaha mengembalikan kuasa Datuk Asri akan merugikan perjuangan parti itu sendiri. Lebih jauh lagi, ianya akan membawa perpecahan sesama pengikut dan penyokong parti yang seharusnya mempunyai perpaduan erat dalam mengharungi lautan garang mencapai tahap perjuangan dicitacannya.

PAS seperti juga parti-parti politik lain memerlukan ujian kepimpinan dari golongan pelapisnya dalam memperkembangkan idea baru dan pengaruh yang lebih meluas di kalangan rakyat. PAS Seharusnya wujud sebagai sebuah parti alternatif pilihan rakyat tertentu. Kerana itu kepimpinannya hendaklah tidak terbawa-bawa dengan aliran pemikiran yang mencatumkannya dengan kekuatan dan pengaruh parti lain.

Kepimpinan yang cuba mencari tempat, kedudukan dan perlindungan di bawah payung kekuasaan parti lain bagi mengekalkan pengaruh kepimpinannya menjadi tidak perlu dalam kontek perjuangan parti itu sendiri.

Barangkali inilah masalah yang timbul, membawa kepada peralihan pucuk pimpinannya sehingga mewujudkan apa yang disifatkan kepimpinan lama sebagai sekular dan kepimpinan barunya sebagai radikal.

Dalam sebuah parti yang ingin mengekalkan imej dan prinsip perjuangannya suatu sikap radikal diperlukan di kalangan

pemimpinnya. Radikal di sini bukan bererti membawa kepada tercetusnya revolusi tetapi radikal dalam berfikir dan bertindak ke arah menentukan matlamat dan pencapaian perjuangan parti bagi memenuhi kehendak rakyatnya.

Kalau istilah radikal itu digunakan dalam bentuk pemeritahan kerajaan di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, kepimpinan hari ini lebih radikal dari kepimpinan di zaman kerajaan sebelumnya. Nyata kepimpinan hari ini suatu yang dikehendaki oleh rakyat sesuai dengan era peralihan sikap pandang ke Timur yang dianjurkan.

Kepimpinan muda tidak sunyi dari sikap radikalnya. Datuk Seri Dr. Mahathir suatu ketika menjadi orang muda yang radikal di zaman kerajaan Tunku Abdul Rahman. Beliau memperlihatkan sikap ini sekaligus melalui tindakan dan tulisannya dengan melahirkan 'Dilema Melayu.'

Tindakannya telah membawa kepada penyingkirannya dari parti. Penulisannya membawa kepada pengharaman buku Dilema Melayunya. Melalui sikap radikalnya, beliau telah membawa peralihan pimpinan kerajaan sekarang dengan menetapkan dasar cekap, bersih dan amanah sebagai amalan dalam kerajaan pimpinannya sekarang.

Pemimpin muda yang tidak radikal tidak bererti dan ianya juga boleh dianggap pemimpin yang sudah tua sebelum tua. Pemimpin yang begini tidak perlu ada lantas ianya lebih baik menjadi orang tua dari meletakkan dirinya sebagai orang muda.

Kalau PAS tidak inginkan perubahan yang boleh membawa kemajuan, yang boleh memberikan imej baru kepada perjuangannya, ianya lebih baik jangan ada pemimpin muda, atau pemimpin pelapis dalam struktur pentadbirannya. Biarlah PAS dilanda arus politik dalam kepimpinan tuanya.

Inilah persoalan yang menjadi asas pembicaraan buku ini. Kiranya apa yang diutarakan menjadi pahit untuk ditelan oleh golongan tertentu, bukanlah maksud saya untuk mengeruhkan suasana yang sedia wujud, tetapi anggapan ini sebagai alam pemikiran politik yang lebih luas ke arah mencari jalan penyelesaiannya.

Yang penting di sini bukan soal siapa yang memimpin tetapi kepimpinan itu mesti berteraskan kepada penerimaan secara kolektif. Kepimpinan itu sendiri mesti berteras kepada kepentingan kolektif bukannya untuk kepentingan suatu pihak tertentu saja.

Jika sekiranya kepimpinan itu memandang kepada beberapa pihak tertentu, unsur perpaduan di dalam parti bagi mencapai tahap perjuangan dicita-citakan akan terus lebur. Dan kepimpinan itu akan mengalami krisis yang meleburkan perjuangan parti itu sendiri.

Hakikat yang nyata dalam kepimpinan sebuah parti politik bukan pemimpinnya yang harus mendapat pembelaan dan simpati bila dia sudah hilang prestasi kepimpinan tetapi matlamat perjuangan itu sendiri harus dibendung.

Ertinya, perjuangan parti harus lebih diutamakan dari perjuangan mengekalkan seorang tokoh pemimpin tertentu kerana di dalam kontek PAS hari ini, meneruskan perjuangannya suatu yang tiada akhirnya. Soal mati-hidup seorang pemimpin bukan suatu matlamat ditujunya.

TEMBAKAN AKHIR ASRI

Datuk Asri "menembak" peluru terakhir dari "pistolnya" dan dia tidak akan "menembak" lagi kerana setiap pistol mempunyai cuma enam butir peluru sahaja, kata seorang intelektuil dari Kelantan yang juga sebagai pemerhati politik semasa.

Beliau pernah mengenali Datuk Asri dari dekat. Maksudnya pernah berbincang dan bertelagah pendapat dengan Datuk Asri mengenai politik negara dan perjuangannya.

Kata-kata itu membuatkan saya termenung, cuba mencari maksud yang tersembunyi ingin dilahirkannya.

Apa yang saya dapat tafsirkan dari kata-kata itu ialah Datuk Asri selama di dalam PAS sudah enam kali bertanding termasuk kali akhirnya di dalam pilihanraya 22 April, 1982 lalu.

Dengan itu dimengertikan bahawa beliau telah "melepaskan peluru terakhir dari pistolnya." Dan sebagai ahli politik yang matang, Datuk Asri mungkin tidak akan bertanding lagi dalam pilihanraya akan datang, lalu pemerhati itu mensifatkan beliau sebagai "pistol" yang lazimnya memiliki enam butir peluru saja. Apakah keadaan ini benar atau tafsiran ini betul?

Pemimpin boleh datang dan pergi tetapi PAS tetap kekal mengharungi lautan perjuangan yang tiada tepiannya. Perjuangan Islam dalam kontek membela nusa, bangsa dan agama Allah mesti tidak ada kesudahannya. Perjuangan tetap hidup subur dalam sanubari setiap individu Islam selagi hayat dikandung badan. In-syaallah!

Selamat berjuang!

PENGARANG

KANDUNGANNYA

MUKA

| | |
|---|-----|
| ● BERAKHIRNYA ERA ASRI DALAM PAS | 19 |
| ● PROSES, ASAS DAN MATLAMAT PAS DITUBUH | 32 |
| ● DATUK ASRI – KEPIMPINAN DAN CABARANNYA. | 43 |
| ● KRISIS PAS BERLARUTAN | 54 |
| ● ASRI TAK LAYAK LAGI PIMPIN PAS | 66 |
| ● ASRI DALAM DILEMA | 97 |
| ● UMNO DALAM KRISIS PAS - ASRI | 107 |
| ● PENGGANTUNGAN AHLI: TITIK BERAKHIRNYA ERA KEPIMPINAN ASRI. | 116 |
| ● LAMPIRAN A — Kenyataan Bersama Tun Abdul Razak — Mohd. Asri. | 124 |
| ● LAMPIRAN B — Demi Keselamatan Negara | 128 |
| ● LAMPIRAN C — Mengapa PAS Disingkir | 137 |

BERAKHIRNYA ERA ASRI DALAM PAS

Datuk Mohd. Asri Haji Muda mengakhiri era kepimpinannya dalam PAS dengan mengejut. Segala-galanya berlaku dengan pantas. Beliau semacam tidak memberikan masa sedikitpun untuk penyokong-penyo Kongnya berfikir. Segala tindak-tanduknya, langkah diambilnya, keputusan dibuatnya menimbulkan tandatanya beribu-ribu pengikut setianya. Mereka di antara yang terkapai-kapai di tengah-tengah lautan pertanyaan para perwakilan Muktamar Agung PAS ke 28 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada hari kedua muktamar tersebut - 23 Oktober, 1982.

Pada hari itu, para pengikut dan penyokong setianya tertanya-tanya sesama mereka sebab-musabab pemimpin besar PAS itu meletakkan jawatannya. Namun jawapannya tidak juga ditemui. Tiada siapa yang boleh menerangkan kepada mereka mengapa tindakan diambil oleh Datuk Asri itu tergesa-gesa. Jika adapun jawapan kepada pertanyaan mereka, ianya tidak jelas. Jawapan itu terlalu kabur, terlalu sukar bagi mereka mempercayainya. Lebih membingungkan bila mereka mengetahui bahawa tidak pernah berlaku dalam sejarah penubuhan PAS, seorang pemimpin yang dianggap berkaliber dan disegani sepertinya, tiba-tiba saja meletakkan jawatannya.

Datuk Asri yang ketika itu berusia 59 tahun, merupakan seorang pemimpin yang matang, yang sudah dewasa dengan masalah kepimpinan dan perjuangan parti yang dipimpinnya. Beliau adalah juga pemimpin PAS yang paling lama kekal menduduki kerusi Yang Dipertua Agung sejak PAS ditubuhkan. Beliau memimpin parti itu selama 18 tahun.

Kepimpinannya bermula sejak tahun 1964 sebagai Pemangku Yang Dipertua Agung PAS, selepas memegang berbagai-bagai jawatan di dalam parti sejak 1949. Beliau memegang kerusi Yang Dipertua Agung mulai tahun 1971.

Dengan ketenangan sikapnya, dengan kepintaran serta ketajaman pemikirannya dalam menciumi masalah yang kemungkinan berlaku dan timbul di dalam partinya, adalah tidak pernah diduga oleh sesiapa yang memerhati dari jauh bahawa beliau akan bertindak demikian. Tetapi apa yang berlaku dan menjadi realiti dalam

sejarah kepimpinannya selama 18 tahun itu adalah sebaliknya.

Di hari kedua muktamar itu, Datuk Asri macam telah hilang pedoman dan pertimbangannya bila pentadbiran PAS menjadi sasaran kritik para perwakilannya. Ini sesuatu yang luarbiasa belum pernah berlaku di dalam muktamar PAS sejak beliau memangku jawatan pemimpin parti itu.

Kekecohan timbul di hari pertama muktamar itu (22 Oktober, 1982) bila Datuk Asri yang dijadualkan menyampaikan ucapan dasarnya dan meresmikan muktamar itu telah tidak berbuat demikian. Para perwakilan dan para pemerhati yang lebih dari 2,000 orang hadir di muktamar itu kebingungan akibat tindakan tersebut. Para perwakilan kemudian diberitahu bahawa Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung akan disampaikan oleh Datuk Asri pada keesokan harinya (hari kedua muktamar itu).

Tetapi apa yang menjadi tandatanya umum di muktamar itu, mengapa Ucapan Dasar itu mesti disampaikan pada hari kedua dan tidak di hari pertama seperti lazimnya?

Ini suatu yang luarbiasa dan tidak pernah terjadi di dalam sejarah muktamar parti itu sebelumnya. Ramai mula menduga bahawa ini satu "formula baru" Datuk Asri dalam menyelesaikan krisis dalam parti yang telah kedengaran lama dulu. tetapi bagi mereka yang tajam pemikirannya mengenai perkembangan dan pergolakan di dalam PAS sejak parti itu mengalami krisis tenat di Kelantan dalam tahun 1977 hingga membawa kepada kekalahan teruk di dalam pilihanraya negeri 11 Mac, 1978, memberikan pendapat berbeda terhadap tindak-tanduk Datuk Asri itu.

Ada pendapat mengatakan bahawa Datuk Asri keciwa dengan langkah Dewan Pemuda PAS yang melangsungkan sidangnya di Bukit Mertajam dua bulan lebih awal dari tarikh Muktamar Agung PAS dijadualkan berlangsung.

Di dalam sidang tersebut, Dewan Permuda dikatakan membuat suatu resolusi untuk dikemukakan di Muktamar Agung PAS yang memungkinkan kewibawaan Datuk Asri sebagai pemimpinnya tergugat.

Ucapan Dasar dan perasmian Muktamar Agung PAS oleh Yang Dipertua Agungnya, lazimnya diwakili oleh ketiga-tiga Dewan iaitu Dewan Pemuda, Dewan Ulamak dan Dewan Muslimat yang kesemuanya akan memulakan sidang mereka sesudahnya.

Oleh sebab Dewan Pemuda lebih dahulu mengadakan sidangnya, Datuk Asri mungkin berpendapat Ucapan Dasar dan perasmianya tidak menjadi penting lagi.

Atau mungkin langkah dibuat oleh Dewan Pemuda itu dianggap mencabar kewibawaannya dan tradisi Muktamar Agung itu sendiri, maka Datuk Asri berubah sikap tiba-tiba.

Kalaularah langkah Dewan Pemuda itu menjadi puncanya, ianya akan menjelaskan lagi kepada umum, khususnya kepada ahli-ahli dan para penyokong PAS sendiri bahawa pergolakan di dalam parti itu sudah berjalan lama dulu tetapi tidak terdedah kepada umum secara terang.

Datuk Asri sendiri tidak disenangi oleh tokoh-tokoh muda dan intelektuil di dalam parti itu sejak sebelum berlangsungnya muktamar parti ke 27 diadakan tahun lalu.

Tetapi kerana sikap mereka yang menghormati tokoh yang lebih tua di dalam parti, telah mengambil sikap menunggu dan melihat. Lebih-lebih lagi bila Datuk Asri sendiri yang selalu keuzuran menyuarakan hasratnya untuk memimpin parti itu bagi satu penggal lagi. Beliau berura-ura untuk menyerahkan pucuk pimpinannya di muktamar Agung ke 29 depan (1983).

Tetapi, tanpa diduga, segala-galanya mengambil tempat dengan pantas, seperti pantasnya Datuk Asri meletakkan jawatannya sebelum cukup tempoh yang diura-urakannya itu.

Satu hakikat keadaan ini berlaku ialah kerana tokoh-tokoh muda yang mengambil sikap menunggu dan melihat itu telah tidak dapat bersabar bila pentadbiran yang sedang menghadapi saat-saat mencabar makin lemah dalam menghadapi perjuangannya.

Isu kafir-mengkafir yang menjadi sasaran parti lawan terhadap perkembangan parti itu macam hilang fungsi dalam tindak-tanduknya. Pucuk pimpinannya mengambil sikap seolah-olah melempar batu sembunyi tangan.

Tidak ada satu usaha khusus pucuk pimpinan parti dalam mewujudkan suasana tenteram di kalangan ahli dan pengikutnya. Masalah dua imam, sembahyang Jumaat dua kali dalam sebuah masjid, membina masjid sendiri, sembahyang di kelab parti dan sebagainya terus berleluasa di kalangan pengikut-pengikutnya.

Segala-galanya ini timbul dari kelemahan pentadbiran dan pucuk pimpinan parti tentunya dikira mempunyai peranan dan

tanggungjawab terhadap apa yang terjadi kepada pengikut dan penyokongnya.

Sebagai sebuah parti berpengaruh dalam memperjuangkan kebenaran akidah Islamiah, PAS tidak harus melepas tangan dalam soal-soal melibatkan prestasi parti dan perjuangannya akibat tindak-tanduk pengikut-pengikutnya.

Tetapi keadaan ini tidak wujud di dalam pentadbiran PAS sehingga kerajaan campurtangan dalam menjaga ketenteraman umum. Datuk Asri memperlihatkan sikap ‘melepas tangannya’ bila beliau menyuarakan sokongannya terhadap tindakan pihak berkuasa ke atas mereka yang terlibat.

Kita maksudkan dari sikap ‘melepas tangan’ itu ialah bila tidak adanya usaha-usaha pucuk pimpinan parti mengawasi keadaan itu hingga polis terpaksa bertindak.

Pucuk pimpinan PAS seharusnya lebih dahulu mengambil tanggungjawab menyelesaikan sebelum ianya mengambil sikap “menyokong” tindak-tanduk pihak berkuasa.

PAS seharusnya menentukan apakah puncanya menyebabkan keadaan itu timbul? Siapakah sebenarnya bertanggungjawab? Jika keadaan berlaku itu timbul dari fatwa Ulamak PAS sendiri yang merasakan mereka lahir ‘lebih Islamic’ dalam segala-galanya dan nyata ianya tidak sesuai untuk diperlakukan di negara ini, seperti ditimbulkan oleh Datuk Asri di muktamar ke 28 parti, mengakibatkan beliau terpaksa meletakkan jawatannya, suatu usaha membetulkannya harus dibuat secara kolektif para Ulamak dan pucuk pimpinan partinya.

Cara ini bukan saja dapat menjaga imej dan prestasi parti malah ianya juga memperlihatkan sebuah parti yang bertanggungjawab membawa kebenaran akidah Islamiah diperjuangkannya. Pucuk pimpinannya tidak lagi dianggap mengambil sikap “melepas tangan” nya atau tidak lagi menjadi sasaran tomohan bahawa parti itu membawa perpecahan kepada perpaduan ummah negara ini.

Kegagalan menyelesaikan masalah ini adalah kegagalan pucuk pimpinannya. Di sinilah memungkinkan anggapan umum bahawa di dalam parti itu adanya kelemahan Datuk Asri yang kemudian membawa kepada usaha dari dalam parti sendiri untuk menyingkirnya.

Sebenarnya, rasa tidak puashati golongan intelektuil di dalam parti terhadap kepimpinan Datuk Asri bermula selepas Muktamar Agung parti ke 27 (1981) lagi. Beliau yang diberikan mandat sekali lagi dalam muktamar itu memimpin parti telah membelaangi tokoh muda intelektuinya ketika menyusun semula Ahli Jawatankuasa Agungnya.

Datuk Abu Bakar Umar yang digugurkan oleh para perwakilan di muktamar itu dilantik sebagai Setiausaha Agung Parti, satu jawatan penting yang menjadi gerak nadi parti. Beliau menggantikan tempat Setiausaha Agung sebelumnya, Ustaz Nakhiae Haji Ahmad yang konon tidak disenangi oleh Datuk Asri.

Dalam kepimpinannya sebelum ini, Datuk Asri dikatakan tidak dapat menentang arus kehendak pengikut-pengikut parti yang mahukan kepada kepimpinan baru dari golongan pelapisnya.

Kepimpinan Datuk Asri sebelum ini semacam sudah hilang potensi perjuangan, bila dilihat dari kedudukannya sebagai sebuah parti pembangkang yang memerlukan tindak-tanduk lebih bererti dalam memperjuangkan kepentingan rakyat dan imej parti itu sendiri di mata umum.

Mungkin dari sinilah bermulanya kebangkitan golongan pelapis intelektuil Islam yang mengapi-apikan kepimpinan yang ada.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dalam satu kenyataan di Kota Baharu tidak menolak hakikat ini bila beliau mengulas pergolakan berlaku di dalam PAS mengakibatkan Datuk Asri meletakkan jawatannya.

Kata Datuk Musa: "Jelas bahawa satu golongan telah dapat menguasai PAS dan seperti yang disebutkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan, dua hari sebelumnya, adalah benar.

"Pada saya, apa yang terjadi di dalam PAS itu tidak menghairankan. Kerana seperti kita ketahui, ianya berlaku sejak 18 tahun lalu," ujarnya.

Katanya lagi, Datuk Asri telah begitu lama memimpin PAS. Sebagai seorang yang terlalu lama menjadi pemimpin, tentu ada pemikiran baru dan puak-puak lama yang berbeda pemikiran, mengambil kesempatan untuk menukar corak pentadbiran PAS secara positif atau negatif.

Sebagai pemimpin lama, Datuk Asri tidak sunyi dari melakukan kelemahannya dalam banyak hal, baik sebelum maupun selepas pilihanraya 22 April, 1982 lalu.

Dalam pilihanraya 22 April umpamanya, keretakan di dalam kepimpinan PAS Kelantan ketara sekali bila Datuk Asri dipercayai cuba campurtangan dalam pemilihan calon untuk bertanding di dalam pilihanraya tersebut.

Datuk Asri dengan sikap lama, lebih mementingkan calon 'keluarga'nya dikatakan inginkan calon yang akan bertanding itu dari mereka yang rapat dengannya atau dari 'kem'nya.

Sementara Ketua Dewan Ulamak yang juga memimpin PAS negeri itu, Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat mempunyai pilihan lain dalam menamakan calon bertanding di dalam pilihanraya negeri itu.

Pada dasarnya, Ustaz Nik Abdul Aziz yang diberikan kepercayaan mengetuai PAS Kelantan mempunyai segala hak menentukan calon-calonnya mengikut kehendak parti.

Keadaan terjadi ini membawa kepada pertentangan pendapat di kalangan pengikut masing-masing, membawa kepada kekeruhan kepimpinan Datuk Asri keseluruhannya.

Datuk Asri memperlihatkan 'era kepimpinan secara kem' ini sejak sekian lama dulu dan masih terus berjalan di saat akhir perletakan jawatannya. Satu contoh lain amalan ini ialah bila beliau melantik semula Datuk Haji Abu Bakar Umar menjadi Setiausaha di dalam kabinet barunya selepas Muktamar Agung Parti ke 27 (1981). Sedangkan Datuk Abu Bakar Umar jelas tidak dikehendaki oleh para perwakilan bila beliau tewas di tangan Haji Yusof Rawa merebut jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung di muktamar tersebut.

Langkah dibuatnya seolah-olah cuba menentang arus kehendak sebahagian besar para pemimpin pelapisnya di dalam parti dan para perwakilannya di muktamar.

Di Trengganu, pemimpin-pemimpin pelapis terdiri dari para intelektuil Islam tidak sebulu dengannya sejak sekian lama, timbul dari banyak hal mengenai tindak-tanduknya. Di mata mereka, Datuk Asri sudah hilang penghormatannya sebagai pemimpin mereka.

Nama-nama yang sedang memuncak pengaruhnya di Trengganu termasuklah Pesuruhjaya PAS Negeri itu, Ustaz Abdul Hadi Awang, Timbalannya, Encik Mustapha Ali dan Bendahari Agung PAS Negeri, Wan Abdul M alib Embong.

Haji Abdul Hadi dan Encik Mustapha Ali masing-masing menjadi Naib Yang Dipertua Agung di peringkat pusat. Encik Mustapha Ali juga sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS yang memandu dewan itu mengadakan sidangnya dua bulan lebih awal dari Muktamar agung PAS ke 28 (22 Oktober, 1982)

Datuk Asri juga menghadapi dilema dengan tokoh intelektuil muda di negeri Kedah seperti Ustaz Fadil Noor dan Ustaz Nakhaie Haji Ahmad. Ustaz Fadil Noor Timbalan Pesuruhjaya PAS Negeri dan di masa yang sama beliau menjadi Naib Yang Dipertua Agung PAS pusat.

Sementar Ustaz Nakhaie Setiausaha Agung PAS pusat sebelum Muktamar Agung ke 27 yang digugurkan untuk melantik sahabat karibnya, Datuk Abu Bakar Umar.

Di negerinya sendiri di Kelantan, Datuk Asri berdepan pula dengan tokoh yang berpengaruh di dalam pimpinan PAS, Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat yang akhir-akhir ini banyak bertentangan pendapat dengannya.

Keadaan-keadaan ini membuatkan Datuk Asri tidak 'Ulamak' lagi dalam kepimpinan partinya yang lebih mengutamakan golongan Ulamak sebagai kuasa tertinggi parti.

Sememangnya seorang pemimpin itu tidak akan kekal selamanya sekalipun ianya seorang yang dianggap bijak suatu ketika. Usia yang melandanya tidak dapat mempertahankan arus kemajuan dan perubahan dibawa oleh pemikiran baru yang lebih intelektuil, hatta kehendak generasi muda (di dalam kontek ini pemimpin pelapis di dalam PAS sendiri).

Datuk Asri sudah memperlihatkan kaliber kepimpinannya dalam menyelamatkan PAS dari berkubur ke suatu tahap sesuai dengan keadaan dan zamannya. Dan ia tidak mungkin sesuai untuk sepanjang zaman kerana 'masyarakat Melayu di negara ini, dalam jarak masa 18 tahun lamanya, sejak Datuk Asri memegang teraju kepimpinannya PAS, semakin terpelajar dan lebih mengerti tentang definisi politik negaranya.'

Politik itu sendiri sering berubah-ubah mengikut kehendak dan peredaran zamannya. Kerana keadaan inilah, tokoh yang dulunya disebut-sebut sebagai bakal pemimpin masa depan PAS, kerana kepimpinan dan perjuangan Islamnya, Encik Anwar Ibrahim, tanpa diduga oleh sesiapa, melangkah kakinya ke dalam perjuangan UMNO dalam usahanya meniti arus memegang teraju pemerintahan negara.

Dengan kehadiran begitu ramai intelektuil muda dan kepimpinan PAS sendiri yang leka dan statik, bergemalah suara-suara sumbang di Dewan Muktamar Agungnya ke 28 dari pagi hari pertama membawa kepada pagi hari keduanya. Nada suara yang sumbang para perwakilan menjadikan Datuk Asri sebagai sasaran.

Jelaslah, apa yang berlaku itu membayangkan kepimpinan Datuk Asri tidak diberikan penghormatan lagi. Dalam riuh-rendah suara-sura sumbang itu, timbul pula isu bahawa Trengganu akan membawa usul tergempar untuk menarik perhatian para perwakilannya supaya memberikan undi tidak percaya mereka kepada kepimpinan Datuk Asri.

Isu ini tersebar luas pada petang hari pertama muktamar dan pada malamnya, isu itu meluas ke bilik-bilik hotel penginapan para perwakilannya. Ada para perwakilan dan pemerhatinya yang kurang yakin dengan berita-berita angin bertiup kencang itu, mengambil kesempatan menemui Datuk Asri di rumahnya di Jalan Pahang pada sebelah malamnya bagi mengetahui apakah sebenarnya penyakit sedang menular ke dalam pentadbiran parti itu.

Tetapi mereka tidak juga mendapat jawapan diperlukan. Apa yang harus dibuatnya ialah menunggu apa yang akan terjadi di hari kedua muktamar itu.

Pada petang hari kedua itu, apa yang dikemukakan kepada mereka bukan usul tergempar untuk menyingkir Datuk Asri, tetapi mereka dikemukakan dengan suara perletakan jawatan Yang Dipertua Agungnya oleh Setiausaha Agung parti, Datuk Abu Bakar Umar sendiri.

Muktamar petang itu menjadi gempar dengan isu baru itu tanpa mengambil tahu lebih jauh usul menyingkirkan Datuk Asri.

Apa yang aneh ketika pengumuman Datuk Abu Bakar Umar mengenai perletakan jawatan Datuk Asri itu disambut dengan

gembira oleh lebih dua ribu perwakilan dan pemerhati yang membanjiri Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka. Suara mereka bergema dengan teriakan 'Allahu Akbar' sebagai menamatkan era kepimpinan Datuk Asri selama 18 tahun dengan parti itu.

Reaksi para perwakilan itu membayangkan kepimpinan Datuk Asri sebelum ini tidak mendapat penghormatan lagi dari para pewakilannya. Ertinya, maruah kepimpinannya telah tercabar sejak lama dulu. Cuma menunggu saat dan ketika saja untuk didedahkan sebagai satu kenyataan kepada umum.

Tidaklah diketahui samada sambutan yang begitu hebat terhadap perletakan jawatannya itu, timbul dari kempen-kempen dijalankan untuk menyingkirnya sebelum itu atau tidak. Tetapi yang jelas, usul tidak percaya kepadanya yang diura-urakan sebelum itu tidak menjadi kenyataan lagi di muktamar tersebut.

Sebab-sebab perletakan jawatannya secara mengejut itu diperlakukan umum, sungguhpun Datuk Asri sendiri menjelaskan melalui suratnya. Ada hujah-hujah mengatakan, perletakan itu sebagai mengambil jalan selamat untuk menjaga maruah dan kepimpinannya yang lama di dalam parti itu dari sebarang tindakan yang tidak diingini oleh para perwakilan seperti menghadapi undi tidak percaya sebagaimana diura-urakan sebelumnya. Dengan perletakan jawatan itu, orang masih boleh mengira beliau mengundurkan diri dengan terhormat dan beliau masih terus kekal sebagai pemimpin yang tidak dicabar.

Hujah-hujah lain mengatakan, sekiranya beliau tidak mengundurkan dirinya dan undi tidak percaya itu dikemukakan, sekalipun tidak berjaya menyingkirnya, nama baiknya selama ini akan ikut tercemar.

Sebaliknya jika usul undi tidak percaya itu mencapai sasaran-nya, segala usahanya selama memimpin parti itu lebur samasekali.

Dari dua alternatif itu, yang paling selamat ialah mengundurkan dirinya sebelum sesuatu yang lebih buruk mungkin terjadi yang boleh menjelaskan nama baiknya selama ini.

Sejauhmana hujah-hujah ini betul tidaklah dapat diketahui. tetapi ianya ada logiknya. Datuk Asri seorang pemimpin yang dianggap cekap dan tajam menciumi kemungkinan berlaku di dalam partinya.

Melalui surat perletakan jawatannya yang dibaca oleh Datuk

Abu Bakar Umar umpamanya, beliau telah melihat kemungkinan-kemungkinan yang akan terjadi kepada parti itu, sekiranya beliau tidak mengundurkan diri.

Baginya, pengunduran dirinya itu satu usaha bagi menyelamatkan perpecahan lebih tenat di dalam parti itu. Antara lain suratnya berbunyi:

"Menyedari bahawa sudah wujud kalangan dalam PAS yang mahukan corak pimpinan yang lebih radikal, maka dengan ini saya mengambil keputusan menyerahkan jawatan Yang Dipertua Agung kepada muktamar ke 28."

Beliau memberikan tiga sebab beliau meletakkan jawatan iaitu:

- * Kerana terdapat satu bentuk komspirasi dan usaha-usaha untuk menggulingkannya dari pucuk pimpinan parti;
- * Trend dan cara berpolitik sekarang sudah menyimpang daripada matlamat perjuangan asal PAS dan;
- * Adanya fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada beliau oleh golongan parti yang bertopengkan 'kepimpinan Ulamak' sebelum muktamar kali ini yang telah mengharu-birukan fikiran dan suasana.

Datuk Asri menjelaskan kemudiannya: "Sebagai yang diketahui umum trend yang berkembang di dalam PAS sekarang adalah ke arah satu corak berpolitik yang asing dari yang dibawa oleh PAS selama ini.

"Saya kira kemampuan saya untuk mengendalikan pimpinan PAS mengikut kaedah yang lazim sudah sampai ke peringkat yang menyebabkan hati kecil saya mendesak untuk membuat keputusan ini."

Turut meletakkan jawatan hari itu Setiausaha Agung parti, Datuk Abu Bakar Umar, Bendahari Agung, Haji Hassan Mohammad dan Ketua Dewan Muslimat, Datin Sakinah Haji Joned, isteri Datuk Asri sendiri.

Datuk Abu Bakar Umar mengumumkan perlentakan jawatannya sebagai Setiausaha Agung sebaik saja beliau selesai membaca surat perlentakan jawatan Datuk Asri.

"Oleh sebab saya dilantik oleh Yang Dipertua Agung, saya juga

akan meletakkan jawatan sebaik saja muktamar ini tamat," katanya.

Dilihat dari reaksi mendadak sebilangan tertentu pucuk pimpinan parti itu berikutnya dengan perletakan jawatan Datuk Asri membawa pengertian bahawa perlantikan jawatan penting di dalam parti sebelum ini dari amalan 'kem' atau 'kekeluargaan' dari tokoh tertentu yang berkuasa.

Perletakan jawatan Haji Hassan Mohammad sebagai Bendahari Agung, Datuk Abu Bakar Umar sebagai Setiausaha Agung dan Datin Sakinah Joned sebagai Ketua Dewan Muslimat mempunyai pertalian erat kepada maksud di atas.

Haji Hassan seorang yang paling rapat dengan Datuk Asri. Begitu juga Datuk Abu Bakar Umar. Sementara Datin Sakinah isteri Datuk Asri sendiri.

Dengan kedudukan itu sukarlah mempercayai bahawa perletakan jawatan mereka sebagai "perlu" dilihat dari segi kepentingan parti. Secara logiknya, perletakan jawatan mereka mempunyai hubungan peribadi dengan Datuk Asri sendiri, baik atas kiraan 'setiakawan,' 'kem' atau 'kekeluargaan' secara lansung atau tidak.

Jika andaian ini menepati maksudnya, ketiadaan mereka dalam pucuk pimpinan tidak merugikan perjuangan PAS, imej serta perpaduan parti keseluruhannya. Kehadiran mereka boleh dimengertikan sebagai tidak lebih dari "pejuang untuk Datuk Asri."

Sekali lagi jika andaian ini menepati maksudnya, perjuangan mereka itu sendiri tidak membawa erti kepada PAS jika boleh dikatakan bahawa PAS itu bukan Asri dan Asri itu bukan PAS dalam ertikata yang lebih luas.

Jawatankuasa Agung meninggalkan Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka kira-kira setengah jam selepas pengumuman perletakan jawatan Datuk Asri untuk mengadakan sidang khasnya.

Ustaz Fadil Noor kemudian memberitahu: "Jawatankuasa Agung telah mengkaji surat perletakan jawatan Datuk Asri mengikut peruntukan perlembagaan parti dan mendapati ianya sah mengikut perlembagaan."

Perubahan kecil di dalam Jawatankuasa Agung juga dibuat berikutan dengan pengunduran Datuk Asri. Timbalan Yang Dipertua Agung parti, Haji Yusof Rawa memangku jawatan Yang Dipertua Agung, Naib Yang Dipertua Agung, Ustaz Fadil Noor memangku jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung.

Senator Salmah Hussein pula memangku jawatan Ketua Dewan Muslimat, Ustaz Hassan Shukri dilantik sebagai Setiausaha Agung sementara Syed Ibrahim Abdul Rahman mengambilalih jawatan sebagai Bendahari Agung.

Perlantikan Setiausaha dan Bendahari Agung dipersetujui Jawatankuasa Agung PAS yang bersidang, tujuh November, 1982. Perlantikan itu selaras dengan pindaan baru perlembagaan parti yang diusulkan oleh Dewan Pemudanya bagi tujuan mengurangkan kuasa Yang Dipertua Agung.

Usul yang dikemukakan dalam Muktamar Agung ke 28 itu mahukan jawatan-jawatan penting seperti Setiausaha dan Bendahari Agung serta lima orang bakal menduduki Ahli Jawatankuasa Agung parti dilantik oleh Yang Dipertua Agungnya dengan mesyuarat Jawatankuasa Agungnya.

Sebelum ini, jawatan-jawatan tersebut dilantik atas kuasa Yang Dipertua Agung sendiri sebagai kuasa mutlaknya. Atas peruntukan itu, seorang Yang Dipertua Agung boleh melantikkan siapa saja tokoh yang disukainya atau rapat dengannya tanpa persetujuan Jawatankuasa Agung lain.

Adalah dipercayai bahawa pindaanbaru perlembagaan parti itu boleh mengelakkan dari amalan mementingkan 'kem' atau 'kekeluargaan' dalam pemilihan jawatan penting seperti dilakukan di masa-masa sebelumnya.

Pindaan perlembagaan itu akan lebih bererti kepada PAS dan perjuangannya jika ianya bermaksud meluaskan pengaruh dan mendisiplinkan setiap anggotanya dalam membentuk era kepimpinan barunya. Kehadiran tokoh pengasas parti itu, Ustaz Amaluddin Darus tidak lama selepas Datuk Asri mengundurkan diri, menyakinkan lagi bahawa pindaan baru perlembagaannya lebih praktik untuk membawa perubahan dalam kepimpinan barunya.

Seharusnya bentuk kepimpinan lama parti itu dijadikan sem-

padan untuk tidak mengulangi penyakit lamanya menular kembali (seperti menutup rapat pintunya kepada para intelektuil muda Islam kerana bimbangkan mereka itu akan mengambil alih kuasa atau mencabar pucuk pimpinan yang ada).

Perubahan itu perlu dan peralihan kuasa itu penting dalam kontek perjuangan kolektif - berparti - kerana parti bukan milik atau perjuangan individu!

Pemimpin itu datang dan pergi tetapi PAS akan tetap PAS!

Bagi Datuk Asri, era ini adalah era bulan penuh pernama gerhana tidak dipagari bintang dan berakhirnya era 'kem' dan 'kekeluargaan' bagi PAS.



PROSES, ASAS DAN MATLAMAT PAS DITUBUH

PAS mengalami krisis sejak awal-awal proses penubuhannya. Parti itu yang dulunya dikenali sebagai Parti Islam Setanah Melayu yang kemudian ditukar menjadi Parti Islam Semalaysia (PAS) sebenarnya diasaskan dari sayap UMNO, dianggotai oleh para Ulamak UMNO sendiri ketika itu.

Proses penubuhannya bermula dari satu perselisihan faham sesama anggotanya dari sayap UMNO itu dalam tahun-tahun empat puluhan. Aktiviti-aktivitinya bagaimanapun tidaklah memperlihatkan sebagai sebuah badan berasingan melainkan sebagai mewakili badan induknya, UMNO.

Terdapat banyak percanggahan antara sesama mereka dalam mengeluarkan fatwa-fatwa terhadap umat Islam. Keadaan ini dikatakan berlarutan hingga dalam bulan Februari, 1950, Parti UMNO mengambil inisiatif menganjurkan satu mesyuarat bagi para pemimpin Islam dan Ulamak di Johor Bahru sebagai mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah sedang dihadapi oleh umat-umat Islam di Malaya.

Di antara isu-isu yang dibincangkan termasuklah usaha menyelaraskan jabatan-jabatan agama di negeri-negeri, kesulitan jemaah-jemaah haji ke Mekah dan penubuhan sebuah kolej Islam.

Salah satu keputusan diambil ialah untuk menubuhkan sebuah badan di dalam UMNO. Nama yang dicadangkan ialah Persatuan Ulamak Semalaya. Haji Ahmad Fuad, seorang sahabat Datuk Onn Jaafar sebagai pemimpinnya. Penubuhan persatuan Ulamak ini, menurut pandangan UMNO ialah untuk menjadi badan bertindak bagi menentang golongan ulamak di luar UMNO iaitu Hizbul Muslimin.

Bagaimanapun, ketika peringkat perancangan itu, badan itu dikira terasing dari gerakan politik. Ianya semata-mata untuk gerakan dakwah di kalangan para ulamak UMNO sendiri. Dalam pada itu ada juga yang beranggapan bahawa soal politik mula menular ke dalam gerakan ulamak ketika itu. Ini kerana ianya dicetuskan oleh satu badan yang berfungsi kepada politik.

Dalam bulan Jun 1951, mesyuarat tahunan parti UMNO dilangsungkan di Kepala Batas, Pulau Pinang. Dalam mesyuarat

inilah nama Persatuan Ulamak Semalaya diubahsuai dengan nama baru iaitu Persatuan Islam Semalaya atau ringkasnya PAS. Dalam mesyuarat itu juga, para perwakilan telah mencadangkan supaya PAS dikenalkan sebagai satu gerakan agama tanpa melibatkan secara langsung unsur-unsur politik di dalamnya.

Perpisahan PAS Dengan UMNO pun dikatakan bermula dari situ. Haji Ahmad Fuad terus memimpinnya hingga tahun 1954, bila pemimpin PAS itu cuba pula menarik seberapa ramai ahli-ahli UMNO sendiri menyokongnya. Pendapat ini mungkin benar kerana beliau sendiri diketahui sebagai orang yang menyokong Datuk Onn yang memimpin Parti Kemerdekaan Malaya (Independence of Malaya Party - IMP). Parti itu adalah sekutunya. UMNO pula ketika itu dipimpin oleh pemimpin barunya, Tunku Abdul Rahman Putera. Sebuah lagi parti yang dikira sekutu dengan IMP ialah Malayan National Conference Party.

Bagaimanapun, Haji Ahmad Fuad dikatakan gagal untuk mendapat sokongan PAS bagi maksud tersebut dan beliau lalu meletakkan jawatannya. Haji Abbas Alias kemudian muncul sebagai pemimpin PAS yang baru menggantikan Haji Ahmad Fuad.

Selepas itulah PAS dikatakan berubah haluannya dari kegiatan hal-hal agama kepada soal-soal politik tanahair. Proses mendafarkan badan itu sebagai sebuah badan politik juga dilakukan. Sehari sebelum hari penamaan calon bagi Pilihanraya Umum 1955, pendaftarannya dikatakan diluluskan oleh pihak pendaftar pertubuhan-pertubuhan. Lahirlah ia sebagai sebuah parti politik yang sah.

Ada di kalangan para ulamak yang menganggotainya tidak senang dengan tindakan itu. Mereka tidak mahu PAS dipolitikkan dan oleh kerana itu ada di antara mereka berpecah dan mencari haluan tersendiri. Banyak pula para ulamak dikatakan turut serta berjuang di dalam parti-parti politik lain mengikut kecenderungan dan keyakinan mereka. Ada yang mengira bahawa penglibatan mereka dalam parti-parti politik tertentu itu sebagai jalan keluar untuk mendapat atau menukar pekerjaan. Tetapi di dalam tahun 1955, isu-isu pilihanraya parti PAS belum meneroka bidang-bidang baru dalam soal-soal keagamaan untuk dijadikan isu-isu politik mereka. Dalam kempen-kempennya, mereka cuma

menggunakan isu antara kaum - Cina dan India - sebagai golongan yang mengancam hak-hak dan kedudukan orang Melayu di negara ini.

Keadaan ini berbeza dengan kempen-kempen UMNO yang ketika itu menggunakan Dasar "Jus Soli" yang membuka pintu kepada orang Cina dan India untuk mendapatkan kerakyatan. Dasar "Jus Soli" ini dikecam oleh PAS. Bagaimanapun, dalam usaha menarik selera umum bagi menyokong perjuangannya, PAS terpaksa pula menghadapi berbagai-bagai cabarannya.

Tetapi dengan kuat keazaman mempertahankan prinsip-prinsipnya berasaskan keislaman dan kejujuran kepimpinannya, PAS dapat juga menarik ramai penyokong-penyokongnya. Satu sebab yang dikira telah dapat membawa kejayaan itu ialah kerana ianya dapat mengekalkan unsur-unsur agama dan kebangsaan Melayu dalam mencorakkan kemerdekaan seperti dikehendakinya.

Berita PAS wujud sebagai parti politik Islam memperjuangkan agama dan bangsa Melayu itu mula tersebar luas ke seluruh negara.

Kedudukannya sebagai sebuah parti Islam makin mendapat sambutan rakyat bila pilihanraya 1955, PAS dapat memenangi satu dari 52 kerusi Dewan Rakyat yang dipertandingkan. Di sana sini, para pemerhati politik menyambut kemunculan PAS dengan menubuhkan cawangannya di negeri-negeri. Ada cerita menyatakan PAS mula berkembang di Bukit Mertajam. Tetapi kekuatan PAS sebenarnya terbukti di Krian, Perak, bila Haji Ahmad bin Haji Hussein memenangi kerusi parlimen sulung bagi PAS di dalam pilihanraya umum tahun 1955. Kemenangan Haji Ahmad itu mungkin kerana di kawasan itu sendiri keseluruhan penduduknya terdiri dari kaum petani. Dan mereka ini mempunyai fahaman agama dan semangat kebangsaan yang tebal.

Selepas pilihanraya itu, Haji Ahmad bin Hussein merupakan satu-satunya pembangkang di dalam Dewan Rakyat dari tahun 1955 - 59. Suaranya yang lantang di Dewan Rakyat tentunya menimbulkan rasa ghairah di kalangan pemerhati politik terhadap parti Islam yang baru muncul itu. Kegiatan menubuhkan cawangan parti dimulakan di negeri-negeri di mana terdapat majoriti Melayu bagi meluaskan pengaruh PAS seperti di Kedah, Perlis, Pahang, Kelantan dan Trengganu selain dari Perak dan Johor.

Keharuman nama PAS boleh dikatakan bermula di zaman Dr.

Burhanuddin Al-Hilmy menjadi Yang Dipertua, orang ketiga mengambil alih pucuk pimpinan PAS selepas Haji Abbas bin Haji Alias.

Dr. Burhanuddin menjadi ahli PAS pada 14 Disember, 1956. Dan pada 25 Disember tahun yang sama beliau mengambil alih pucuk pimpinan parti sebagai Yang Dipertua. Sebab-sebab beliau menyertai parti PAS adalah tidak jelas. Tetapi satu sebab yang mungkin boleh diterima ialah kerana 'unsur-unsur UMNO' di dalam PAS telah tidak ada dan PAS pada masa itu muncul sebagai sebuah parti pembangkang hasil dari pilihanraya yang pertama itu.

Faktor lain memungkinkannya menyertai PAS, (sebelum ini beliau juga disebut sebagai telah merancangkan penubuhan Parti Rakyat Malaya pada tahun 1955) ialah kerana dalam tahun 1956, UMNO bersama MCA dan MIC menjadi Parti Perikatan. Dan persoalan yang timbul ketika itu bukan lagi untuk mencapai kemerdekaan tetapi corak kemerdekaan itu sendiri yang diperjuangkan.

Sikap dan corak perjuangan PAS ketika itu dapat kita lihat dalam beberapa ucapan Dr. Burhanuddin sendiri selaku Yang Dipertua PAS di Mesyuarat Agung parti itu 24 Ogos 1957 di mana beliau menyebut:

"..... bahawa dasar pokok perjuangan kita ialah "kemerdekaan" yang penuh...."

Beliau antara lain menyebut rangka-rangka perjuangan parti itu:

- Kebangsaan negeri ini mestilah 'Melayu';
- Mestilah diakui bahawa bangsa Melayu adalah tuan punya negeri ini;
- Untuk membina satu bahasa, satu negara dan satu bangsa yang teguh hanya diakui bahasa Melayu saja menjadi bahasa resmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal di negeri ini;
- Islam menjadi agama resmi dalam ertikata yang betul pada ajaran Al-Quran dan Sunnah nubuwah dan;
- Menentang dasar "Jus Soli" (iaitu dasar yang memberikan kerakyatan kepada siapa saja yang dilahirkan di negara ini dan orang-orang bukan

Melayu yang hendak menjadi rakyat negeri ini hendaklah dengan permintaan diluluskan oleh undang-undang yang mengawal keselamatan wujudnya bangsa Melayu dan dicurahkan dengan orang-orang dagang ke negeri ini oleh "Open door policy").

Prinsip perjuangan PAS dapat kita lihat di dalam ucapan yang sama bila beliau menekankan bahawa kemerdekaan belum mempunyai erti "melainkan setelah berjalan hukum-hukum Islam pada orang perseorangan, masyarakat dan negara."

PAS telah meletakkan asas perjuangannya ke arah mewujudkan negara Islam melalui kemerdekaan. Cita-cita ini boleh kita lihat melalui ucapan Dr. Burhanuddin selaku Yang Dipertua PAS pada tahun 1964. Katanya:

"Untuk menentukan kejayaan perjuangan Islam betapa pentingnya ahli-ahli PAS meningkatkan keimanan mereka: Kekuatan PAS sebagai parti politik memperjuangkan Islam terletak kepada kemampuan setiap ahlinya dalam membentuk peribadinya sendiri yang merupakan keindahan ajaran Islam. Setiap ahli terutama yang bernama pemimpin hendaklah memperlihatkan kemampuan pengajaran Islam."

PAS dapat meluaskan pengaruhnya di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin. Tetapi keadaannya bertukar, semangat perjuangan diapi-apikan oleh pemimpin besarnya itu mulai reda setelah beliau ditahan tidak lama kemudian atas sebab-sebab terlibat dengan konfrantasi Indonesia. Setelah beliau dibebaskan semula pada tahun 1966, beliau dilarang dari bergiat aktif dalam politik, hingga larangan itu ditarik balik pada 22 September, 1969. Pada 25 Oktober 1969 beliau telah meninggal dunia.

Seorang lagi yang turut membawa PAS ke zaman kegemilangan ialah Prof. Zulkifli Muhammad. Tetapi beliau terpaksa meninggalkan perjuangannya kerana menemui ajal di satu kemalangan jalanraya pada 6 Mei, 1964.

Nama lain yang disebut termasuklah Datuk Haji Mohamad Asri Haji Muda yang tiba-tiba muncul sebagai tokoh PAS terkemuka dan banyak sekali mengukir sejarah buruk baiknya perjuangan PAS. Beliau mengambil alih pucuk pimpinan PAS dari tangan Dr. Burhanuddin secara resmi pada tahun 1971. Beliau meletak

jawatan pada hari kedua Muktamar PAS ke 28 iaitu pada 23 Oktober, 1982. Beliau memimpin PAS selama 18 tahun.

Ketiga-tiga tokoh itu sebagai lambang keagungan PAS yang menempa kejayaannya dalam menghidup dan membesarkan pengaruhnya di kalangan umat Melayu. Kejayaan besar PAS ialah dalam pilihanraya umum tahun 1959. Dalam pilihanraya itu PAS berjaya menukuhkan kerajaannya di Kelantan dan Trengganu. Dan dalam pilihanraya itu jugalah suara pemimpin PAS bergema di Parlimen bilamana Prof. Zulkifli memenangi Kerusi Parlimen di Bachok, Datuk Haji Mohamad Asri di Pasir Putih dan Othman Abdullah di Tanah Merah.

Dalam pilihanraya itu sebanyak sembilan dari 10 kerusi parlimen di Kelantan dimenangi oleh PAS. Jumlah ahli Dewan Rakyat PAS di Parlimen seramai 13 orang sembilan di Kelantan dan empat lagi di Trengganu. Dalam tahun 1959, pengundi-pengundi UMNO di Kelantan berjumlah 48,509 iaitu mendapat dua dari 30 kerusi Dewan Undangan Negeri dipertandingkan berbanding dengan pengundi-pengundi PAS yang berjumlah 114,858 dengan memenangi 28 kerusi.

Dalam pilihanraya tahun 1959 juga, PAS buat pertama kalinya dapat menakluki dua buah negeri di Pantai Timur - Kelantan dan Trengganu. Peratus pengundi yang mengundi PAS di Kelantan ialah 68.3 peratus sementara di Trengganu pengundi-pengundi PAS berjumlah 26.9 peratus.

Kekuatan PAS di Kelantan boleh dikatakan mulai menurun selepas pilihanraya tahun 1964. Dalam pilhanraya itu jumlah undi dan kerusi UMNO bertambah. UMNO menawan sembilan kerusi termasuk satu kerusi MCA. PAS masih boleh menguasai kerajaan negeri dengan berjaya menawan sebanyak 21 buah kerusi. Jumlah undi yang diperolehnya sebanyak 118,700.

Sekalipun, masih mampu mengekalkan sejumlah yang banyak kerusinya dan dapat memerintah Kelantan tetapi para pemerhati politik ketika itu merasakan PAS mengalami kekalahan moral yang besar. Pengaruh PAS masih bertahan di negeri-negeri Kedah, Perlis dan Trengganu.

Dalam pilihanraya tahun 1969 UMNO Kelantan dapat memenangi dua lagi kerusi Dewan Undangan Negeri menjadikan

jumlahnya 11 buah dengan kerusi MCA terus dikenakan. Jumlah pengundi-pengundinya menjangkau kepada 114,593. Kedudukan PAS selepas pilihanraya itu sedikit sebanyak tercabar oleh pengaruh UMNO. Kekuatannya juga terus terjejas.

Dari satu aspek, rakyat Kelantan mulai jemu dengan cara dan corak pemerintahan yang sering didakwanya sebagai sedang menuju ke arah pemerintahan Islam. Pernah Kelantan digelar sebagai 'Serambi Mekah' konon peranan dimainkan oleh PAS untuk meninggikan syiar Islam. Setakat mana perubahan atau kewajayan dicapai oleh kerajaan PAS sejak 18 tahun parti itu memerintah Kelantan amat sukar diperkatakan. Tetapi pembangunan Kelantan sendiri agak statik.

Pembangunan Kelantan menampakkan kesan serius selepas Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan selepas pilihanraya 11 Mac 1978. Sebelumnya projek-projek pembangunan yang serius menjadi bahan kempen puak-puak di dalam UMNO, nampaknya tidak menarik perhatian para pemimpin PAS di negeri itu untuk dilaksanakan.

Di peringkat ini UMNO selalu menyalahkan kerajaan negeri pimpinan PAS konon menolak pembangunan untuk rakyat. Malah sudah ada permainan 'surung tarik' projek-projek kerajaan pusat untuk rakyat tetapi tidak pula pernah wujud sebagai kenyataan.

Permainan-permainan 'surung tarik' ini sering membakar semangat rakyat yang diapi-apikan oleh para pemimpin UMNO peringkat negeri. Mereka menyalahkan kerajaan negeri dengan mendakwa bahawa kerajaan negerilah yang tidak mahu menerima rancangan pembangunan yang diatur oleh kerajaan pusat. Alasan ini mungkin boleh diterima kerana tidak adanya tolorensi dan kerjasama erat kerajaan negeri dengan pusat menyebabkan kerajaan pusat tidak sanggup melepaskan rancangan yang dikatakan untuk membangun kemunduran negeri dan ekonomi rakyatnya.

Di tinjau dari segi politiknya pula, projek-projek pembangunan tidak mungkin disalurkan dengan mudahnya. Pertama jika projek itu dilaksanakan di negeri yang dikuasai oleh kerajaan yang menjadi 'rival'nya bererti hilanglah pengaruh UMNO di kalangan rakyat sedangkan pembangunan menjadi senjata yang tajam untuk menikam kerajaan PAS dalam kempen pilihanraya.

PAS sedar bahawa Kelantan sama sekali tidak membangun di

bawah pemerintahannya sejak pilihanraya tahun 1959 lagi. Tetapi kesedaran ini tidak mudah didedahkannya kepada rakyat. Alasan yang sering dilaung-laungkannya ialah pembangunan itu bukan tanggungjawab kerajaan negeri. Ini kerana kerajaan negeri tidak mempunyai wang sendiri. Pembangunan adalah tanggungjawab bersama kerajaan pusat dari struktur pemerintahan yang ada. Kerana itu dia menganggapkan perkara itu sudah lepas dari tanggungjawabnya. Dari aspek pemerintahan, menyalurkan pembangunan untuk rakyatnya walaupun kecil, harus dipertanggungjawabkan kepada kerajaan yang berkuasa. Kerana memerintah negeri itu sendiri adalah amanah dari rakyat.

Sebuah kerajaan harus bertindak adil kepada rakyatnya. Mandat diberikan samalah menyerahkan kuasa kepada kerajaan itu memikirkan yang baik dan tidak untuk membangunkan negeri dan ekonomi rakyat. Kalau tidak mempunyai wang untuk rancangan seperti itu mereka tidak harus menyerah kepada takdir. Mereka perlu berikhtiar dengan apa cara sekalipun. Kalau bekas Menteri Besar Trengganu, Ibrahim Filkri dapat mengadakan rancangan ladang kelapa sawit yang menimbulkan krisis politik negeri itu kerana tidak mendapat bantuan wang dari kerajaan pusat dan akhirnya dia berjaya juga memberikan faedah yang membawa kepada hasil negeri setelah projek itu diusahakan dari bantuan luar. Jika usaha ini terbukti berjaya kenapa kerajaan PAS Kelantan tidak terfikir sebelumnya. PAS leka dengan tanggungjawab ini.

Sedangkan PAS sedar ketika itu bahawa dia sedang berdepan dengan isu pembangunan dan kehendak rakyat umum. Selama manakah punca-punca kelemahan diri ini dapat disorokkan kepada rakyat yang makin matang dalam politik?

Ramai mula menyedari bahawa PAS tidaklah harus berbangga dengan penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi Islam Nilam Puri, sebuah Jambatan Sultan Yahya Putera yang menghubungi Ibu negeri itu dengan bandar-bandar Pasir Mas dan Tumpat atau dengan projek perumahan murah Wakaf Mek Zainab atau Hotel Murni dan Taman Sekebun Bunga dalam jangka masa pemerintahannya yang begitu lama di negeri Cik Siti Wan kembang itu. Usaha-usaha itu hanya akan lenyap dilanda arus zaman politik yang begitu kencang berlalu.

Dan arus perubahan politik itu makin lama makin tidak dapat

ditabiri oleh kata-kata enak dan manis seperti sering diucapkan oleh para pemimpin PAS yang menguasai kerajaan. Mendirikan sebuah pusat pengajian tinggi Islam di Nilam Puri oleh sebuah kerajaan disokong rakyat barangkali tidaklah suatu usaha yang besar sangat dibandingkan dengan usaha satu dua orang siswazah lepasan Universiti Malaya yang juga mampu mendirikan sebuah sekolah swasta, Institut Pendidikan di Bangunan Stadium Sultan Mohd. ke IV umpamanya. Atau dengan seorang siswazah ITM, Encik Ibrahim Ali yang berjaya mengwujudkan Kuala Lumpur Polytechnik dan Kota Bharu Polysciences atau dengan beberapa siswazah lain yang mampu menegakkan Sekolah Kadir Adabi dan kemudian membuka cawangannya di seluruh negara dalam tempuh masa yang tidak berapa lama.

Melihat dari sudut itu, gelora kebangkitan rakyat untuk mengalih rasa dan selera adalah suatu yang tidak boleh dipandang kecil dalam kancang politik negeri ini. Ini disertai pula dengan suara lantang dari parti-parti yang sering mencari kelemahan dilakukan oleh pihak berkuasa Parti Pemerintah ketika itu. Ditambah pula dengan nikmat dirasai dan perubahan hidup yang lumayan para pemimpin parti yang berkuasa - dengan rumah dan kereta besarnya, dengan lagak dan sikap yang seolah-olah ditolak dan tak akan rebah. Para wakil rakyat parti berkuasa tidak sunyi dari berkeadaan demikian.

Semuanya ini diambilkira dalam menentukan corak politik PAS serta bentuk kerajaan negeri ini masa-masa hadapan yang bagi pendapat umum, sebuah negeri yang fahaman rakyatnya agak unik sekali.

Dari keadaan-keadaan yang timbul itulah membuatkan kerajaan PAS kurang yakin kepada kemampuan diri. Ini juga menyebabkan sesuatu perubahan perlu dibuat segera untuk menukar corak dan pemikiran rakyat dari menumpukan perhatian sepenuhnya kepada corak pemerintahan PAS.

Mengikut laporan, menjelang pilihanraya 1969, beberapa orang pemimpin PAS Kelantan telah melompat kepada UMNO. Walaupun peristiwa lompat-melompat ini tidak boleh dikira sebagai meruntuhkan kekuatan sesebuah parti politik atau memberikan nafas baru kepada kekuatan sebuah parti yang lain tetapi ianya membayangkan kemerosotan dari segi imej dan

moralnya bila sudah ada ahlinya mengundurkan diri menyertai parti lain. Dengan ertikata lain, PAS ketika itu sedang berdepan dengan suatu krisis moral yang boleh menjasakan perpaduan ahlinya.

Peristiwa ini barangkali mendorong PAS untuk sanggup menyertai Kerajaan campuran Kelantan 1hb. Januari, 1973. Usaha PAS itu mendapat tentangan dari dalam parti itu sendiri. Buktinya, ialah tidak mendapat sokongan dua pertiga dari anggota parti. Undi yang menyokong 190 sementara undi yang menentang penubuhan Kerajaan campuran itu 94.

Datuk Asri bertanggungjawab di dalam penyertaan Kerajaan Campuran itu. Langkah Datuk Asri mungkin ada hubungannya dengan usahanya untuk membina imej ke arah yang lebih baik dalam arena politik tanahair sesudah melihat bahawa zaman kegemilangan PAS mulai beransur hilang di Kelantan.

Apa yang dinyatakan itu mungkin ada benarnya kerana tidak lama selepas itu iaitu dalam tahun 1973, beliau menganggotai Kerajaan Pusat sebagai Menteri Kabinet.

Walaupun kita tahu dari kenyataan bertulis yang dirakamkan pada 28hb Disember, 1972 (Lihat lampiran A) di Pejabat Perdana Menteri di Kuala Lumpur, (ketika itu Tun Abdul Razak Hussein) tentang tujuan dasar menyertai Kerajaan Campuran Perikatan itu tetapi apa yang perlu difikirkan ialah penyertaan itu tidak disetujui bulat oleh pendokong-pendokong partinya.

Malah langkah yang dibuatnya itu menimbulkan tanggapan bahawa ianya sedang menuju ke arah meruntuhkan perpaduan ahli-ahli parti. Ini bila dirujuk kembali kepada isu-isu ditimbulkan oleh tokoh-tokoh PAS dan pendokong-pendokong parti ketika berkempen dalam pilihanraya tahun 1959 dulu. Salah satu isu yang membawa kemenangan besar parti itu ialah soal haram-halal. Dan ini termasuklah soal kafir-mengkafir di kalangan umat Islam yang menyokong perjuangan parti lain dari PAS.

Dalam pilihanraya negeri 11hb. Mac, 1978 suara untuk kembali kepada semangat 1959 itu kedengaran lagi dilaungkan oleh para pemimpinnya. Dari apa yang tersirat itu timbulah tandatanya umum mengapa laungan itu kedengaran kembali dalam tahun 1978 sesudah PAS tersingkir dari Barisan Nasional dan tidak ditimbulkan dalam pilihanraya 1974, ketika parti itu berada di dalam

Barisan Nasional. Tandatanya ini tinggal tidak terjawab oleh para pemerhati politik tanahair. Tidak juga oleh para pemimpin PAS sendiri, mungkin!

Isu dan semangat 1959 itu lenyap begitu saja dalam tempoh lima tahun PAS menyertai Kerajaan Campuran (satu Januari 1973 -13hb. November 1977). Selama tempoh itulah PAS Sebenarnya menghadapi zaman kemerosotan pengaruhnya sungguhpun dari satu segi ianya berada setanding dengan parti-parti politik lain dalam komponen Barisan Nasional dan tokoh-tokohnya menikmati hasil perjuangannya dengan mendapat kedudukan menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan senator dalam pemerintahan negara.

Dan kerana berada di kemuncak kejayaan itulah juga para pemimpin parti terutamanya di peringkat negeri, khususnya di Kelantan, leka dengan pentadbiran parti. Sedikit demi sedikit kemerosotan imej pentadbiran terdedah di mata rakyat umum. Samada ini disedari atau tidak oleh para pemimpinnya ketika itu bukanlah sesuatu tujuan pokok untuk dipersoalkan di sini. Tetapi para pemerhati berpendapat, kemuncak dari nikmatrasa para pemimpin parti itu satu kealpaan pula kepada tugas dan tanggungjawab mereka terhadap pentadbiran dan tanggungjawab parti di peringkat negeri dan sepatutnya kekuatan di peringkat 'grass roots' parti itu harus lebih diperhebatkan.

Datuk Asri telah dianggap tersalah langkah dengan tindakannya itu. Beliau dikira juga telah terkeliru antara perjuangan parti dengan kepentingan dan kedudukan beberapa orang yang rapat dengannya di dalam parti. Beliau sepatutnya tidak merenung jauh ke bulan penuh pernama yang tinggi di awan atau membilang bintang di langit sementara rumput-rampai di bumi tempat terpijak diabaikannya. Apalah yang dapat dicapai dari bulan di awan itu sekiranya rumput hijau di bumi tidak pula disirami air mawar secukup-cukupnya, mati kegersangan.

Dan hari ini telah terbukti bahawa rumput-rampai itu lebih penting dari sebiji bulan yang boleh menggelapkan seluruh alam perjuangannya.

Kita tinggalkan kisah bulan dan rumput itu sebagai sebuah legenda politiknya yang tersendiri.



DATUK ASRI - KEPIMPINAN DAN CABARANNYA.

NAMA Datuk Haji Mohd. Asri Muda tidak populer dalam arena politik negara sehingga beliau mengambil alih pimpinan PAS dari tangan Dr. Burhanuddin dalam tahun 1971.

Kehadiran Datuk Asri sebagai pemimpin parti menggantikan tokoh besar PAS yang meninggal dunia itu dianggap perlu setelah tidak ada tokoh lain yang dikira lebih layak darinya ketika itu.

Seluruh ahli dan penyokong PAS menaruh harapan yang tinggi kepada dirinya. Sumbangan tenaga dan fikirannya dalam membangun parti itu disambut baik di seluruh tanahair. PAS terus berkembang dengan pesatnya dan nama Datuk Asri juga mendadak naik ke mercu pepuleritinya. Sekaligus peranannya sebagai pemimpin menjadi penting dalam memberikan nafas dan azam baru dalam perjuangan PAS keseluruhannya.

PAS bukan saja tegak sebagai parti memperjuangkan agama dan bangsa Melayu tetapi sayapnya juga berkembang pesat di negeri-negeri yang majoritinya penduduk Melayu. Dengan ertikata lain, perjuangan PAS dan kepimpinannya sudah dapat perhatian dan mula diterima umum.

Perkembangan awal pengaruh PAS di Kelantan diperdayai didatangkan oleh seorang dari luar negeri itu. Beliau ialah Ustaz Amaluddin Darus yang berasal dari Kedah dan bekerja sebagai Ahli Bomba di Pasir Mas. Beliau mengambilkan inisiatif menukuhkan cawangan PAS di bandar itu dalam bulan Julai, 1953.

Datuk Asri dikatakan memulakan memulakan karier politiknya sebagai Setiausaha Kerja di Pejabat Agung PAS di Kepala Batas itu dalam tahun 1953 atas pujukan Osman Abdullah yang ketika itu menjadi Ketua Pemuda PAS Malaya. Gajinya sebanyak \$100. Sebelum itu beliau dikatakan menorih getah dengan menggunakan tangga.

Datuk Asri berhijrah ke Kepala Batas setelah terlibat dengan API (Angkatan Pemuda Insaf) di Kota Baharu di mana beliau mendapat didikan awal hingga darjah empat Sekolah Melayu. (ketika itu darjah empat sudah boleh menjadi guru).

Datuk Asri ditawarkan kerja di Pejabat Agung PAS untuk

membantu kerja-kerja Setiausaha Agung PAS ketika itu, Cikgu Ahmad Awang yang bertugas sebagai Guru Besar dan tidak dapat menumpukan sepenuh masanya kepada tugas parti.

Kira-kira di dalam tahun 1953 Datuk Asri bersama Osman Abdullah dan Ustaz Abdullah Lanzai melawat Kelantan dalam usaha meninjau sambutan rakyat terhadap PAS. Ketika itu cawangan PAS telah ditubuhkan di Pasir Mas oleh Ustaz Amaluddin Darus dan menjalankan aktiviti meluaskan pengaruhnya.

Hasil lawatan itulah, PAS Cawangan Kota Baharu ditubuhkan.

Melalui cawangan barunya itu kegiatan PAS kian meluas di Kelantan. Datuk Asri dapat memperkembangkan bakat kepimpinan dan ini merobahkan nasib masa depannya. Dalam pilihanraya 1959, tahun yang membawa kemenangan besar kepada PAS Kelantan dan Trengganu, Datuk Asri adalah di antara calon-calon PAS yang mendapat sokongan rakyat. Beliau menjadi Wakil Rakyat bermula dari pilihanraya tersebut.

Kelantan dan Trengganu telah dapat ditawannya dan terus menubuhkan kerajaan PAS. Sejak itu nasibnya terus bersinar. Beliau pernah menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan. Selepas pilihanraya 1964 beliau terus menjadi Menteri Besar Kelantan. Sejak itu kedudukannya kian berpengaruh. Beliau sekaligus menjadi Wakil Rakyat kedua-dua kerusi Parlimen dan Negeri.

Kewibawaannya di dalam politik agak memeranjatkan rakyat umum bukan saja di Kelantan malah di seluruh tanahair. Ini kerana kepintarannya berpidato. Suaranya lantang dan semangatnya berkobar-kobar. Beliau sering bersikap tenang tetapi mempunyai pandangan tajam di dalam politik. Apa yang hendak dilakukannya kadang-kadang tidak terfikir oleh orang-orang yang paling rapat dengannya.

Kerana kewibawaannya itu menimbulkan rasa segan di kalangan rakan seperjuangannya. Tidaklah menghairankan jika dia kadang-kadang bertindak dengan caranya sendiri dan ini tidak pula mendapat tentangan dari rakan-rakan seperjuangan dengannya. Kerana kebijaksanaannya bertindak, Datuk Asri muncul sebagai pemimpin yang tidak mudah ditegur.

Tetapi pemimpin seperti ini juga kadang-kadang boleh tergelincir dari landasan dan lunas yang boleh mendatangkan kemarahan

pengikut-pengikutnya. Kalaupun dalam beberapa hal, pengikut-pengikutnya terpaksa berdiam diri kerana segan, kerana menghormatinya tetapi keadaannya mungkin tidak begitu selama-lamanya. Lambat-laun pemimpin itu akan mendapat bantahan juga dari pengikut-pengikut yang dikira selama ini tidak berlaku jujur kepadanya. Begitulah adat hidup ini. Segaris luka yang kecil itu akan berdarah-parah juga akhirnya bilamana ianya tidak diubati dari awal.

Tetapi oleh kerana di dalam PAS itu lebih banyak pengikut-pengikut yang jujur, Datuk Asri tidak banyak mendapat teguran. Keadaan ini menyakinkannya untuk terus bertindak atau melakukan apa yang difikirkannya wajar.

Umpamanya, dalam membentuk Kerajaan Campuran di Kelantan dalam tahun 1973 dan kemudian menyertai Barisan Nasional tahun 1974 ramai di kalangan "Rank-and-File" mahupun para pemimpin partinya tidak senang dengan tindakan itu. Tetapi setelah setahun selepas pembentukan itu barulah Datuk Asri mengambil daya inisiatifnya mengadakan kongres khas parti di Kuala Lumpur bagi mendapatkan mandat para perwakilan parti. Muah tidak mahu para perwakilan terpaksa bersetuju juga.

Bagaimanapun kepintarannya bertindak bagi mencapai apa yang dikehendakinya dengan muafakat dirancangkan dari atas yang mana akhirnya berhasil juga sekalipun menimbulkan rasa tidak puas hati para pendokong partinya. Dan inilah lunas-lunas membawa keretakan dalam parti PAS pimpinan Datuk Asri. Keadaan ini membawa pula kepada penentangan pucuk pimpinannya di kalangan ahli-ahli dari semua peringkat.

Seperti yang dinyatakan tadi, Datuk Asri mempunyai caranya sendiri untuk menyelesai sesuatu kemarahan yang timbul dari tindak-tanduk yang halusnya itu dengan menyingkir mereka. Akibatnya seorang demi seorang dari anggota parti itu digugurkan atau menggantungkan keanggotaannya.

Setiausaha Agung Parti, Ustaz Abu Bakar Hamzah dipecat tanggal 26 Julai, 1973. Dan menjelang pilihanraya 1974, Mohammad Fakaruddin Abdullah dari Pasir Mas pula disingkir. Mohammad Fakaruddin kemudian membentuk Barisan Bebas Bersatu dan menentang semua calon PAS dalam pilihanraya 1974.

Ustaz Abu Bakar Hamzah disingkir atas alasan bahawa beliau

berada di luar negeri. Tetapi para pemerhati mahupun Ustaz Abu Bakar sendiri berpendapat bahawa perkara itu berlaku kerana tidak sehaluan lagi dengan Datuk Asri atas tindak-tanduknya yang dikira bertentangan dengan perlombagaan parti.

Perlantikan Ustaz Baharuddin Latif sebagai Ketua Penerangan PAS, arahan kepada Ahli-ahli Parlimen PAS supaya menyetujui kelulusan belanjawan 1974 tanpa berunding dengan ahli-ahli Jawatankuasa Agung PAS, keputusan Datuk Asri untuk menduduki Majlis Pre-Council Barisan Nasional yang juga tanpa kelulusan parti terlebih dahulu dan keputusan Datuk Asri untuk menyerahkan Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri kepada Universiti Kebangsaan Malaysia adalah antara contoh-contoh yang meretakkan hubungan baik antaranya dengan anggota-anggota parti yang lain.

Orang yang mula nampak tentang kebijaksanaan Datuk Asri bertindak terhadap parti yang dipimpinnya ialah Amaluddin Darus. Kerana analisa yang dibuatnya sudah menampakkan ciri-ciri 'demokrasi terpimpin' di dalam PAS. Beliau mengambil keputusan keluar dari parti itu pada 15 Jun, 1974. Beliau kemudian nyaring menyuarakan bahawa PAS sudah menyeleweng dari prinsip asal yang berteraskan ajaran Islam. Beliau tidak akan menertai PAS Sehingga Datuk Asri mengundur diri sebagai pemimpin.

Sepatahkata dari Amaluddin Darus: "Kegelunsuran pimpinan Datuk Asri bermula sesudah dia (Datuk Asri) menerima beberapa orang tokoh muda yang lebih berminat kepada kepentingan diri dari kepentingan parti."

Memang ketika itu Datuk Asri sedang membuka peluang kepada tokoh-tokoh muda kelulusan universiti sebagai satu usaha menguatkan pengaruh dan kemantapan PAS terutamanya di Kelantan. Siswazah-siswazah dari Kelantan sendiri yang telah menunjukkan minatnya kepada PAS sejak dari universiti lagi, terus mendampingkan diri dengan Datuk Asri sebaik saja keluar dari kampus. Kerana kelulusannya, Datuk Asri terus menerima dan memberikan jawatan-jawatan penting di dalam PAS negeri itu.

Satu kesilapan besar Datuk Asri ialah beliau tidak lebih dahulu mengkaji matlamat dan maksud tersirat di dalam hati nadi para siswazah itu. Apakah mereka benar-benar ingin berjuang untuk

parti dan rakyat? Apakah kerana Datuk Asri sendiri seorang ahli politik berpengaruh ketika itu yang memungkinkan mereka mendapat sesuatu dengan mudah, baik dari segi pengaruh dan kuasa politik di peringkat negeri Kelantan ketika itu? Adakah kerana mereka ingin memanjat kepala Datuk Asri sendiri yang kelak merosakkan potensi politik masa depannya? Atau semata-mata kerana menjadikan PAS dan Datuk Asri sendiri sebagai batu loncatan untuk mereka mengorak langkah bagi menjadi usahawan Bumi terkemuka dengan menguasai berbagai-bagai sektor ekonomi negeri?

Segala-galanya ini tidak pernah terduga dan terfikir oleh Datuk Asri sebelumnya. Apa yang difikirkan oleh Datuk Asri ialah kelulusan mereka yang mungkin berguna untuk menaikkan nama dan imej PAS sendiri di mata rakyat dan politik negara umumnya. Lantas Datuk Asri menjadikan mereka penasihat-penasihatnya dan parti PAS sendiri.

Kerana memikirkan kedatangan mereka itu lebih penting dari anggota-anggota lain yang telah lama turut berjuang di dalam parti, sekali lagi nama mereka itu digugurkan dari senarai perjuangan PAS.

Peguam Abdul Aziz Abdullah, peguam Wan Hashim Wan Ahmad dan peguam Yusof Haji Noor beransur-ansur lenyap dari perhatian Datuk Asri. Nama-nama itu dari anggapan Datuk Asri mungkin tidak penting lagi. Biarlah mereka pergi kerana PAS ketika itu berada di suatu tahap di mana tenaga muda baru keluar dari universiti sedang mengintai-ngintai untuk meminang PAS. Dan yang nyata sudah pun tampil sejumlah tertentu intelektuil Melayu berlindung di bawah ketiaknya.

Inilah lunas-lunas perlumbaan pengaruh dan kedudukan bermula di dalam PAS Kelantan. Siapa bijak dan pandai bermain lidah akan mudahlah mengusap belakang Datuk Asri. Dan Siapa yang cuba menunjuk bijak menegurnya akan senanglah hilang kedudukannya. Unsur-unsur yang tidak disedari ini akhirnya mencetuskan suatu pertentangan kuasa yang sengit di dalam PAS di peringkat negeri dan pusat.

Di Perak sudah ada penentang-penentangnya. Mereka termasuklah Timbalan Ketua PAS Negeri, Sukurnain Haji Ahmad, Bendahari PAS Negeri, Abdul Kadir Haji Idris dan Bekas Ahli

Dewan Undangan Negeri, Mahmud bin Zainal Abidin,

Seramai 15 orang ahli-ahli PAS di Perlis, Kelantan, Johor dan Perak dilapurkan dipecat dalam tahun 1974 kerana mengkritik dan bertanding menentang calon-calon PAS. Bagaimanapun, PAS mencapai kemenangan dalam pilihanraya tahun 1974. Kerusi-kerusi dimenanginya kerana pengaruh Barisan Nasional, (Di Kelantan sebenarnya tidak ada parti yang berlawan dengan calon-calon PAS. Melainkan calon-calon dari Bebas Bersatu, Bekas pendokong PAS bertanding satu lawan satu dengan calon PAS).

Calon-calon Bebas dipimpin oleh Mohammad Fakaruddin, terdiri dari mereka yang telah dipecat atau tidak senang dengan PAS sebelum ini. Beliau menamakan gerakannya itu untuk menentang Datuk Asri dan kuncu-kuncunya dengan 'Revolusi 14 Mac' sempena penubuhannya 14 Mac, 1974. Revolusi 14 Mac, dari apa yang difahamkan bukanlah untuk menumbangkan PAS tetapi sekadar menumpaskan tokoh-tokoh PAS yang mengelilingi Datuk Asri ketika itu.

Faktor ini menguatkan apa yang disebutkan tadi sebagai tidak senang dengan golongan lama yang makin kurang mendapat perhatian Datuk Asri. Golongan muda berjaya memainkan peranan mengusap belakangnya. Keretakan ini membawa kepada keadaan yang parah di dalam PAS hingga hampir-hampir melumpuhkan PAS di negeri itu. Isu balak dan penyelewengan digunakan oleh Barisan Bebas Bersatu dalam pilihanraya 1974 untuk memecahkan ikatan erat Datuk Asri dengan orang-orang kelilingnya tadi. Walaupun tidak seorang dari calon-calon Bebas Bersatu menang di dalam pilihanraya itu tetapi ternyata PAS mendapat tentangan hebat. Lebih dari 20 peratus undi-undi diperolehi oleh Bebas Bersatu adalah terdiri dari undi-undi protes yang tidak senang dengan pimpinan Datuk Asri.

Sungguhpun begitu, keazaman Barisan Bebas Bersatu untuk melihat kepimpinan PAS itu runtuh tidak berakhir selepas pilihanraya itu saja. Mereka terus menunggu suatu masa yang lebih sesuai untuk kembali mengembangkan tenaganya.

Apa yang sebenarnya dikehendaki mereka ketika itu ialah untuk melihat PAS berjalan betul mengikut lunas dan prinsip Islam. Mereka melihat PAS ketika itu sudah jauh tergelincir dari perlengkapanannya. Perlengkapanan PAS Fasal 2 bertajuk: Dasar, Tujuan

dan Usaha-usaha menyebut bahawa "tujuan utama PAS ialah memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah" itu diperaktikkan dan bukannya tinggal sebagai tulisan di atas kertas saja.

Dalam kontek ini, dari kacamata mereka, PAS sudah jauh menyeleweng dari segi tindak-tanduknya mentadbir parti dan negeri. Mereka juga berpendapat sekiranya pucuk pimpinan PAS termasuk Datuk Asri sendiri tidak dapat dilucutkan jawatannya, setidak-tidaknya pembersihan di dalam parti itu hendaklah dilakukan. Datuk Asri selaku pemimpin parti harus bertindak tegas terhadap orang di bawahnya yang telah banyak merusakkan imej PAS dan nama baik Datuk Asri sendiri.

Ada pula suara lantang mengatakan, bukan PAS yang harus dileburkan tetapi golongan-golongan tertentu di dalam pucuk pimpinannya. Dengan ertikata lain, perjuangan menyelamatkan PAS harus dilakukan dari dalam parti itu sendiri. Tetapi keadaan ini tidak pula disedari oleh Datuk Asri sehingga lepas pilihanraya negeri 11 Mac, 1978. Kalau ini telah disedari serta terus bertindak, PAS mungkin tidak akan menerima nasib seperti menimpanya dalam pilihanraya tersebut. Itu pendapat orang-orang Bebas yang gagal merampas kerusi dalam pilihanraya tahun 1974 dulu.

Dalam pilihanraya itu, meskipun PAS tidak ditentang secara berparti, tetapi penyakit dari dalamnya telah membawa parti itu semacam 'tenang dalam gelora'. Calon-calon Bebas sendiri adalah bekas penyokong kuat PAS suatu ketika dan ini mengancamkannya, timbul dari tidak setuju mereka terhadap langkah PAS menyertai Barisan Nasional. Amaluddin Darus di antara mereka yang awal-awal lagi menyuarakan bantahannya. Ini mendorongnya meninggalkan parti itu pada 15 Jun, 1974.

Bagaimanapun, oleh kerana PAS berada di dalam Barisan Nasional ketika menghadapi pilihanraya itu, ribut besar di dalam dan luar parti itu dianggapkan oleh pemimpin-pemimpin PAS sebagai 'olak di dalam cawan kop'i' saja. Tetapi isu itu jelas bukan sebagaimana ditafsirkan. Ianya meleset. Isu itu sebenarnya tidak berakhir setakat pilihanraya itu saja. Malah ianya terus berlarutan hingga tercetusnya apa yang dinamakan 'Krisis Nasir.' (Kita akan

memperkatakan masalah ini dalam bab berikut).

Selepas pilihanraya 1974, keadaan politik PAS Dan UMNO di Kelantan agak reda. Para pemimpin kedua parti yang dulunya selalu bertelingkah faham dan ideologi itu mula membuat kenyataan-kenyataan lebih menyeru rakyat ke arah perpaduan dengan melupakan soal "politiking." Rakyat perlukan rancangan pembangunan.

Sepatah kata Datuk Asri: "Era ini dikenali sebagai era 'action-oriented' dan sebagai pemegang saham terbesar dalam Barisan Nasional di Kelantan, PAS merasakan dirinya berkewajipan mengemukakan tokoh yang benar-benar mempunyai keupayaan bagi menjalankan tugas dan amanah suci membentuk kerajaan untuk menghadapi cabaran zaman dan PAS membuat pilihan sesuai dengan ketentuan dalam perlumbagaan PAS Sendiri dan selaras dengan semangat Barisan Nasional atas keyakinan terhadap kejujuran yang diharapkan dari semua pihak." (Cubaan dan Cabaran h. 7-8)

Rupa-rupanya usaha yang baik itu tidak banyak membawa kebaikan. Rupa-rupanya dalam usaha mengurangkan "politiking" itu, ada pihak-pihak di dalam PAS yang ingin terus berpolitik-politik ala PAS. Golongan-golongan di dalam PAS ini masih mengungkit-ngungkitkan tentang kuasa Menteri Besar sebagai isu politik partinya.

Dari apa yang ditimbulkan itu orang ramai mulai nampak bahawa di dalam PAS itu sendiri wujudnya apa yang dikatakan "Power game" yang bergerak dari dalam untuk menduduki kerusi Menteri Besar.

Ini timbul dari perlantikan Datuk Haji Mohammad Nasir (selepas ini akan disebut Datuk Nasir saja) yang dikatakan atas kehendak Tun Abdul Razak Hussein yang menjadi Perdana Menteri ketika itu.

Sebagai sebuah kerajaan campuran yang pada dasarnya untuk mengurangkan "politiking", Datuk Nasir disifatkan sebagai lebih layak kerana sikap liberal dan jujurnya. Ini tidak disenangi oleh PAS yang mahukan seorang yang lebih mementingkan perjuangan parti. Dan orang itu tentunya dari kalangan pemimpin PAS negeri sendiri. Kedudukan Datuk Nasir sebagai Menteri Besar tidak menguntungkan perjuangan parti PAS sendiri dan anggapan

mereka.

Menurut cerita, usaha untuk menyingkirkan Datuk Nasir bermula sejak tahun 1974 lagi. Dalam usaha itu, Datuk Asri dikatakan terang-terang menyebelahi pihak anak saudaranya, Datuk Haji Ishak Lotfi Omar, Pesuruhjaya PAS negeri ketika itu dan Iparnya, Haji Sallahuddin Abdullah, Setiausaha Perhubungan PAS negeri pada masa yang sama. Tetapi gelora dari niat dan hasrat golongan tertentu di dalam PAS itu tidak sampai ke mana. Ianya tidak pernah tercetus ke pengetahuan rakyat umum.

Sungguhpun begitu, kalangan di dalam PAS sendiri sudah mulai sedar bahawa parti itu tidak lebih dari "Parti Asri Sekeluarga." Ini dilihat dari anggota-anggota pucuk pimpinannya. Antara nama yang sering dikaitkan dengan sebutan itu ialah Ketua Dewan Muslimat PAS, Datin Sakinah (Isteri Asri), Pesuruhjaya PAS Negeri, yang pernah menjadi Menteri Besar Kelantan bagi tempoh beberapa penggal, Datuk Ishak Lotfi (Anak saudara Asri) dan Setiausaha Perhubungan PAS Negeri, Haji Salahuddin Abdullah (Ipar Asri).

Dalam masa yang sama juga PAS dicap sebagai parti yang wujud di dalamnya "a gang of four" yang menguasai pucuk pimpinannya. Golongan ini sebagai perancang strategi dan politik PAS sedangkan Datuk Asri sendiri terpaksa mengalah dalam soal-soal tertentu. Golongan ini juga dikatakan memainkan peranan mempertahankan kuasa politik mereka melalui Datuk Asri dan akan bertindak terhadap siapa saja yang cuba menentang kepimpinan PAS.

Kemudian, suatu hal lain yang kurang menyenangkan pendokong-pendokong PAS sendiri dalam masa yang sama juga wujudnya apa yang dinamakan "Kumpulan Empat." Tiap-tiap kumpulan "Gang of four" diketuai oleh seorang tokoh yang berpengaruh serta mempunyai pengikut sejumlah yang ramai pula.

Mereka yang disebut ialah kumpulan Datuk Ishak Lotfi, Kumpulan Wan Ismail Wan Ibrahim (pernah menjadi Timbalan Menteri Besar), Kumpulan Datuk Nik Man, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri dan Kumpulan Datin Sakinah.

Masing-masing cuba mencari kekuatan politik pimpinan Datuk Asri. Dan seperti yang selalu menjadi keluhan para pemerhati PAS ialah tidak adanya perhatian kepada mereka yang berjuang di dalam PAS tetapi tidak tergolong di dalam mana-mana dari empat

kumpulan itu. Keadaan ini, dari apa yang dapat kita perhatikan, menimbulkan rasa tidak senang kepada ramai pengikut parti terutama mereka yang mempunyai rasa keghairahan untuk mendapat kesempatan naik ke atas.

Datuk Asri sendiri dari satu aspek terbawa-bawa dengan keadaan itu. Dalam banyak hal, beliau macam hilang punca pertimbangan sendiri dalam membuat sesuatu keputusan parti. Dalam krisis Datuk Nasir umpamanya Datuk Asri sudah terbawa-bawa ke lobang yang boleh menimbulkan parti itu sendiri.

Dalam hal ini, Datuk Asri sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa harus menentukan sikapnya sendiri dalam meredakan keadaan. Tuduhan yang mengatakan peristiwa mengguling Datuk Nasir itu telah dipengaruhi oleh "dua orang dalang" dari Kuala Lumpur yang terdiri dari anggota Jawatankuasa Tertinggi PAS, sesuatu yang tidak harus berlaku ditinjau dari sudut kepentingan parti pada keseluruhannya.

Sungguhpun tidak ada disebutkan dengan jelas nama orang yang terlibat itu, orang ramai tentunya dapat meramalkan siapakah orang berkenaan itu.

Kemudian kita juga disogokkan dengan peristiwa di mana Datuk Asri dikatakan sekali lagi gagal mengambil jalan tengah bila beliau sendiri sebagai Pengerusi Mesyuarat telah mengundi untuk menyingkirkan Datuk Nasir dalam Sidang Jawatankuasa Agung PAS di Kuala Lumpur.

Satu contoh lain timbul dari tidak adanya ketegasan kepimpinannya dapat dilihat bila keputusan dibuat terhadap calon-calon untuk bertanding di dalam pilihanraya negeri 11 Mac, 1978 lalu dikatakan pula dipatuhinya.

Menurut beberapa orang yang rapat di dalam PAS bahawa mesyuarat diadakan pada malam sebelum hari penamaan calon itu dikatakan mengambil keputusan tidak membenarkan Haji Salahuddin Abdullah, Wan Ismail Wan Ibrahim, Datuk Nik Man dan Datuk Ishak Lotfi dari bertanding di dalam pilihanraya itu (1978), atas alasan bahawa nama-nama itu telah menjadi isu besar kepada rakyat Kelantan. Dengan ertikata lain, mereka tidak diperlukan oleh rakyat kerana tindak-tanduk mereka mencetuskan krisis Nasir. Anggapan juga dibuat bahawa sekiranya mereka itu bertanding hanya akan membawa kekalahan besar kepada parti.

Ini kerana pihak lawan akan menggunakan isu bahawa PAS masih di tahap lama. Langkah itu seolah-olah PAS sudah tidak ada lagi muka-muka barunya.

Tetapi yang memeranjatkan tokoh-tokoh PAS sendiri ialah bila keesokan harinya, nama Haji Salahuddin dan Wan Ismail naik pula sebagai calon PAS. Haji Salahuddin bertanding di Kawasan Negeri Kubang Kerian sementara Wan Ismail di Pasir Putih. Perkara ini berlaku kerana dikatakan ada "dalang"nya yang memainkan peranan membolehkan kedua-duanya bertanding kerana kedua calon itu "orang kita."

Orang yang paling kecewa menerima berita itu ialah Datuk Nik Man yang juga berpengaruh dan mempunyai pengikut-pengikut yang ramai. Datuk Nik Man sebelumnya telah menguatkan pengaruh dan kedudukannya di kawasan Negeri Tumpat dengan hasrat untuk bertanding.

Tetapi kerana keputusan mesyuarat itu, beliau terpaksa mengundur diri. Namun demikian kerana kawannya yang sepatutnya menerima nasib sama dengannya, diketahui pula dapat bertanding, rasa terkilan itu menjiwainya. Ada ura-ura mengatakan Datuk Nik Man menggunakan pengaruhnya untuk 'kacau daun' di dua kawasan rakannya itu supaya mereka menerima kekalahan teruk. Tetapi keadaan itu dikatakan telah dapat diatasi di akhir-akhir menjelangnya hari pengundian 11 Mac, 1978.

Segala yang berlaku di dalam PAS itu memperlihatkan kelemahan Datuk Asri sendiri sebagai pemimpin parti yang mempunyai ramai pengikutnya di seluruh tanahair.

Dan inilah unsur-unsur yang membawa kepada kekalahan dan kehancuran PAS, bukan saja di dalam pilihanraya Kelantan yang menjadi kubu PAS 18 tahun lamanya tetapi juga di dalam pilihanraya umum kebangsaan.



KRISIS PAS BERLARUTAN

Tanggal 15hb. Oktober, 1977, telah membuka satu lagi lembaran baru dalam sejarah dan struktur politik Negeri Kelantan. Pada hari itu, Datuk Nasir yang telah memuncak namanya sebagai "moden folk hero" itu telah diguling dari Kerusi Menteri Besar oleh Kumpulan 20.

Kejatuhan Datuk Nasir sebenarnya telah meruntuhkan mahligai perjuangan dan politik PAS yang bertakhta di Kelantan sejak hampir 18 tahun lamanya. PAS bukan saja runtuh, bahkan telah hancur-lebur dalam arena politik negara.

Bekas Ketua Pengarang Sabah Times, Encik Yahya Ismail melalui bukunya. Krisis Politik Kelantan (KPK) antara lain menulis:

"Krisis Politik Kelantan ini memperlihatkan kelemahan pucuk pimpinan PAS Kelantan. Pengaruh PAS Kelantan merosot kerana tindakan Asri menyebelahi Kumpulan 20 dalam usaha menyingkir Menteri Besar yang populer itu." (m. 124 para 3).

"Pas telah gagal untuk menyelesaikan masalah keluarga hingga menyebabkan krisis ini berlarutan. Malah PAS kini sedang menghadapi kehancuran imejnya sebagai sebuah parti politik berlandaskan Al-Quran dan Hadis..." (m. 131 para 4 - KPK).

Bekas Pengarang Watan Encik Subky Latif yang sekarang menerjunkan sepenuh masa di dalam politik PAS melalui bukunya "Siapa Ganti Asri" pula menulis antara lain:

"Maka tamatlah angan-angan PAS untuk membentuk kerajaan di Kelantan. PAS terlepas segala-galanya. Terlepas jawatan, terlepas status, terlepas kuasa.

"Berikutnya dengan itu kedudukan PAS di dalam Barisan Nasional makin menggugat konfederasi itu. Konflik dan konfrantasi UMNO-PAS semakin meruncing dan jalan keluar nampaknya sudah tidak ada.

Samada munasabah atau tidak yang jelas sekarang ialah isu Datuk Nasirlah yang menyebabkan berlakunya perpecahan PAS dan UMNO sekarang..."

Kata-kata dari dua orang pengarang ini memperlihatkan kebenarannya bila parti itu hanya dapat menawan cuma dua kerusi

Dewan Undangan Negeri, Negeri Kelantan dalam pilihanraya negeri 11hb. Mac, 1978 dari semua 36 buah kerusi yang ditanunginya. PAS memenangi di Sering dan Manek Urai dengan majoriti yang amat kecil.

Apakah benar krisis yang membawa kepada tergulingnya Datuk Nasir yang disifatkan oleh Datuk Asri sebagai "Krisis di dalam rumahtangga PAS" itu sebenarnya ada campurtangan secara langsung Barisan Nasional di peringkat negeri dan pusat?

Secara jelas kita tidak nampak adanya perbuatan seperti itu. Tetapi kalau hendak dikira dari pemerintahan kerajaan negeri, bermula dari perlantikan Datuk Nasir sebagai Menteri Besar; campurtangan itu mungkin tidak dapat dielakkan. Beliau dilantik oleh bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak dalam bulan September 1974. Perlantikan itu mempunyai matlamat dan tujuannya sendiri iaitu untuk mewujudkan perpaduan antara Barisan Nasional di satu pihak dan PAS di satu pihak yang lain. Kedua-dua parti politik yang sering bercakaran itu terpaksa berkongsi kerajaan dalam pemerintah negeri berikutnya penyertaan PAS dalam Barisan Nasional.

Seperti yang diketahui, PAS macam terpaksa menerima Datuk Nasir yang direstui oleh Allahyarham Tun Razak itu sekalipun ia mahu seorang yang lain dari kalangan yang rapat dengan Datuk Asri mengetuai Kerajaan Negeri. PAS mempunyai pandangan bahawa ia berhak berbuat demikian berasaskan majoriti anggota Dewan Undangan Negeri dari parti itu. Bagaimanapun hasrat dan impian itu tidak dapat dipenuhinya.

Dari satu aspek ia telah terjerat dengan unsur-unsur perpaduan yang menjadi terpenting ketika itu sebagai mencapai matlamat penubuhan Barisan Nasional yang disokongnya.

Calon yang dikemukakannya, Wan Ismail Ibrahim, seorang peguam tidak dikehendaki oleh satu pihak lain. Keadaan itu berjalan dalam gelora rasa yang tidak bergolak. Ia hanya menjadi riak-riak kecil di dalam tubuh PAS dan para pemimpinnya. Tidak terfikir olehnya bahawa kudis-kudis kecil itu akan merebak menjadi satu penyakit politik yang parah sehingga akhirnya sukar untuk diubatinya. Datuk Asri tentunya tidak merestui perlantikan Datuk Nasir itu sejak awal-awal lagi.

Dalam keadaan riak-riak tenang itu pemerintahan terus berjalan. Datuk Nasir bagaimanapun amat terasa sekali bahawa beliau keseorangan dalam kerajaan negeri. Ertinya, beliau tidak mendapat kerjasama rapat dari rakan-rakannya di kalangan PAS sendiri dalam usahanya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan didatangkan oleh kerajaan pusat. Ketika itu UMNO sedang memerhati keadaan dan perkembangannya.

Liuk dan arus Datuk Nasir mula diketahui konon Datuk Nasir lebih mirip kepada filsafah perjuangan UMNO. Dan mereka mulai mendampingi Datuk Nasir supaya beliau tidak terasa bersendirian dalam memerintahan negeri yang mempunyai lebih 800,000 rakyatnya. Hubungan baik Datuk Nasir dengan anggota-anggota Exco dari UMNO mencetuskan perasaan iri hati di kalangan mereka di dalam PAS.

Sehingga September 1976, Datuk Nasir yang ketika itu merasai benar-benar "tersingkir" dari kalangan PAS dalam menjalankan tugasnya, bertindak meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar. Rakyat mula menyedari bahawa riak-riak kecil di dalam PAS itu sebenarnya mula berombak. Keadaan menjadi tidak tenteram lagi. Dan kerana itu, Datuk Asri memainkan peranan untuk meredakan keadaan dengan meminta Datuk Nasir terus mengetuai Kerajaan Negeri itu.

Kedudukan Datuk Nasir sebagai Menteri Besar yang jujur mulai diketahui rakyat Kelantan bila suatu ketika selepas dilantik, beliau menyuarakan bahawa kerajaan di bawah pimpinannya akan berusaha untuk membasmikan kegiatan rasuah.

Dan pada awal tahun 1975, Datuk Nasir sekali lagi membuka hati dan fikiran rakyat dengan mengumumkan bahawa lebih 1.5 juta ekar tanah hutan di Ulu Kelantan telah dipajakkan dalam tempoh sepuluh tahun sebelum beliau menjadi Menteri Besar. Luas tanah itu ditaksirkan lebih dari satu pertiga dari keluasan keseluruhan tanah Negeri Kelantan. Dan dikatakannya juga bahawa lebih dari \$80 juta nilai hasilnya tidak dapat dikutip.

Kudis-kudis di dalam daging PAS mula menanah dan membusung kerana sikap Datuk Nasir cuba menbongkar tindak-tanduk kerajaan PAS sebelumnya. Riak kemarahan PAS itu makin bergelora dan satu usaha dibuat ialah menahan Datuk Nasir dari terus bercakap sesuatu yang boleh merosakkan imej PAS Sendiri di

mata umum. Mulalah usaha apa yang dikenal sebagai menyingkir Datuk Nasir dari kerusi Menteri Besar.

Ini diberitahu sendiri oleh Datuk Nasir dalam ucapannya meresmikan mesyuarat PAS Pasir Mas dan Rantau Panjang tanggal 12 Jun, 1975. Menurutnya, percubaan untuk menyingkirkan beliau berasaskan kepada usahanya untuk membatalkan perjanjian dengan sebuah syarikat membalak dan pembekuan kawasan balak diusaha oleh sebuah syarikat lain atas sebab-sebab keselamatan.

Berikut itu, Dewan Pemuda PAS mula mengkritik sikap Datuk Nasir. Jawatankuasa Perhubungan PAS pula dalam mesyuarat terdahulu dari itu iaitu 29 Mei, 1975, memberikan tempoh seminggu kepada Datuk Nasir untuk menjawab tuduhan-tuduhan Dewan Pemuda yang disifatkan sebagai tidak layak menjadi Menteri Besar. Kerana tempoh diberikan itu terlalu singkat, Datuk Nasir mencadangkan supaya tempoh itu dipanjangkan sehingga 7 Jun, 1975. Tetapi tidak ada toleransi dalam hal ini dari pihak Perhubungan PAS dan Datuk Nasir dikatakan mengemukakan juga jawapannya.

Pertikaian politik PAS - Datuk Nasir tidak juga reda malah semakin bergelora dan rakyat Kelantan ketika itu mula melihat kewibawaan Datuk Nasir sebagai pemimpin dan ketua kerajaan. Dari kenyataan-kenyataan akhbar, mereka mula membandingkan kejujurannya sebagai pemimpin dan ketua kerajaan di satu pihak dan pengaruhnya di dalam PAS di pihak yang lain. Para pemerhati politik pula berpendapat, krisis yang timbul itu merupakan suatu ancaman pula kepada kepimpinan PAS negeri dan Datuk Asri sebagai Yang Dipertua Agungnya.

Atas asas itu Datuk Nasir dicalonkan untuk merebut jawatan Yang Dipertua Agung dari tangan Datuk Asri oleh dua cawangan PAS. Datuk Nasir juga dicalonkan untuk menentang Haji Hassan Adli bagi jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung bersama dengan Ali Taib. Dua lagi jawatan dicalonkan untuk Datuk Nasir masing-masing sebagai Naib Yang Dipertua Agung dan Jawatankuasa Agung.

Ketika pencalonan ditutup pada hari Isnin 31 Julai, 1975, sebanyak 114 cawangan PAS telah mencalonkan Datuk Asri berbanding dengan hanya dua cawangan saja mencalonkan Datuk Nasir untuk jawatan Yang Dipertua Agung. Tetapi pengaruhnya

sudah ada.

Datuk Nasir bagaimanapun dalam kenyataannya 22 Julai, 1975 menarik diri dari bertanding jawatan Yang Dipertua Agung atas alasan berikut: Pertama, untuk menjamin pimpinan yang teguh sebagai simbol perpaduan. Kedua, untuk menumpukan perhatian kepada tugas-tugasnya sebagai Menteri Besar dan ketiga, untuk mengekalkan perpaduan di dalam parti.

Muktamar Agung PAS tahun itu berkeputusan Datuk Nasir berada di dalam Jawatankuasa Agung dan soal kepimpinan di dalam PAS reda buat beberapa ketika.

Politik PAS bergelora kembali bila tercetusnya sebuah berita di dalam sebuah akhbar tempatan 14 September, 1977, menyatakan berita berbunyi: "Kumpulan 16 tidak percaya kepada pimpinan Datuk Mohammad Nasir."

Dari berita itu jelaslah isu Datuk Nasir sebagai pokok pertikaian. Dan krisis politik melanda Kelantan selama ini makin memuncak hingga hampir-hampir tidak dapat dibendung lagi. Maka pada 24 September, 1977 berlakulah satu demonstrasi di Padang Merdeka Kota Baharu sebagai langkah membantah Kumpulan 16 (yang kemudian dikenali sebagai Kumpulan 20) oleh penyokong Datuk Nasir. Peristiwa itu berlarutan hingga 15 Oktober, 1977, bila Datuk Nasir digulingkan dari kerusi Menteri Besar oleh Kumpulan 20. Tetapi krisis yang dikira sebagai krisis "keluarga di dalam rumah tangga PAS" itu bertukar kepada krisis yang memerlukan perhatian Kerajaan Pusat.

Dari kenyataan-kenyataan akhbar disuarakan oleh pemimpin Barisan Nasional, Negeri dan Pusat, kita tidak menampakkan adanya campurtangannya secara lansung hingga tercetusnya sekali lagi demonstrasi besar-besaran tanggal 19 Oktober, 1977, membantah tindakan Kumpulan 20 oleh penyokong Datuk Nasir. Krisis itu dianggap sebagai amat serius.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn (sekarang Tun Hussein) dalam ucapannya semasa membentang Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977 di Dewan Rakyat tanggal lapan November, 1977 untuk meluaskan ke Negeri Kelantan kuasa Pemerintahan Persekutuan memberikan gambaran bahawa, kekacauan dan tunjuk perasaan itu tidak dapat tidak Kerajaan Pusat mesti campurtangan.

Katanya, kacau-bilau, tunjuk perasaan, rusuhan, bakar-membakar, pecah-memecah hartabenda, berkumpul secara haram dan lain-lain perbuatan adalah ekoran daripada undi tidak percaya ke atas Menteri Besar. Keadaan yang timbul mengancam keselamatan negeri dan bagi menjamin keamanan beliau mengarahkan supaya anggota polis ditambah untuk mengawal keadaan berlaku itu.

Sehingga lapan November, 1977 jumlah anggota polis dikirimkan ke negeri itu seramai 5,489. Anggota yang sedia ada ialah seramai 1,279 dan reinforcement seramai 4,210 orang. Hingga lima November, 1977, angka-angka kecederaan, tangkapan dan kerosakan terhadap hartabenda ialah seperti berikut: Cedera 19, tangkapan 288, kerosakan hartabenda kepada kedai dan rumah 35. lori satu, kereta satu, motosikal dua dan pondok polis satu.

Mereka yang ditangkap kerana melakukan perintah berkurung seramai 127 orang, rusuhan 26 orang, berkumpul secara haram 75 orang, memiliki senjata merbahaya sembilan orang, memiliki bom buatan sendiri satu orang, membuat kacau dengan api tiga orang dan tidak mempunyai kad pengenalan 29 orang.

Bilangan mereka yang telah dibebaskan tanpa syarat ialah 76 orang, dengan jaminan 194 orang dan ditahan untuk siasatan lanjut 18 orang. Di antara mereka yang telah ditangkap ialah tiga orang penuntut universiti dan 45 penuntut sekolah menengah.

Semasa demonstrasi 19 Oktober, 1977 itu pihak keselamatan terpaksa menggunakan kekerasan dengan menembak gas-gas pemedith mata kepada penunjuk-penunjuk perasaan. Kerana hendak mengawal keadaan dari menjadi bertambah buruk, perintah berkurung 24 jam dikeluarkan. Redalah keadaan dan bandar Kota Baharu yang kelam-kabut, penuh-sesak dengan orang ramai dari seluruh pelusuk tanahair itu menjadi lengang tiba-tiba, tak ubah seperti padang jarak padang tekukur. Sementara para pemimpin parti Barisan Nasional dan PAS terus menjalankan usaha untuk menyelesaikan krisis berpuncak dari penggulingan Datuk Nasir itu.

Sehingga 16 Oktober, 1977 iaitu selepas Datuk Nasir disingkirkan dari kerusi Menteri Besar, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah masih lagi menyatakan bahawa UMNO tidak terlibat di dalam krisis itu. Tetapi Datuk Asri dalam kenyataannya

pada hari yang sama menyuarakan kesediaannya untuk keluar dari Barisan Nasional. Pada 15 Oktober, 1977, hari berjalannya undi tidak percaya kepada Datuk Nasir, soal membubarkan Dewan Undangan masih bergema.

Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (sekarang Perdana Menteri) melalui satu kenyataan akhbarinya pada hari itu menjelaskan bahawa Perdana Menteri tidak ada kuasa meminta Pemangku Raja Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri Kelantan. Dalam soal itu hanya Menteri Besar atau Ketua Menteri saja yang boleh membuat permintaan itu.

Tetapi Datuk Nasir menghadapi undi tidak percaya hari itu dan pada hari itu juga beliau disingkirkan dari Kerusi Menteri Besar. Dalam hal ini Datuk Nasir tidak lagi berkesempatan untuk meminta Dewan Undangan Negeri dibubarkan untuk mengadakan pilihanraya baru. Bagaimanapun, tiga orang telah dilantik untuk mewakili Datuk Nasir menyampaikan surat meminta Pemangku Raja Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri. Dua dari tiga wakil Datuk Nasir itu ialah Haji Daud Abdullah dan Encik Sofi. Tetapi Pemangku Raja tidak membuat apa-apa keputusan selain dari menyatakan akan mempertimbangkan perkara itu.

Sementara itu, lebih dari 100,000 rakyat Kelantan yang menunggu di luar Dewan Undangan Negeri Kelantan dengan Datuk Nasir di atas landrover polis berarak menuju ke Padang Merdeka. Pemimpin besar itu telah keluar dari Dewan setelah diguling dari kerusi Menteri Besar.

Setiba di Padang Merdeka, di hadapan ratusan ribu rakyat, Datuk Nasir menyampaikan ucapannya meminta rakyat supaya bertenang dan bersurai secara aman. OCPD Kelantan juga terpaksa keluar berucap meminta rakyat bersurai. Tetapi mereka tetap juga tidak berganjak dari padang itu sehingga seorang pemuda dari Kelantan, Encik Ibrahim Ali yang dikira amat berpengaruh dalam membangkitkan peristiwa demonstrasi itu tampil ke hadapan, memohon restu dari Allah supaya melindungi kepentingan dan hak asasi rakyat dari perbuatan tidak diingini.

Encik Ibrahim menarik perhatian umum dengan suara dan semangatnya berkobar-kobar. Kata-katanya diiringi doa dan pujiann kebesaran Allah serta memohon berkat dariNya terhadap per-

juangan rakyat Kelantan. Dengan ucapan penuh keimanan itu, Ibrahim berjaya menyuraikan ratusan ribu penyokong Datuk Nasir di Padang Merdeka itu. Ibrahim juga, dengan menggunakan landrover, bertindak sebagai missi Datuk Nasir pergi ke seluruh jajahan Pasir Mas, Tumpat, Macang, Pasir Putih dan Tanah Merah untuk meredakan semangat rakyat yang sedang mengadakan tunjuk perasaan.

Peranan Ibrahim ketika itu dikira banyak menolong pihak berkuasa keselamatan mententeramkan keadaan dari terus bergelora. Pendirian Ibrahim ketika itu sangat diambilkira oleh para penyokong Datuk Nasir.

Selang beberapa hari selepas itu iaitu 19 Oktober, 1977, satu demonstrasi tercusus sekali lagi di Bandar Kota Baharu. Dalam kejadian ini pihak keselamatan terpaksa menggunakan kekerasan dengan menembak gas-gas pemedih mata. Dan rakyat berkeliaran lari mencari tempat-tempat perlindungan. Dalam kejadian ini, Ibrahim yang disifatkan oleh Yahya Ismail dalam bukunya, Krisis Politik Kelantan sebagai 'tokoh populer di kalangan rakyat Kelantan yang pro-Mohammad Nasir' telah berada di Kuala Lumpur. Kerana tergendala pesawat, Ibrahim tiba di Kota Baharu setelah keadaan sudah menjadi buruk.

Penunjuk-penunjuk perasaan telah dilerakan oleh pihak keselamatan dengan menggunakan gas-gas pemedih mata. Pihak yang terlibat dengan demonstrasi itu memberitahu saya, kiranya Ibrahim tidak tergendala kapalterbang dan tiba di Kota Baharu tepat pada masa dijadualkannya, demonstrasi itu tidak mungkin berlaku. Dan penyokong-penyokong Datuk Nasir itu tidak bertempiaran lari macam ayam kehilangan ibu. Sejauhmana faktor ini betul, amat sukar ditentukan. Tetapi yang jelas kepada umum, kejayaannya meleraikan perhimpunan raksasa di Padang Merdeka sebelumnya boleh diambilkira sebagai faktor logiknya. Dari peristiwa yang timbul itu, nyatalah demonstrasi itu secara 'terpimpin.' Dan siapa yang memimpinnya adalah tidak jelas. Ibrahim Ali salah satu, mungkin!

Setelah perintah berkurung 24 jam dikenakan, rakyat Kelantan tidak lagi bebas berdemonstrasi. Malah keadaan ini menjelaskan mata pencarian sebahagian besar mereka yang hidup di bandar. Rakyat di jajahan-jajahan tidak lagi turun ke bandar. Sementara di

Kuala Lumpur, masalah berlaku di Kelantan itu terus dibincangkan. Pada hari Khamis 13 Oktober, 1977, satu formula bagi menyelesaikan krisis politik Kelantan telah dibuat dalam pertemuan dari hati ke hati antara Datuk Hussein - Datuk Asri di Sri Taman. Tetapi formula itu menemui jalan buntu. Bagaimanapun, satu formula bertarikh 25 Oktober, 1977 telah dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada PAS. Formula itu berbunyi:

- 1) Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Mohamad Nasir sekarang hendaklah meletakkan jawatan masing-masing;
- 2) Sebuah kerajaan baru ditubuhkan terdiri dari muka-muka baru baik dari PAS maupun dari UMNO. Enam orang Ahli Dewan Undangan Negeri dari PAS hendaklah dilantik sebagai ahli-ahli Exco baru tidak termasuk Datuk Nik Abdul Rahman (Speaker) dan Datuk Ishak Lotfi. Tiga dari UMNO juga bukan dari Ahli-ahli Exco sekarang (iaitu kerajaan di bawah Datuk Mohammad Nasir);
- 3) Melihat kepada keadaan keselamatan yang serius maka seorang pegawai pentadbir kanan M.C.S. akan dilantik di bawah kuasa darurat yang akan diluluskan oleh Parlimen. Pegawai kanan ini akan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri dan;
- 4) Pembubaran Dewan atau penggantungan kerajaan tidak akan dilakukan.

Dalam jawapannya, PAS bersetuju dengan butir-butir (1) dan (4) tetapi keberatan untuk menerima syarat (2) dan (3).

Syarat ketiga telah dianggap menodai sistem demokrasi berparlimen dan oleh itu tidak wajar dilaksanakan di Kelantan.

Dalam masa timbalbalas formula itu berlaku yang akhirnya menemui jalan buntu, PAS menimbulkan satu perkara lagi mengenai Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang dikiranya tidak berfungsi seperti seharusnya. Banyak perkara yang tidak menyenangkan PAS dalam tindak-tanduk Jawatankuasa itu. Kerana itu timbulah cadangannya untuk memperkemaskan komposisi

Jawatankuasa Negeri supaya berfungsi dengan lebih baik dalam menjaga keselamatan.

Menurut cadangan PAS, ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri itu adalah terdiri dari Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua Polis Kelantan, Pegawai Pemerintah Askar di Kelantan, Pengarah Penerangan Negeri Kelantan (bukan Haji Abdul Hamid bin Omar, sekarang telah bertukar).

Seorang Setiausaha perlu dilantik tetapi bukan Encik Hassan bin Abdullah (Setiausaha ketika itu) PAS meminta Encik Hassan ditukarkan.

Dalam keadaan itu, pada 26 Oktober, 1977, DAP membawa usul di dalam Parlimen untuk membincangkan krisis Kelantan tetapi telah ditolak oleh Speaker. Di Kelantan, pada 27 Oktober, 1977, PAS menubuhkan satu Jawatankuasa khas untuk menyelesaikan krisis dan menubuhkan kerajaan baru. Tetapi pihak-pihak tertentu, termasuk Tengku Razaleigh Hamzah kurang berminat dengan urusan menubuhkan kerajaan baru itu. Malah dalam satu kenyataannya, Tengku Razaleigh menyatakan, UMNO lebih mementingkan kesejahteraan rakyat dari soal mengadakan Menteri Besar yang baru.

Sebelum itu, 27 Oktober, 1977, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan pentadbiran darurat diwujudkan di Kelantan. Ketika itu soal formula menyelesaikan krisis Kelantan masih belum beres. Hingga 31 Oktober, 1977, PAS menolak cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir dan mengemukakan cadangan balasnya.

Cadangan balas PAS itu tidak pula menarik minat Kuala Lumpur. Satu perjumpaan diatur antara Datuk Hussein Onn dengan PAS pada satu November, 1977. PAS diketuai oleh Datuk Asri. Dalam pertemuan itu, Datuk Hussein memberikan tempoh lima hari untuk PAS memberikan jawapan kepada cadangan menyelesaikan krisis. Hingga Enam November, 1977, Datuk Hussein Onn mengumumkan bahawa beliau akan mengemukakan satu Rang Undang-undang di Parlimen untuk menwujudkan pemerintahan darurat di Kelantan.

Selepas itu, parti PAS mengambil keputusan tidak akan menemui Datuk Hussein Onn yang tetap diadakan pada Tujuh November. PAS bagaimanapun meminta Datuk Hussein Onn

menimbangkan semula cadangan balasnya. Tetapi Datuk Hussein mengumumkan butir-butir pemerintahan darurat di Kelantan. Ini ditentang oleh PAS dan menegaskan parti itu akan bertindak tegas jika pemerintahan darurat diwujudkan di Kelantan.

Lapan November, 1977, Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Hussein Onn (Lihat Demi Keselamatan Negara - Lampiran B). Parlimen meluluskan Rang Undang-undang selepas bersidang selama lapan jam. PAS dan DAP mengundi menentang Rang Undang-undang itu, sementara 118 orang ahli-ahli Parlimen termasuk Haji Hassan Adli dari PAS menyokong Rang Undang-undang itu. Seramai 18 orang menentang.

Peristiwa itu meletakkan PAS dalam keadaan ‘marahkan pijat kelambu dibakar.’ Datuk Asri dan dua orang Timbalan Menteri serta dua orang Setiausaha Parlimen daripada Parti PAS meletakkan jawatan. Tetapi Haji Hassan Adli yang juga Menteri dari PAS enggan meletakkan jawatannya. Haji Hassan kemudian dipecat dari PAS.

Kuala Lumpur kemudian mengirim Encik Hashim Aman (sekarang Tan Sri) ke Kelantan untuk menjadi Pengarah Kerajaan Kelantan. Datuk Nasir tetap kekal sebagai Menteri Besar. Dalam pemerintahan yang dikenali sebagai Kerajaan Mageran, Menteri Besar tidak mempunyai kuasa apa-apa. Pengarahlah yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab penuh kepada Kuala Lumpur. Kerajaan darurat di Kelantan berakhir selama 95 hari bila ia dibubarkan untuk pilihanraya negeri 11 Mac, 1978.

Sebelum itu, PAS juga menerima nasib lebih buruk lagi. Kedudukan PAS di dalam Barisan Nasional tergugat dan digugat berikutan dengan peristiwa Ahli-ahli Parlimennya menentang Rang Undang-undang Darurat (Kelantan) di Parlimen. Tindakan itu membawa kepada sidang Dewan Majlis Tertinggi Barisan Nasional lima Disember, 1977. Sebanyak 11 buah parti anggota dalam Barisan Nasional, sembilan telah menyokong PAS dipecat, PPP berkecuali dan PAS menentang usul itu.

Datuk Hussein melalui ucapannya di Perjumpaan Ketua-ketua Bahagian UMNO pada sembilan Disember, 1977 di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur, berkata:

“Memandangkan kepada perbuatan, sikap dan pendirian pucuk

pimpinan PAS selama ini, maka UMNO berpendapat kerjasama yang erat tidak mungkin dapat terus wujud di antara UMNO dengan PAS dalam Barisan Nasional.

"Oleh yang demikian, bagi mengelakkan pertelingkahan ini berpanjangan yang akhirnya akan membawa perpecahan kepada Barisan Nasional, Majlis Tertinggi UMNO telah dengan perasaan amat dukacita mengambil tindakan sebagaimana yang dikehendaki di dalam resolusi yang telah diperuntukkan oleh Barisan Nasional dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional supaya dipersetujui resolusi memecat PAS dari Barisan Nasional.

"Pagi ini saya telah menyampaikan pendirian UMNO itu kepada Ketua-ketua Parti anggota Barisan Nasional..." (Lihat mengapa PAS disingkir -Lampiran C).

Dengan itu tamatlah tempoh hampir lima tahun PAS di dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional - sejak satu Januari, 1973 hingga 13 November, 1977.



ASRI TAK LAYAK LAGI PIMPIN PAS

Cerita mengenai hasrat Kumpulan 20 (sebelumnya dikenali sebagai Kumpulan 16) hendak memecat Datuk Nasir dari kerusi Menteri Besar Kelantan terdedah ke pengetahuan umum secara terbuka pada 14 September, 1977, bila ianya tersiar di dalam akhbar Utusan Melayu secara besar-besaran dalam keluarannya hari itu.

Kumpulan 20 yang terdiri dari ahli-ahli Dewan Undangan Negeri PAS itu "dibentuk" untuk menyingkirkan Datuk Nasir dari kerusi Menteri Besar.

Kumpulan itu mengikut Datuk Nasir dipengaruhi oleh "dua orang dalang" dari Kuala Lumpur yang terdiri dari Ahli Jawatankuasa Tertinggi PAS. Dan beliau tidak akan tunduk kepada kehendak kumpulan itu. Beliau ketika itu juga sebagai Pengurus Barisan Nasional Negeri atas percantuman PAS-Barisan Nasional. Dalam PAS beliau seorang Ahli Jawatankuasa Agung Pusat.

Kedudukan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri waktu itu ialah PAS 22, UMNO 13 dan MCA 1.

Tuduhan Kumpulan 20 terhadap Datuk Nasir ialah kerana beliau "Menteri Besar Barisan Nasional dan bukan dari PAS."

Beliau sebenarnya dari PAS tetapi dilantik sebagai Menteri Besar atas restu Tun Abdul Razak Hussein yang ketika itu menjadi Perdana Menteri.

PAS memberikan tempoh hingga 20 September, 1977 untuk Datuk Nasir meletakkan jawatannya atau menghadapi undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari mulai 15 November, 1977.

Datuk Nasir lantang menyuarakan melalui akhbar bahawa beliau tidak akan tunduk kepada tekanan itu dan bersedia untuk menghadapi undi tidak percaya. Baginya, dengan cara begitu sepanglah untuknya memberitahu rakyat Kelantan mengenai tindak-tanduk dan penyelewengan kumpulan yang cuba menggulingkannya sejak lama dulu.

Berita Harian 17 September menyebut Datuk Nasir sebagai berkata bahawa Datuk Asri, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah kononnya sebagai "dalang" yang bermain wayang kulit dalam peristiwa itu. Datuk Nasir juga menyebut bahawa beliau sedang mengusahakan sebuah buku mengenai sejarah perjuangan PAS Kelantan bagi membongkarkan segala penyelewengan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dan di dalam PAS sendiri.

Datuk Nasir sebelum ini mendakwa bahawa tindakan Kumpulan 20 hendak menyingkirnya dari kerusi Menteri Besar adalah kerana tindakannya mengambil semula tanah balak seluas 350,000 ekar yang diberikan kepada sebuah syarikat semasa kerajaan PAS dulu.

Isu itu makin serius bila beliau sekali lagi bertindak membekukan kawasan kayu balak antara Kelantan dengan Perak kerana tujuan keselamatan. Satu lagi tindakan beliau ialah meminta mahkamah menyelesaikan kes Syarikat Tembakau yang dikatakannya melibatkan beberapa orang tertentu.

Kumpulan 20 bertegas tetap mengambil tindakan itu kerana "hendak menjaga keutuhan PAS. Sekiranya Datuk Nasir tidak diturunkan dari Kerusi Menteri Besar, keutuhan PAS akan bergoncang."

Ketika ini Datuk Nasir mula mendapat sokongan. Mula-mula dari ranting-ranting PAS Macang, Kokyang, Bukit Tiu dan Kemuning.

Suara Datuk Asri pertama kali kedengaran melalui Utusan Melayu 17 September, 1977, mensifatkan tindakan Datuk Nasir melibatkan namanya sebagai "dalang" dalam krisis politik Kelantan itu adalah tidak adil dan tidak munasabah samasekali.

Datuk Asri juga kesal kerana Datuk Nasir melaung-laungkan tindakan menggulingkannya itu di dalam akhbar, sedangkan beliau sebagai Jawatan kuasa Agung Parti boleh membentangkannya di sidang Jawatankuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap sesiapa sekalipun.

Semasa berucap di Kuala Krai 18 September, 1977, Datuk Asri kesal terhadap Datuk Nasir kerana mendedahkan segala pergelakan yang berlaku di dalam parti dan mengaitkan namanya sebagai "dalang."

"Kalau saya sebagai "dalang," tentu wakil-wakil PAS jadi wayang kulit. Saya rela mengundur diri sekiranya parti kata saya

perlu mengundurkan diri," katanya (Berita Harian 18.9.1977).

Datuk Asri melalui Utusan Melayu 18.9.1977 menolak dakwaan kononnya beliau pernah melarang Datuk Nasir supaya jangan menyentuh soal tanah seluas 350,000 ekar dari sebuah syarikat di Kelantan.

Menurutnya, Kelantan dan rakyatnya sendiri kehilangan faedah yang amat besar dari segi ekonomi dan keselamatan akibat tindakan Datuk Nasir membeku terlalu lama tanah seluas 240,000 ekar yang dipercayai mengandungi bijih di sempadan Kelantan - Perak.

Pembekuan itu juga melambatkan kerja-kerja pembinaan jalanraya yang akan menghubungkan Perak dengan Gua Musang atas belanja syarikat berkenaan, di samping mengalami kerugian akibat kurang hasil pendapatan Kerajaan Negeri.

Beliau menerangkan, pemberian konsesi kawasan tanah kepada syarikat berkenaan dibuat atas tiga faktor: a) Syarikat itu membina sebatang jalanraya menghubungkan Kelantan - Perak, b) Membayar tribute kepada PKINK dan, c) Membayar royalti kepada kerajaan Kelantan.

Krisis politik Kelantan bermula sejak selepas Pilihanraya tahun 1974. Ketika itu PAS mahukan Wan Ismail Ibrahim menjadi Menteri Besar tetapi golongan di dalam UMNO dikatakan telah menyekat pencalonan itu. UMNO mahukan Datuk Nasir dan tidak mahu menerima sebarang calon lain. PAS terpaksa bersetuju demi menjaga perpaduan dan kepentingan Barisan Nasional.

Datuk Nasir sendiri menyedari hakikat ini. Dan kerana itu dia bersikap tidak mudah tunduk kepada PAS. PAS dari awal lagi tidak mahukannya. Kerana dia dikatakan di "dalangi" oleh UMNO, Datuk Nasir yang tidak populer itu tiba-tiba menjadi Menteri Besar yang populer. Datuk Asri kemudian mengesahkan bahawa Datuk Nasir dilantik menjadi Menteri Besar bukan kerana PAS tetapi kerana Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Untuk menjaga perpaduan, PAS dengan luhur hati bersetuju dengan kemahuan itu, sedangkan Allahyarham Tun Abdul Razak tidak dapat berbuat apa-apa jika PAS terus menolaknya," ujar Datuk Asri (Utusan Malaysia 19.9.1977).

Sejak itu apa yang dikatakan krisis itu sentiasa membawa hingga berlaku beberapa peristiwa membawa kepada pemecatan Datuk

Nasir dari kerusi Menteri Besar...

Di peringkat ini, Dewan Ulamak PAS Kelantan menyuarakan pendirian teguhnya di belakang Datuk Nasir. Badan itu berpendapat, alasan diberikan untuk menggulingkan Datuk Nasir "tidak jelas dan tidak boleh diterima. Mungkin ada sesuatu di sebaliknya."

Ketika ini, para pemerhati politik berpendapat, PAS Kelantan sudah berpecah timbul dari krisis itu. Sebanyak 23 buah cawangan PAS di Macang dilapurkan berdiri teguh di belakang Menteri Besar itu. Manakala PAS Tanah Merah juga bertindak demikian. Yang Dipertua PAS Tanah Merah dalam kenyataannya mensifatkan krisis yang sedang berlaku itu bermula dari perlantikan Datuk Ishak Lotfi sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan dan beberapa orang Jawatankuasa Perhubungannya. Hal ini seolah-olah memberikan senjata kepada orang yang ganas, kata kenyataan itu.

Di peringkat ini juga Datuk Nasir menyuarakan pendapat bahawa krisis politik Kelantan perlu campurtangan Barisan Nasional. Bagi Datuk Nasir soal pemecatan seorang Ketua Kerajaan Kelantan bukanlah lagi merupakan soal rumah tangga PAS tetapi soal Barisan Nasional sendiri. Dalam keadaan ini, beliau mengakui tidak akan menyertai mana-mana parti politik untuk menyelamatkan dirinya dalam krisis politik Kelantan.

"Saya tidak mahu pengikut-pengikut saya yang jujur dan rakyat seluruhnya yang tidak berdosa menjadi mangsa perbuatan dan tindakan segolongan tertentu yang lebih mementingkan diri mereka sendiri," ujar Datuk Nasir (Watan 20.9.1977).

Menurut lapuran akhbar itu, Datuk Nasir mungkin menujuhkan sebuah parti lain dengan ahli-ahlinya dari orang-orang PAS yang masih setia kepadanya.

Datuk Nasir dilapurkan sebagai Ketua Kerajaan yang jujur dan lebih menitik-beratkan kepada pembangunan dan kepentingan rakyat umum dari memenuhi kehendak orang-orang tertentu. Datuk Nasir juga dilapurkan sebagai berkata bahawa perlantikan Datuk Haji Ishak Lotfi sebagai Pesuruhjaya PAS Negeri oleh Datuk Asri adalah langkah awal untuk merebutkan jawatan Menteri Besar yang disandangnya.

Krisis itu telah sampai kepada tahap cabar-mencabar. Datuk

Nasir mencabar Datuk Asri supaya mengadakan pungutan suara terbuka bagi menentukan kebenaran dalam krisis politik di negeri itu. Beliau lalu mendakwa bahawa PAS bukan parti Asri sekeluarga tetapi adalah Parti Islam yang mengandungi prinsip-prinsip keislaman berdasarkan Quran dan Hadis.

Di samping suara cabar-mencabar dari kedua pemimpin besar itu - Datuk Asri dan Datuk Nasir, kita juga dilanda dengan berita-berita dari pemimpin peringkat kampung. Sebuah akhbar tempatan melapurkan bahawa pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik dari 55 buah kampung dalam kawasan pilihanraya Negeri Meranti melahirkan rasa keciwa akibat tindakan Kumpulan 20 itu. Mereka juga mencabar Wakil Rakyat PAS kawasan itu, Datuk Nik Man Nik Mat (Speaker) supaya meletakkan jawatan dan bertanding semula dalam pilihanraya kecil untuk menentukan kedudukan yang sebenar. Encik Mohammad bin Salleh yang mewakili para pemimpin itu menyokong pendirian Datuk Nasir sebagai Menteri Besar.

Sementara itu, Watan keluaran 21.9.1977 melapurkan bahawa seramai 50 orang para intelektuil Melayu lepasan universiti berada di belakang Datuk Nasir menunggu kepimpinannya. Watan dalam keluaran yang sama juga melapurkan bahawa empat tokoh PAS bercita-cita untuk mengambil alih tempat Datuk Nasir. Mereka ialah Datuk Haji Ishak Lotfi, Salahuddin Abdullah, Wan Ismail Ibrahim dan Datuk Nik Man Nik Mat. Keempat-empat mereka itu adalah orang paling rapat dengan Datuk Asri.

Dewan Ulamak PAS Kelantan sendiri kelam-kabut dalam menghadapi pertikaian ini. Satu ketika, Setiausaha, Ustaz Mahmud Zuhdi menyatakan Dewan berdiri teguh di belakang Datuk Nasir sebagai Menteri Besar. Tetapi kenyataan itu dinafikan oleh Naib Ketua Dewan itu, Haji Zakaria Haji Ismail. Beliau menyatakan, sidang dewan itu (10.9.1977) setuju berdiri teguh di belakang Badan Perhubungan PAS Kelantan yang meminta Datuk Nasir mengundurkan diri secara terhormat dari jawatan Menteri Besar. Mahmud Zuhdi menafikan kenyataan itu sekali lagi sambil mensifatkan itu sebagai politik GESTAPO.

Setelah balas-membalas jawapan dan Datuk Nasir masih juga berkeras tidak akan meletakkan jawatannya, Dewan Harian PAS Negeri di satu sidangnya di rumah Datuk Haji Ishak Lotfi 21

September, 1977, setelah menerima jawapan dari Datuk Nasir, memutuskan untuk memanjangkan kes Menteri Besar itu kepada Jawatankuasa Agungnya.

Ranting PAS di Kweng Hitam menyuarakan sokongan mereka kepada Datuk Nasir. Sebanyak 45 ranting PAS di Kawasan Parlimen Macang pula sanggup tenggelam-timbul dengan Datuk Nasir dalam menghadapi krisis itu.

Seluruh rakyat di semua kawasan pilihanraya Kumpulan 20 pula meminta Wakil-wakil Rakyat masing-masing meletakkan jawatan dan adakan pungutan suara atau pilihanrya kecil (Bintang Timur 22.9.1977).

Dalam keadaan krisis politik sedang bergelora itu, berbagai pihak tampil menyuarakan pendapatnya. Semuanya menyokong dan berdiri teguh di belakang Menteri Besar itu. Di dalam akhbar-akhbar sepanjang krisis itu, kita dapat bahawa Persatuan Mahasiswa Pengajian Tinggi Nilam Puri dan Badan Pengembang Kebudayaan Malaysia (BABAK) masing-masing menyuarakan sokongannya terhadap Datuk Nasir.

Selain itu, Mahasiswa/wi Kelantan UKM (PERDANA) kumpulan yang mencetuskan krisis dan menyokong sebarang tindakan rakyat demi kesejahteraan dan keadilan. Risalah-risalah mengecam Kumpulan 20 juga tersebar luas di bandar-bandar dan di Lapangan Terbang Pengkalan Cepa. Risalah itu membawa mesej dalam bentuk kartun, digambarkan buaya-buaya sedang mengelilingi Datuk Nasir sambil meminta kayu balak.

Begitulah gambaran perasaan rakyat Kelantan sepanjang krisis itu dan ini membawa kepada satu rapat umum di Padang Merdeka yang dihadiri lebih 80,000 rakyat, datang dari seluruh negeri. Mereka datang dengan bas-bas. Peristiwa itu berlaku pada jam 10.05 pagi 24 September, 1977. Keghairahan sokongan mereka terhadap Datuk Nasir amat ketara bila mereka menjulang tinggi Menteri Besar itu sebaik saja beliau keluar dari keretanya. Sebelum ini Datuk Nasir juga disambut oleh berpuluhan-puluhan ribu penyokongnya di rapat-rapat umum di Macang dan Pasir Mas.

Di Lapangan Terbang Subang tanggal 26 September, Datuk Nasir disambut oleh ratusan mahasiswa dengan pekikan "hidup Nasir" dan "Allahuakbar." Dan kira-kira 50 buah kereta dengan lebih seribu penyokong-penyokongnya menyambut kepulangannya

dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Pengkalan Cepa pada hari yang sama.

Peristiwa itu berlarutan hingga kepada Datuk Nasir dipecat oleh Jawatankuasa Agung PAS setelah bermesyuarat selama lima jam pada 29 September, 1977. Tetapi peristiwa itu bukan untuk kebaikan parti malah meruncingkan lagi krisis PAS. Ini kerana seorang Ahli Jawatankuasa Agungnya, Ali Taib bertindak keluar dari parti itu kerana membantah keputusan dibuat. Ustaz Baharuddin Latif dari Perak juga dikatakan menentang keputusan itu.

Datuk Nasir dipecat berdasarkan fasil-fasal 13 (3a), 35 (3) dan 75 (7) perlumbagaan parti. Alasan Datuk Asri ialah pemecatan itu demi untuk mencapai perpaduan, menjamin keutuhan Barisan Nasional menjelang pilihanraya umum 1978.

Tujuh sebab lain yang membawa kepada pemecatan Datuk Nasir adalah seperti berikut:

- a) Tidak mengikut dasar-dasar parti;
- b) Pecah amanah (janji);
- c) Mengingkari arahan-arahan parti;
- d) Mengecam pucuk pimpinan parti;
- e) Menjatuhkan imej parti;
- f) Lebih memihak kepada golongan tertentu daripada kepentingan parti sendiri dan;
- g) Melemahkan pentadbiran kerajaan negeri.

Tuduhan-tuduhan itu terkandung dalam lapuran setebal 16 muka yang dibentangkan oleh pihak Perhubungan PAS Kelantan di sidang tersebut.

(Lihat asas-asas tindakan PAS Kelantan terhadap Datuk Nasir)

Satu lapuran lain berkata, Jawatankuasa Agung PAS membuat ratusan tuduhan terhadap Datuk Nasir di Sidang Khasnya di Ibupejabat PAS di Jalan Pahang Barat, Kuala Lumpur, 26 September, 1977. Kebanyakan tuduhan itu ialah bersangkutan dengan tindakannya melanggar tatatertib parti.

Antara tuduhan-tuduhan dibuat itu termasuklah percubaannya membeli Kumpulan 20, tidak menjalankan pembangunan untuk PAS, lebih condong kepada Barisan Nasional dari PAS sendiri dan

mementingkan parti UMNO serta menganaktirikan PAS.

Pesuruhjaya PAS Kelantan, Datuk Haji Ishak Lotfi mewakili Kumpulan 20, membentangkan butir-butir laporan yang tebal itu, menyatakan sebab-sebab Datuk Nasir mesti meletakkan jawatannya secara terhormat.

Datuk Nasir mendakwa beliau tidak diberikan cukup masa untuk menjawab hujah-hujah pihak pendakwa.

"Tuduhan-tuduhan ditujukan kepada saya di sidang itu tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan hak asasi seseorang dan tidak logik bagi saya menjawab semua tuduhan dalam masa begitu singkat," kata Datuk Nasir.

Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS setuju dengan keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Parti - Utusan Melayu 28.9.1977.

Mesyuarat pusingan kedua (29 September, 1977) yang mengambil keputusan memecat Datuk Nasir telah tidak dihadirinya. Lain-lain anggota Jawatankuasa Agung yang juga tidak hadir ialah Timbalan Yang Dipertua Agungnya, Haji Hassan Adli dan Timbalan Menteri Kesihatan, Naib Yang Dipertua Agung, Datuk Abu Bakar Omar (ketika itu berada di New York), Dr. Haji Abbas Alias (AJK) dan Tengku Kamaruzaman Abdul Hamid.

Ali Taib yang membantah keras keputusan memecat Datuk Nasir itu mengambil keputusan keluar dari PAS. Ahli Jawatankuasa Agung PAS itu kemudian memberikan alasan-alasan berikut:

- a) Keputusan memecat Datuk Nasir diambil secara terburu-buru dan tidak menurut peraturan tertentu;
- b) PAS adalah parti keluarga. Orang yang sepatutnya menerima hukuman telah tidak menerimanya. Sebaliknya kita diminta menghukum orang yang adil;
- c) Terdapat amalan pilih kasih di dalam PAS;
- d) Menteri Besar Kelantan itu tidak harus dipecat kerana tidak ada bukti-bukti konkret dan kukuh bagi membuktikan bahawa beliau telah melanggar aturan dan peraturan serta perlombagaan parti dan;
- e) PAS dengan demikian telah terkeluar dari prinsip

perjuangannya dan menyeleweng dari dasar-dasar Islam.

Ali Taib berjuang di dalam PAS selama kira-kira lima tahun sebelum bertindak keluar dari parti itu. Beliau dikenali sebagai tokoh intelektuil dan seorang yang kuat berpegang kepada prinsip.

Mengenai sidang itu, Ali Taib dalam satu interbiu dengan Watan, satu Oktober, 1977 mendedahkan bahawa undi Datuk Asri menyebabkan tersingkirnya Menteri Besar Kelantan itu dari PAS.

Datuk Asri adalah Pengerusi Mesyuarat.

Dalam pengundian dijalankan, hanya lapan orang yang menyokong pemecatan itu, sementara lapan orang lagi meminta pemecatan ditangguhkan. Dua orang pula tidak mahu Datuk Nasir dipecat. Ketika itu Datuk Asri bertindak menyokong pemecatan Datuk Nasir.

Nama-nama lapan orang ahli yang mengundi memecat Datuk Nasir ialah Haji Nik Aziz Nik Mat (Ketua Dewan Ulamak), Wan Ismail Wan Ibrahim (Timbalan Menteri Besar Kelantan), Encik Zahari Awang, Ustaz Khairul Khatib, Datin Sakinah Joned (Ketua Dewan Muslimat), Encik Jamal Idris, Encik Daud Samad, Ustaz Haji Hakim Abdullah dan Datuk Asri sendiri (Pengerusi Mesyuarat).

Lapan nama yang mengundi supaya pemecatan itu ditangguh terdiri dari Encik Mustapha Ali (Ketua Dewan Pemuda), Senator Salmah Hussein, Dr. Ishak Rejab, Dr. Harun Din, Ustaz Hassan Shukri (Setiausaha Agung PAS), Dr. Daeng Sanusi (Naib Yang Dipertua Agung PAS), Haji Wahab Yunus dan Ustaz Sufian Mohamad.

Mereka yang mengundi menentang Datuk Nasir dipecat ialah Ustaz Ali Taib dan Ustaz Baharuddin Latiff.

Jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS seramai 25 orang.

Ali Taib juga mensifatkan Datuk Asri sebagai tidak layak lagi memimpin PAS dan bukan seorang pemimpin Islam bagaimana diharap-harapkan selama ini. Langkah dibuat oleh Datuk Asri membongkar "tembelang dan kebenaran" tuduhan Datuk Nasir bahawa Datuk Asri adalah "dalang" dalam tindakan Kumpulan 20 itu.

Beliau menegaskan bahawa Datuk Asri sepatutnya dipecat dahulu dari PAS dan bukannya Datuk Nasir. Tindakan disiplin

tidak pula diambil terhadap Datuk Ishak Lotfi kerana beliau adalah anak saudara Datuk Asri. Begitu juga Sallahuddin Abdullah yang menjadi ipar kepada isterinya, Datin Sakinah dan Speaker, Datuk Nik Abdul Rahman, kawan karibnya.

Faktor-faktor ini, kata Ali Taib lagi, membenarkan tuduhan bahawa PAS adalah parti keluarga Datuk Asri.

Menurutnya, gerakan mengguling Datuk Nasir kerana takut kepada pengaruh Datuk Nasir yang semakin kuat dan kerana itu peluang mereka hendak menjadi Menteri Besar pun makin tipis. Tindakan melucut keahlian Datuk Nasir adalah satu dari sebab itu. Sejak beliau di dalam PAS lima tahun lalu, beliau mendapat ada setengah-setengah tokoh PAS yang mencari kepentingan diri sendiri lebih dari tujuan untuk menegakkan cita-cita Islam.

Datuk Asri menjadi Menteri Besar Kelantan selepas pilihanraya 1969. Beliau telah melantik Datuk Nasir menjadi Timbalannya yang kemudian menjadi Menteri Besar menggantikannya.

Peristiwa hendak menggulingkan Datuk Nasir dari kerusi Menteri Besar bermula sejak selepas pilihanraya 1974, setelah PAS berkongsi kerajaan Kelantan dengan Barisan Nasional. Dalam pilihanraya 1974 itu, PAS bertanding atas simbol Barisan Nasional dan mendapat kemenangan besar. Parti itu cuma ditentang oleh Barisan Bebas Bersatu yang dipimpin oleh Mohammad Fakaruddin Abdullah yang telah terkeluar dari PAS kerana tidak setuju dengan pucuk pimpinannya.

Dalam pilihanraya itu, Mohammad Fakaruddin menggunakan isu menyelewengan dan balak. Isu ini menggegarkan keutuhan PAS. Penyelewengan di kalangan pemimpin-pemimpin PAS di peringkat negeri mula terdedah ke pengetahuan rakyat. Oleh kerana Mohammad Fakaruddin seorang bekas ahli PAS, rakyat tidak mengambilnya sebagai serius. Tetapi setelah Datuk Nasir sendiri sebagai Menteri Besar ketika itu menimbulkan soal penyelewengan terhadap pentadbiran kerajaan PAS dan pembahagian kawasan balak di kalangan kuncu-kuncunya, rakyat Kelantan mulai bangun dan menyatakan sokongannya terhadap Datuk Nasir.

Ketika usaha Kumpulan 20 hendak menggulingnya dari kerusi Menteri Besar, rakyat dari semua lapisan memainkan peranan mempertahankannya. Tindak-tanduk Datuk Asri mula

diperkatakan. Malah menjadi buah mulut di segenap kedai kopi. Dalam krisis berlarutan itu, Haji Hassan Adli selaku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS tidak sehaluan lagi dengan Yang Dipertua Agung sendiri. Beliau mengambil sikap mempertahankan Datuk Nasir dengan menyatakan bahawa Menteri Besar Kelantan itu tidak harus disingkirkan dari PAS. Malah di suatu ketika beliau menegaskan untuk mempertahankan Datuk Nasir dari disingkir dalam Sidang Jawatankuasa Agung PAS yang menjadi kemuncak kepada krisis itu.

Haji Hassan Adli telah berada di Kelantan buat beberapa ketika kerana meninjau sendiri kedudukan krisis politik Kelantan. Tetapi tidak berapa lama selepas itu, Haji Hassan Adli telah mengubah pendiriannya yang bagi para pemerhati politik merasakan Haji Hassan Adli cuba hendak menyelamatkan dirinya dari terlibat secara langsung.

Bercakap di Ipoh pada dua Oktober, 1977, Haji Hassan Adli menyatakan bahawa krisis politik PAS Kelantan hendaklah diserahkan kepada rakyat Kelantan. Mereka boleh menyelesaikan sendiri krisis itu.

Tetapi Ali Taib mencabar pula Datuk Asri supaya meletakkan jawatannya. Cabaran itu dibuat Empat Oktober, 1977.

Katanya, jika Datuk Asri terus memimpin, PAS akan berpecah disebabkan perbuatannya dan ini memungkinkan sebuah parti baru ditubuhkan di Kelantan oleh Datuk Nasir sendiri yang kelak merugikan PAS dan ahli-ahlinya.

Beliau juga menerangkan, pemecatan Datuk Nasir dari PAS adalah tidak sah baik dari segi perlembagaan parti mahupun cara undi itu dibuat. Mengikut pecahan 40 (2) parti itu, antara tugas-tugas Ulamak PAS ialah menolong dan memberikan nasihat kepada Jawatankuasa Kerja Agung mengenai perkara-perkara prinsip Islam.

"Dalam hal ini, Jawatankuasa Kerja Agung telah mengabaikan Dewan Ulamak dengan mengambil keputusan memecat Datuk Nasir tanpa membawa ke pengetahuan Dewan Ulamak walaupun pemecatan itu bersangkutan dengan prinsip-prinsip Islam," jelasnya.

Keputusan memecat Datuk Nasir 29 September, 1977 lalu diakui oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS sebagai satu "Kesilapan

Teknik.'" Pengakuan itu dibuat pada empat Oktober, 1977. Setelah disemak, katanya, nyata bahawa undian supaya ditangguhkan pemecatan Datuk Nasir ialah sembilan bukannya lapan. Keputusan dibuat awalnya, dua membantah pemecatan, lapan menyokong (termasuk undi Datuk Asri) dan lapan minta ditangguhkan.

Menurut Datuk Asri, kesilapan itu berlaku tanpa disedari dan tidak seorang pun dari Ahli Jawatankuasa Kerja Agung membangkitkan perkara itu ketika keputusan hendak diumumkan.

Berikutnya dari itu, lima orang telah dilantik untuk menyampaikan surat 'minta maaf' kepada Datuk Nasir. Rombongan itu diketuai oleh Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok, Encik Mustapha Ali, Dr. Harun Din, Dr. Haji Abbas Alias dan Dr. Ishak Rejab.

Dalam kenyataan-kenyataan akhbar, Datuk Nasir menyuarakan bahawa beliau sedia menemui rombongan meminta maaf itu tetapi katanya, mesti memohon ampun kepada Allah dan rakyat Kelantan. Surat meminta maaf itu disampaikan kepada Datuk Nasir pada sembilan Oktober, 1977.

Pada 10 Oktober, Jawatankuasa Kerja Agung bersidang semula bagi membincangkan kedudukan Datuk Nasir yang tidak sah dari pemecatannya. Datuk Nasir tidak hadir di sidang itu sungguhpun pada mulanya beliau mengumumkan akan ikut serta. Ini kerana cuaca buruk di Subang dan pesawat tidak dapat membuat penerbangan. Beliau meminta mesyuarat itu ditangguh atau membentuk satu Jawatankuasa penyiasat. Tetapi segalanya tidak memberikan kesan. Mesyuarat dilangsungkan juga dan berkeputusan Datuk Nasir dipecat semula dengan suara 13 menyokong, tujuh menentang dan dua berkecuali. Datuk Asri yang menjadi Pengerusi Mesyuarat telah tidak mengundi kali ini.

Mereka yang mengundi menyokong ialah Datuk Abu Bakar Omar, Haji Nik Abdul Aziz, Datin Sakinah, Haji Abdul Wahab Yunus, Zahari Awang, Senator Salmah Hussein, Haji Daud Abdul Samad, Haji Wan Ismail Ibrahim, Tengku Kamaruzaman Tengku Hamid, Ustaz Khairul Katib, Haji Zabidi Ali, Ustaz Jamahir Idris dan Abdul Hakim Mohd.

Sementara mereka yang mengundi menentang pemecatan ialah Hassan Adli, Ustaz Hassan Shukeri, Dr. Harun Din, Dr. Ishak Rejab, Dr. Haji Abas, Ustaz Baharuddin Latif dan Ustaz Suffian Muhammad.

Manakala mereka yang berkecuali pula ialah Dr. Daeng Sanusi dan Encik Mustapha Ali.

Dengan pemecatan itu hasrat dan matlamat Kumpulan 20 tercapai. Ini juga telah membukakan jalan kepada mereka untuk mengusulkan undi tidak percaya kepada Menteri Besar Kelantan itu.

Pemecatan kali kedua Datuk Nasir itu yang dikira sah telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi di kalangan rakyat Kelantan, para pemerhati politik dan juga akhbar-akhbar tempatan. Semuanya boleh dikatakan mengutuk perbuatan Datuk Asri dan kuncu-kuncunya. PAS Perak, Kedah dan Trengganu yang sejak awal-awal lagi dikira lebih condong kepada kehendak dan kepimpinan Datuk Asri telah mengumumkan sokongan mereka atas tindakan memecat Datuk Nasir itu.

Bagaimanapun, cawangan dan ranting-ranting PAS Kelantan terus menentangnya. Ahli-ahlinya mengumumkan keluar beramai-ramai. Di Tanah Merah, lebih 200 orang ahli PAS, dilapurkan keluar beramai-ramai kerana membantah tindakan Kumpulan 20 itu. Jawatankuasa Ranting itu juga mendesak Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Asri supaya mengundurkan dirinya dari politik. Kenyataan itu disebut sebagai dibuat oleh Setiausaha, Ustaz Haji Zainal Abidin Haji Mohammad. Ranting PAS Kulai Baru juga membantah tindakan memecat itu, kata Setiausaha, Encik Daud Haji Jaafar.

Di Kota Baharu, Dewan Ulamak PAS Kelantan telah mendesak Pengurusinya, Haji Abdul Aziz Nik Mat meletakkan jawatan. Setiausaha, Ustaz Mahmud Zuhdi ketika membuat kenyataan itu melahirkan dukacitanya atas keputusan Jawatankuasa Kerja Agung PAS memecat Datuk Nasir. Inilah kali kedua nasihat dari Dewan Ulamak PAS Kelantan tidak didengar oleh Jawatankuasa Kerja Agung. Sebelum itu, Perhubungan PAS Kelantan pernah mengingkari nasihat Dewan Ulamak PAS Negeri itu sendiri.

Sementara itu, ucapan balas-membalas, kecam-mengecam dan tuduh menuduh bergema di dalam akhbar-akhbar antara dua tokoh, Datuk Asri dan Datuk Nasir. Dan ini membawakan kepada tercetusnya krisis tenat politik PAS Kelantan. Rahsia-rahsia penyelewengan yang dulunya menjadi kabur, kini makin jelas. Lapuran-lapuran akhbar juga nampaknya lebih menylahi pihak

Kumpulan 20 yang dipimpin oleh Datuk Ishak Lotfi. Datuk Asri menjadi sasaran pihak akhbar. Berikutnya sebuah rencana pengarang akhbar Watan keluaran enam Oktober, 1977 yang dikatakan boleh menjatuhkan imej Datuk Asri sebagai pemimpin parti berikutan dengan peristiwa memecat Datuk Nasir, menggarkan lagi keadaan krisis yang kian meruncingkan itu.

Datuk Asri melalui penasihat undang-undangnya, Datuk Wan Mustapha, telah mengemukakan saman, menuntut \$10,000 terhadap Watan. Datuk Asri juga kemukakan saman malu terhadap Datuk Nasir dan Utusan Melayu sebanyak \$2 juta. Sebelum itu, Kumpulan 20 mengemukakan tuntutan saman malu sebanyak \$1 juta terhadap Datuk Nasir melalui peguamnya Datuk Wan Mustapha kerana fitnah. Kumpulan itu juga menyaman Wartanegara Press sebagai pencetak Mingguan Timur. Kata-kata dan kenyataan fitnah itu dikatakan telah dicap dan diterbitkan di muka 32 Mingguan Timur keluaran 25 September, 1977, berasaskan kenyataan Menteri Besar itu yang dibuatnya di Padang Merdeka pada 24 September, 1977.

Para pemerhati berkata, perkara saman-menyaman itu sebagai satu cara untuk menutup kelemahan pihak yang cuba menjatuhkan Nasir dari kerusinya. Ketika ini, 13 Oktober, 1977, Mahkamah Tinggi Kota Baharu mengeluarkan pula satu perintah sementara melarang Jawatankuasa Kerja Agung PAS dari memecat Datuk Nasir sebagai anggota parti.

Keadaan menjadi makin kelam-kabut dan membingungkan rakyat. Tetapi Kumpulan 20 tidak luntur dengan niatnya. Mereka terus berusaha memecat Datuk Nasir melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri dan pada 15 Oktober, 1977, berjayaalah mereka mengguling Datuk Nasir setelah usul undi tidak percaya terhadap Datuk Nasir itu lulus. Dalam undian itu, kesemua 20 ADUN PAS menyokong Datuk Nasir dipecat. Manakala semua anggota UMNO seramai 13, seorang anggota MCA dan Datuk Nasir sendiri telah keluar meninggalkan dewan sewaktu pengundian dijalankan.

Usul tidak percaya kepada pimpinan Datuk Nasir itu dikemukakan oleh Encik Hussein Abdullah (Kawasan Simpangan) berbunyi:

"Bahawa untuk memelihara kepentingan negeri dan rakyat

jelata juga kestabilan politik serta keutuhan Barisan Nasional Kelantan, maka Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang hari ini membuat ketetapan mengundi tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat, Datuk Haji Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar dan Ketua Kerajaan Negeri Kelantan."

Ketua Ahli-ahli Dewan Negeri dari UMNO dan MCA, Encik Hussein Ahmad (sekarang Datuk) mendakwa Speaker, Datuk Haji Nik Abdul Rahman Mohammad telah tidak memberikan masa yang cukup untuk dewan membahaskan usul tersebut.

Datuk Nasir setelah digulingkan telah keluar bercakap kepada penyokong-penyokongnya yang telah berjam-jam menunggu kemunculan beliau di luar dewan. Mereka datang sejak awal-awal lagi dari seluruh pelusuk negeri untuk mengetahui keputusan sidang itu. Datuk Nasir memberitahu penyokong-penyokongnya:

"Saya sudah jatuh, tetapi saya sudah menang di hadapan rakyat. Dari rakyat saya datang dan kepada rakyat saya pulang." Dan Datuk Nasir kemudian dijulang dan dinaikkan ke atas sebuah landrover lalu berarak ke bandar.

Datuk Hussein Ahmad (Gual Periuk) mendakwa usul itu adalah tidak sah kerana ia dikemukakan tanpa direstui oleh Barisan Nasional.

Encik Hussein Abdullah yang membawa usul itu menyatakan, usul itu dibawa bukan kerana dorongan dendam atau marah kepada peribadi Menteri Besar. Datuk Nasir tidak juga mendapat kepercayaan dari partinya. Sebagai ahli parti, beliau telah diberikan kedudukan yang penting oleh kerajaan tetapi beliau tidak mematuhi arahan-arahan parti.

"Kami cuba ajak beliau dengan rendah diri duduk di meja tetapi beliau tidak sudi dan memandang rendah kepada kami," katanya.

Datuk Nasir kemudian menyatakan, undi tidak percaya itu adalah satu usaha PAS untuk menyingkirkannya dari Kerajaan Barisan Nasional dan kerana langkahnya menarik-balik 350,000 ekar tanah dari Syarikat Timbermine.

"Sebagai Ketua Kerajaan saya harus berbaik-baik dan berdiplomasi dengan anggota-anggota parti dalam Barisan Nasional. Kalau saya tidak main diplomasi dengan para pemimpin kerajaan di Kuala Lumpur, khasnya Menteri Kewangan, saya yakin tidak

akan dapat peruntukan lebih \$1,000 juta untuk rancangan lima tahun Negeri Kelantan. Tidakkah ini kecekapan saya sendiri?" tanyanya.

Dengan peristiwa itu jatuhlah Datuk Nasir sebagai Menteri Besar. Tetapi yang tidak pernah diduga oleh Kumpulan 20 dan para pemimpin PAS Kelantan mahupun Pusat ialah kehancuran parti itu sendiri dari peringkat pucuk hingga ke 'grass root'nya.

Ranting-ranting PAS seluruh negeri dibubar. Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Hassan Adli juga, tidak lama selepas peristiwa itu, mengambil langkah meninggalkan parti itu.

Era ini mula dikenali sebagai era Demonstrasi Oktober dan era penubuhan parti Barisan Jumaah Islamiah (BERJASA) pimpinan Datuk Nasir yang proses penubahannya berjalan selepas itu.

Datuk Nasir menjadi Yang Dipertuanya.






*Golongan yang disifatkan sebagai sekular ini terpaksa mengundurkan diri dan selepas itu dimasukkan ke dalam senarai hitam dan diambil tindakan itu dan ini
Datuk Seri Dr. Mahathir.*



Kekecewaan ahli-ahli PAS kerana Rakyat tidak menerima perjuangan Asri - Datuk Musa.



Saya kaku diperkecilkan - Datuk Asri



Demi Allah saya tidak bermain politik - Datuk Hussein Onn.



Kita dalam UMNO cuma sedang memerhati pergolakan PAS yang sedang menuju kehancuran dan kita tidak ingin campur tangan kerana PAS sendiri sudah tidak ada pedoman perjuangannya

- Tengku Razaleigh Hamzah.



Kita seharusnya mengenangkan perjuangan Datuk Asri - Anwar Ibrahim,



*Datuk Asri tidak akan bersara, kerana pemimpin Islam
tidak pernah bersara - Haji Awang.*



PAS sudah menyeleweng dari prinsip asal yang berteraskan ajaran Islam, kata Ustaz Amaluddin Darus bila keluar dari PAS semasa kepimpinan Datuk Asri. Saya tidak akan sertai PAS sehingga Datuk Asri mengundurkan diri.

Amaluddin Darus.



PAS bukan parti Asri sekeluarga tetapi adalah parti yang mengandungi prinsip-prinsip keislaman berdasarkan Quran dan Hadis - Mohd. Nasir.



Ibrahim Ali memohon restu dari Allah supaya melindungi kepentingan dan hak asasi rakyat Kelantan dari perkara yang tidak dingini terjadi dari krisis PAS. Beliau sekarang aktif dalam UMNO.



Zahri Awang - salah seorang dari kumpulan 18 yang berusaha memulihkan kepimpinan Datuk Asri semula dalam pucuk pimpinan PAS.



*Politik PAS sebagai politik GESTAPO
Ustaz Mahmud Zuhdi.*



Kartun Datuk Asri sedang bertarung dipetek dari Utusan Malaysia.



Jika Asri tidak menjadi pemimpin PAS pun, beliau masih juga dianggap memimpin PAS.... Subky Latif.



*Perjuangan PAS selama ini bukan kerana
Datuk Asri - Nakhaie.*

ASRI DALAM DILEMA

Datuk Asri Haji Muda mengukir sejarah karier politiknya sebagai tokoh paling lama memimpin PAS. Beliau memimpin parti itu selama 18 tahun. Kepimpinannya berakhir 23 Oktober, 1982 bila beliau terpaksa meletakkan jawatannya ketika Muktamar Agung parti yang ke 28 itu sedang berlangsung.

Jarak masa 18 tahun itu, jika diambil kira usia seorang bayi yang lahir ketika beliau mula memimpin parti dalam tahun 1964, ianya sudah menjadi anak muda yang pintar, matang berfikir dan bertindak. Sememangnya dalam kontek karier politiknya, Datuk Asri dikira seorang yang pintar dan matang berpolitik. Kerana 'political instincts'nya, mengikut penilaian umum terhadap kepetahannya berpolitik dan berpidato, beliau dapat menarik perhatian tertentu pemimpin negara.

Di dalam PAS sendiri, beliau menjadi pemimpin disegani. Malah ada yang memujanya sebagai tokoh yang ada tidak ada tolok bandingnya. Kehadirannya di dalam politik PAS menjadikan namanya menjulang ke mercu politik negara. Di saat-saat negara menghadapi soal perkauman yang mencemaskan dalam tahun 1969, beliau menyelesaikannya. Sumbangan politiknya kepada negara tidak harus diperkecilkan.

Ini diakui oleh tokoh-tokoh tertentu yang mendapat tempat di dalam politik negara sekarang dan sezamannya.

"Kita seharusnya mengenangkan perjuangan Datuk Asri," kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim ketika mengulas perletakan jawatannya.

Encik Anwar yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berkata di Kuala Trengganu bahawa Datuk Asri sememangnya seorang tokoh disegani dan banyak jasanya kepada parti PAS dan negara terutama semasa parti itu berada di dalam Barisan Nasional dulu.

Di kalangan negara-negara luar terutamanya negara-negara di Asia Barat, namanya seimbang dengan populariti Encik Anwar sendiri sebagai pemimpin Islam di negara ini. Di dalam negara sendiri, terdapat kalangan tertentu pengikut setianya terlalu mengharapkan kepada pengaruh nama dan kedudukannya sebagai landasan untuk mendapat sumber penghidupan.

Kepada mereka ini, ketidaaan Datuk Asri di dalam pucuk pim-

pinan PAS, sebagai satu kehilangan dahan tempat mengantarkan nasib masa depan politiknya. Datuk Asri seolah-olah segalanya kepada mereka. Politik mereka macam tidak boleh maju, tidak boleh naik tanpa tokoh yang diagung-agungkannya itu.

Atas dasar itulah barangkali, kepulangan Datuk Asri ke Kelantan, negeri tempat asalnya, setelah meletakkan jawatannya sebagai pemimpin parti diberikan sambutan meriah oleh ahli dan penyokong setianya.

Ada akhbar menyebut jumlah mereka yang hadir menyambutnya lebih dua ribu orang, yang lain menyebut tiga ribu orang. Dan ada yang menganggarkan hingga lima ribu orang penyokong dan pengikut setianya.

Angka yang berbeda dilapurkan oleh akhbar-akhbar keluaran hari yang sama, Jumaat, 19 November, 1982 meragukan jumlah yang sebenar hadir di upacara sambutan ditaja itu. Walaupun berapa jumlahnya, ianya menunjukkan satu usaha yang sungguh-sungguh dibuat oleh apa yang disebutkan sebagai jawatankuasa bertindak memulihkan imej Datuk Asri dan kepimpinannya.

Usaha itu juga sebagai tindakbalas pengikut-pengikut setia bekas pemimpin PAS itu yang tidak berupaya menentang arus suara-suara sumbang para perwakilan seluruh negri terhadap pemimpin agungnya di Muktamar Agung parti lebih awal dari itu. Inilah saat paling sesuai bagi mereka untuk mencabar kembali pucuk kepimpinan baru parti yang mereka sendiri sebagai ahli dan pengikutnya.

Apakah tindakan mereka itu merupakan satu dendam? Soal ini masih boleh dipertikaikan. Melihat dari satu aspek, usaha mereka bukan lagi untuk menguatkan keutuhan perpaduan parti malah menghancur-leburkannya. Bagi mereka biarlah PAS itu tidak wujud lagi sebagai landasan perjuangan mereka asalkan pemimpin agung mereka terus disanjung. Bagi mereka, biar PAS di bawah pemimpin Datuk Asri tidak bernafas lagi, biarlah idea dan pergerakannya menjadi 'statik' selama-lamanya asalkan Datuk Asri tegak berada di puncak. Bagi mereka, biarlah PAS itu lemah dan sudah tidak memperlihatkan fungsi perjuangannya lagi dalam erti kata Parti Pembangkang asalkan kedudukan pemimpinnya itu tidak dipersoalkan oleh sesiapa jua.

Ini filasafah baru pengikut-pengikut setia Datuk Asri. Atas landasan itu, mereka berdiri mengapikan-ngapikan peristiwa

perletakan jawatan pemimpin PAS itu. Idea baru mereka sudah sampai ke tahap untuk meninggalkan parti itu jika Datuk Asri tidak kekal memimpinnya. Malah sudah ada yang bertindak meninggalkan parti dan menyertai parti lain. Sementara yang lain meletakkan jawatan-jawatan tertentu dalam parti yang dipegangnya.

Reaksi lain ialah ke arah menjadikan PAS itu terus berkubur. Lantas bergemalah di dada-dada akhbar suara lantang untuk menumbuhkan sebuah parti baru menggantikan PAS sebagai lansaran bagi meneruskan perjuangan mereka.

Kononnya, PAS yang wujud tanpa Datuk Asri bukan PAS tulen. PAS tanpa Datuk Asri menyeleweng. Bagi mereka, kononnya, tiada Datuk Asri tiadalah PAS itu. Kononnya, PAS itu Datuk Asri dan Datuk Asri itu PAS. Kononnya, biarlah tiada PAS asalkan ada orang yang bernama Datuk Asri dalam pimpinan parti baru yang diura-urakannya. Ertinya, apapun parti dipimpinnya adalah PAS.

Atas filsafah ini mereka berjuang. Dan atas pendirian serta idea begini memperlihatkan bahawa perjuangan mereka sebenarnya untuk menyanjung, untuk memuja seorang tokoh tertentu dan bukan untuk memperjuangkan nasib rakyat secara berparti. Mereka kemungkinan sudah lupa matlamat parti itu sendiri.

Mereka berkemungkinan tidak menyedari bahawa memuja seseorang tokoh tertentu adalah salah di sisi Islam dan matlamat perjuangannya. Perjuangan Islam sebenarnya, kalaulari mereka beranggapan bahawa PAS itu parti perjuangan Islam ianya tidak akan mengkhianati perjuangan Islam. Jauh sekali dari memuja satu-satu tokoh tertentu.

Seseorang tokoh itu mungkin hilang potensinya kerana keuzuran atau pudar kepintarannya kerana usianya dilanda zaman atau tidak berupaya lagi, atau kerana kematian dan sebagainya tetapi orang yang menyertai perjuangan itu sendiri yang masih berupaya tidak akan luntur semangatnya untuk meneruskannya.

Perjuangan Islam sebenarnya tidak pernah bersara, tidak berhenti dalam mencapai hasrat menegakkan kesucian agama Allah semata-mata kerana ada tekanannya. Justeru itu, seorang pejuang sebenarnya tidak mengenali ranjau, duri dan api yang dilemparkan kepadanya untuk memudarkan semangat perjuangan di dalam dirinya. Melainkan perjuangannya mempunyai maksud

tertentu, tidak ikhlas dan berkepentingan, semangat itu akan mudah patah sebelum rebah.

Dalam kontek perjuangan PAS hari ini, rebahnya Datuk Asri bukan bererti PAS akan turut terkubur bagi mereka yang mengerti hakikat perjuangan itu sendiri. Pengunduran Datuk Asri bukan bererti perjuangan PAS tidak dapat diteruskan. Atau dengan ketiadaan Datuk Asri bukan bererti tiada lagi tokoh yang lebih layak untuk memimpin parti yang mempunyai ahli dan menyokong yang bukan sedikit jumlah itu. Pemimpin yang datang dan pergi adalah suatu kebiasaan di dalam perjuangan berparti. Yang penting keutuhan perpaduan yang menjadi tuntutan kepada kejayaan perjuangan itu sendiri.

Kita ambil contoh paling dekat berlaku di dalam sebuah parti terbesar di negara ini - UMNO. Pemimpin UMNO silih berganti. Mereka datang dan pergi. Negara mencapai 25 tahun merdeka, bermula dari zaman Tunku Abdul Rahman kepadalah zaman Datuk Seri Dr. Mahathir sekarang ini, sudah empat pemimpin parti itu bertukar ganti. Di zaman Tunku memimpin UMNO, Datuk Asri sudahpun memimpin PAS. Beliau memimpin PAS sejak tahun 1964. Datuk Asri juga memimpin parti itu melalui era pemimpin-pemimpin lain UMNO selepas Tunku Abdul Rahman. Tegasnya, beliau melalui era Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein, era Tun Hussein dan era Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri sebelum beliau (Datuk Asri) mengundurkan diri pada 23hb. Oktober, 1982.

Tetapi di dalam kehadiran dan pemergian pemimpin-pemimpin itu, keutuhan UMNO tetap terjamin. Perpaduan ahlinya tetap erat. Sepanjang pilihanraya sejak peralihan pucuk pimpinan parti itu, kemajuan dicapainya makin bertambah baik.

Pilihanraya membawa kejayaan paling besar ialah bila UMNO bertukar pucuk pimpinan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir. Pilihanraya ini, 22hb. April, 1982, juga melandai era kepimpinan Datuk Asri dalam PAS. Sungguhpun tidak lama sebelum pilihanraya itu, UMNO menghadapi isu pemilihan Timbalan Presidennya antara Datuk Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh Hamzah, satu keadaan mencemaskan dalam sejarah perebutan kuasa di dalam parti itu. Ini kerana kedua tokohnya mempunyai pengaruh dan pengikut yang besar.

Sebelum peristiwa perebutan Jawatan Timbalan Presiden itu, ramai para pemerhati menduga perpaduan di dalam UMNO akan terjejas dan ini akan membawa kepada kelemahan UMNO menghadapi pilihanraya bakal diadakan selepas itu (22hb. April, 1982). Tetapi keadaan menjadi sebaliknya. Pilihanraya itu terbukti bahawa perpaduan lebih utuh bila kejayaan lebih besar dapat dicapainya.

Segala-galanya ini terjadi kerana kekuatan perpaduan ahli dan penyokong-penyokongnya. Mereka berjuang atas landasan dan prinsip parti, kepentingan rakyat dan negara. Bukan kerana kepentingan pemimpin tertentu.

Bukan tujuan tulisan ini untuk menyanjung perjuangan suatu parti tertentu bila saya menarik perhatian kepada masalah kepimpinan itu. Ianya tidak lebih dari satu hakikat nyata dapat kita renungi bersama.

Kembali kepada perjuangan PAS, melihat dari peristiwa dan implikasi timbul dari perletakan jawatan oleh Datuk Asri, kita macam dipaksa mempercayai bahawa perjuangan sebilangan ahli dan pengikut-pengikutnya, istimewa di Kelantan, lebih menyanjung dan memuja tokohnya dari meneruskan perjuangan parti sebagai matlamatnya.

Apa saja disuarakan oleh tokoh yang dipujinya seolah-olah suatu fatwa dari seorang ulamak besar. Segala-galanya benar. Tidak boleh tidak mesti diikuti seperti mengikut suatu fatwa dari ulamak besar Islam di zaman Rasulullah.

Bila Datuk Asri menyatakan 'kesilapan teknik' semasa memberikan undi untuk menyingkir Datuk Nasir dari PAS, semuanya menerima dengan baik kenyataannya. Begitu juga bila Datuk Asri undur dari Kelantan dalam pilihanraya 1978 ketika krisis tenat PAS negeri itu dan bertanding di Padang Terap, tidak ada siapa cuba menyuarakan yang beliau cuba menyelamatkan dirinya.

Sebaliknya mereka menerima dengan baik alasan pemimpin besar itu, konon tindakannya itu sebagai langkah untuk selamatkan Kelantan dari berterusan menjadi sasaran 'big gun' dari UMNO. Tetapi rakyat di Kedah lebih sedar bila mereka memberikan jawapan kepada langkah Datuk Asri itu dengan tidak memberikan kemenangan kepadanya. Rakyat Kedah lebih tahu

mengajar pemimpin PAS itu dari para pengikutnya di Kelantan yang lebih bersikap "yes man."

Permainan politik yang licin ini rupa-rupanya sukar bagi pengikut dan penyokong setianya di Kelantan mengerti. Mereka tidak dapat menilai apakah patut pemimpinnya itu berhijrah ke negeri lain sebagai mencari jalan selamat bagi dirinya ketika PAS negeri itu mengharapkan perjuangan hidupmati bersamanya.

Hari ini, bila pemimpin besarnya meletakkan jawatan, mereka juga tidak dapat mencari kelemahannya. Malah mereka tidak dapat menerima kepimpinan orang lain selain darinya. Setiap patah diucapkan oleh pemimpinnya ditelan bulat-bulat malah dijadikan 'azimat' menguatkan perjuangan mereka menaikkan pemimpinnya semula.

Muktamar Agung PAS ke 28 lalu, seperti juga muktamar-muktamar agung parti sebelumnya ialah bertujuan untuk menilai semula kegiatan, kemajuan dan kelebihan parti di bawah satu-satu pucuk pimpinannya. Di muktamar begitulah para perwakilan berhak menyuarakan segala rasa tidak puas hati timbul dari kepimpinan yang mereka amanatkan. Lazimnya, dalam muktamar itu segala yang tidak betul akan cuba dibetulkan. Apa yang tidak tahu akan diminta memberikan penjelasan. Apa yang tidak puas hati akan disuarakan walaupun terpaksa bertikam lidah. Sekalipun berlaku kekasaran, pokok pangkalnya, matlamatnya cuma satu -mencari jalan penyelesaian dan kebaikan bersama antara ahli dan pemimpin.

Di sinilah seorang pemimpin yang baik harus menahan sabar. Harus menerima segala kritik, teguran dan sasaran walaupun pedih, panas dan pahit. Kalau seorang pemimpin yang tidak sanggup menelannya, menerimanya sebagai usaha membaiki kelebihan diri ianya bukan seorang pemimpin sebenarnya.

Apa yang terjadi di dalam Muktamar Agung PAS ke 28 seolah-olah pemimpinnya tidak tahan menerima cabaran, teguran dan kritik pedas serta panas dari para perwakilannya. Lalu pemimpinnya mengambil jalan keluar dengan meletakkan jawatannya. Kemudian di luar muktamarnya, suara lantang pemimpin itu kedengaran berpanjangan mengkritik parti dan pemimpin-pemimpin yang mengambil alih tempatnya. Jika didasarkan kepada sebuah parti mengamalkan demokrasi, suaranya harus

didengarkan di dalam muktamar dan tidak di luar muktamar seperti dilakukan oleh Datuk Asri baru-baru ini.

Ketika muktamar itu berlangsung, segala yang dikiranya tidak benar itu boleh diperbetulkan. Ketika muktamar itulah, segala penjelasan boleh diberikan kepada para perwakilan yang datang dari jauh dan dekat untuk maksud itu. Di sitolah tempat pemimpin dan ahli-ahli setia boleh bertikam lidah bagi mencari penyelesaian bersama untuk kepentingan parti keseluruhannya.

Mengapa masalah yang tidak puas hati mengenai parti dan perjuangan golongan tertentu di dalam parti harus disuarakan di luar muktamar dan sesudah meletakkan jawatannya? Mengapa tuduhan-menduh harus berlaku melalui akhbar dan tidak di dalam dewan ketika muktamar sedang berlangsung? Di sinilah kita dapat menilai, apakah ada kejujuran dari pemimpin yang menyuarakan masalah parti di luar gelanggang dikhkususkan?

Kalau seorang pemimpin hendak membela diri kerana kurang senang dengan suara-suara sumbang yang menikam dari belakang, di muktamar itulah tempat sebaik-baiknya. Di muktamar itulah tempat para ahli-ahli yang mempunyai hak menilai dan menentukan siapa yang tidak benar dan bukannya setelah meletakkan jawatannya.

Jika sudah tidak mampu mengelakkan diri dari tikaman tajam bertalu-talu datang dari ahli, perletakan jawatan itu sendiri menjadi perlu tetapi ianya tidak menjadi perlu lagi bersuara di luar muktamar kepada mereka yang tidak mengetahui persoalan sebenar, tidak tahu dilema dihadapi pemimpinnya. Apakah ini boleh dimengertikan "Dilema seorang pemimpin?"

Dalam kontek kepimpinan PAS sebenarnya kita harus akui pendapat Ketua Penerangan parti itu, Ustaz Nakhaie Haji Ahmad yang mengulas mengenai perletakan jawatan Datuk Asri sebagai berkata: "Perjuangan PAS selama ini bukan kerana Datuk Asri.

"Laporan Perhubungan-perhubungan PAS negeri menunjukkan, ahli-ahli PAS menerima perletakan jawatan Datuk Asri dengan tenang.

"Beberapa perkembangan yang tidak sihat berlaku di Kelantan di mana orang-orang bergantung masa depan politiknya kepada Datuk Asri, cuba menggugat kepimpinan Dewan Ulamak PAS," katanya.

Sekiranya lapuran disebutkan oleh Ustaz Nakhaie itu tepat, ianya memberikan maksud yang tepat pula kepada andaian kita terdahulu dari ini bahawa perjuangan segelintir pengikut-pengikut PAS di Kelantan hari ini merupakan perjuangan untuk mengekalkan imej dan keperibadian seorang pemimpin tertentu atau beberapa orang kuncunya. Bukan perjuangan untuk mengukuhkan perpaduan ahli bagi mewujudkan kekuatan PAS sebagai sebuah parti memperjuangkan Islam supaya disegani khususnya oleh parti-parti politik yang sentiasa memusuhiinya.

Langkah diambil oleh 18 orang dari 43 ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Kelantan memulaukan usaha damai Jawatankuasa Agung Parti itu terhadap krisis Datuk Asri - Nik Abdul Aziz Nik Mat, memperlihatkan kepada umum wujudnya apa yang dikenali selama ini 'komplot' di dalam parti.

'Komplot' baru Kumpulan 18 orang yang konon pro Datuk Asri dalam krisis ini tidak syak lagi menghidupkan kembali semangat 'Kumpulan 20' atau 'Kumpulan 16' yang menggulingkan Datuk Nasir dalam tahun 1977 dulu.

Amalan 'komplot' yang dulunya menjadi sebutan 'parti sekeluarga' tentunya masih menebal mewarisi kepimpinan Datuk Asri bila mereka enggan berunding mencari penyelesaian dalam krisis sekarang ini. Sikap begini mungkin menjadi batu penghalang kepada usaha kemajuan PAS negeri selama ini. Sikap begini mungkin menghalang kemunculan seorang pemimpin baru ke arah merubah corak kepimpinan secara 'tradisi'nya. Sikap beginilah mengekalkan satu-satu tokoh pemimpinnya dipuja, disanjung dan orang lain semuanya tidak bijak, tidak mampu memimpin melainkan tokoh yang satu itu. Sikap beginilah menjadikan PAS Kelantan tidak mempunyai pemimpin pelapisnya dan menjadikan pemimpin yang satu itu seolah-olah kekal menungkat langit selama-lamanya.

Kumpulan inilah merasakan nasib masa depan politiknya tidak akan maju, tidak akan mendapat tempat jika tidak ada kepimpinan tokoh yang satu itu.

Encik Ahmad Fakaruddin, salah seorang dari Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri yang dikatakan salah seorang dari Kumpulan 18 orang itu pernah menentang kepimpinan Datuk Asri

bila beliau menubuhkan "Bebas Bersatu" menjelang pilihanraya umum 1974 lalu. Beliaulah ketika itu orang bertanggungjawab mendedahkan segala keburukan PAS dan kepimpinan Datuk Asri. Tetapi tidak lama selepas itu, beliau meletakkan kepimpinan Datuk Asri di tempat sewajarnya. Beliau juga menaikkan semula imej Datuk Asri selepas mengapi-api, melaung-laung kepada rakyat supaya menjatuhkannya.

Dan hari ini beliau menjadi orang yang begitu pro kepada pemimpin yang pernah dimusuhi itu. Apakah ini pendirian seorang pemimpin? Apakah kerana sudah tidak mendapat tempat di hati sebahagian besar rakyat Kelantan maka beliau terpaksa berlari berteduh di bawah payung kepimpinan Datuk Asri semula? Apakah dengan bertindak demikian, beliau akan mendapat tempat sewajarnya di hati rakyat negeri itu? Inilah cara perjuangan orang yang dididik di bawah payung kepimpinan Datuk Asri. Mereka tidak akan menentang melainkan akan terus berlindung di bawah payung kepimpinannya.

Datuk Haji Nik Man, bekas Speaker dan sekarang seorang Ahli Dewan Undangan Meranti, seorang lagi Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri dikatakan pernah menentang sikap kepimpinan Datuk Asri semasa pilihanraya calon bertanding dalam pilihanraya Negeri 11 Mac, 1978.

Keadaan ini dikatakan tercetus bila namanya tidak terpilih sebagai calon di hari pønamaan calon sedangkan Wan Ismail Ibrahim, Salahuddin Abdullah yang juga dipersetujui tidak dicalonkan pada mulanya bersamanya dan Datuk Ishak Lotfi sendiri kemudian dinamakan sebagai calon Dewan Undangan Negeri, masing-masing di Pasir Putih dan Kubang Kerian.

Kemarahan Datuk Haji Nik Man dikatakan sampai kepada peringkat serius bila beliau yang mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai itu cuba memulaukan kempen pilihanraya tetapi memberikan kerjasama sepenuhnya di saat-saat akhirnya.

Sikap begini juga membayangkan bahawa politik mereka tertentu di dalam PAS negeri itu cuma menggantung nasibnya kepada payung kepimpinan Datuk Asri dan mereka tidak boleh menentangnya.

Jadi, dengan pengertian itu kepimpinan Datuk Asri dalam keadaan mana sekalipun harus dipertahankan oleh mereka. Kepim-

pinan orang lain tidak mungkin membawa nasib kepada masa depan politik mereka pada anggapan kita.

Hari krisis pendapat timbul antara Ketua Dewan Ulamak PAS, Ustaz Nik Abdul Aziz dengan Datuk Haji Mohd. Asri. Dalam politik Kelantan, Datuk Asrilah orang yang banyak berjasa mengenengahkan ramai tokoh-tokoh politik negeri itu termasuk Ustaz Nik Abdul Aziz dan Haji Zahari Awang sendiri.

Jadi, semestilah orang-orang ini mengetuaikannya dalam segala hal dan tindak-tanduk parti. Pendapat Datuk Asri adalah pendapat parti yang harus dipatuhi. Jika beliau bersikap seperti 'ketam menyuruh anaknya berjalan betul' pun ianya harus dianggap untuk kepentingan dan kebaikan parti!

Ustaz Nik Abdul Aziz yang dikira mempunyai pendapat yang bernas dalam usahanya membawa kemajuan kepada parti hari ini harus tunduk kepada payung kepimpinan lama jika beliau mahu terus bergantung nasibnya dalam politik.

Krisis parti yang meruncingkan di negeri itu membahayakan masa depan politiknya, akan pudar jika beliau tidak tunduk kepada tekanan kuncu-kuncu di bawah payung kepimpinan lamanya.

Melainkan Datuk Nik Abdul Aziz sanggup berdepan dengan segala kemungkinan, sanggup menjadi 'Datuk Haji Mohd. Nasir Kedua' di negeri itu, perjuangannya hari ini akan memberikan erti kepada PAS negeri keseluruhannya. Dan Ustaz Nik Abdul Aziz seharusnya memainkan peranan menegakkan kebenaran dan sanggup gugur kerana kebenarannya.

Krisis yang tercetus itupun kerana usaha-usahanya dalam mencari kebenaran. Kenapa kita mesti tunduk kepada kebenaran kerana mencari kedamaian politik atau kerana mahu kekal bergantung nasib kepada politik kepimpinan lamanya?

Islam berjuang menegakkan kebenaran dan menentang kemungkarhan itu suatu jihad - suatu perjuangan yang suci dalam Islam!



UMNO DALAM KRISIS PAS-ASRI

Seringkali PAS mengalami krisis dalam 'Rumahtangganya' akan ada satu pihak lain yang menunggu dan melihat. Kalaupun tidak ada campurtangannya secara langsung, kalaupun tidak ada perhatian secara dekat, ianya akan ada pemerhati dari luar, dari jauh. Pokoknya, perhatian itu suatu yang mesti, suatu yang penting. Setidak-tidaknya bagi menilai kekuatan, kemajuan, malah keruntuhan yang mungkin berlaku dari krisis yang dialaminya.

Kenapa mesti ada perhatian dari luar bila krisis itu berlaku di dalam 'rumahtangga PAS' sendiri?

Tentunya ini memberikan pengertian bahawa PAS sebuah parti yang mencabar kekuatan, perkembangan dan kemajuan parti lawan. Atau dengan ertikata lain, kekuatan PAS itu sendiri membahayakan kedudukan, keutuhan dan kesetabilan parti-parti politik lain yang sering memusuhi dan dimusuhinya. PAS adalah parti yang 'rival' dalam politik negara dulu dan sekarang.

Apapun kemungkinan terjadi kepada PAS ianya akan membawa perubahan dan suasana politik negara pada keseluruhannya. Sekiranya PAS mengalami kehancuran dari krisis 'dalam rumah tangga' suasana politik negara akan berubah dalam bentuk dan keadaan mana sekalipun. Ianya mungkin membawa huru-hara kepada keamanan rakyat, seperti terjadi di Kelantan dalam tahun 1977. Ianya mungkin membawa keuntungan dan kemenangan kepada kekuatan parti lain, seperti kemenangan kepada Barisan Nasional di Kelantan dalam pilihanraya 1978 yang kemudian disusuli dengan kemenangan kedua Barisan Nasional dalam pilihanraya umum 22 April, 1982 lalu, khususnya di Kelantan.

Krisis yang berlaku di dalam 'rumahtangga PAS' boleh merubahkan suasana politik negara seperti berlaku semasa pemecatan PAS dari Barisan Nasional, Sembilan Dicember, 1977 lalu.

Atas kekuatan PAS di Trengganu, merubahkan suasana politik negeri itu, seperti peristiwa sembahyang dua imam, dua masjid di satu tempat dan sebagainya.

Apapun terjadi kepada parti itu, ianya tetap akan membawa kesan negatif mahupun positif kepada rakyat dan negara. Melihat dari aspek itulah barangkali 'krisis di dalam rumah tangga PAS'

suatu mesti diberikan perhatian oleh mereka yang berada di luar. Melihat dari aspek itulah juga krisis PAS perlu ada campurtangan dari luar, secara langsung atau tidak langsung.

Dalam krisis PAS yang membawa kepada demonstrasi rakyat Kelantan dalam tahun 1977, Barisan Nasional yang menjadi tulang belakang kepada pemerintahan negara, terpaksa campurtangan untuk mengembalikan keamanan rakyat dan kesetabilan politik negara keseluruhannya.

Ketika itu PAS masih lagi menganggotai Barisan Nasional. Kerana itu adalah menjadi tanggungjawab parti itu untuk bertindak mententeramkan keadaan, sekalipun terpaksa mengambil sikap menyingkir PAS dari menganggotainya. Sekalipun terpaksa mewujudkan kerajaan Mageran di Kelantan selama 95 hari yang memberikan kuasa kepada seorang pengarah didatangkan dari Kuala Lumpur.

Segala tindak-tanduk diambil, segala campurtangan dibuat, semata-mata ke arah kebaikan rakyat dan negara ketika itu.

Tetapi krisis PAS yang tercetus sekarang ini, berikutnya dengan perletakan jawatan Datuk Asri sebagai Yang Dipertua 23 Oktober, 1982 lalu, tidaklah seburuk krisisnya dalam tahun 1977 dulu, sehingga terpaksa campurtangan parti memerintah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mensifatkan krisis baru PAS ini sebagai kekecewaan ahli-ahli dan pengikutnya setelah perjuangan PAS tidak diterima rakyat dan mereka menjadikan Datuk Asri sebagai sasarannya untuk menutupkan kekecewaannya.

"Para pemimpin dan ahli PAS merasa keciwa kerana hujah-hujah dan cara-cara pentadbirannya yang dipelopori oleh Datuk Asri itu tidak berjaya dan ini jelas kepada dunia," katanya lagi.

Bagi Datuk Musa, pertukaran pucuk pimpinan PAS adalah pergolakan dalam parti yang telah buntu mendapat sokongan daripada rakyat jelata.

Bagi Datuk Asri pula, krisis yang melanda parti itu semacam meletakkan beliau di dalam keadaan dilema antara meneruskan kepimpinan yang mungkin dirasakan 'keseorangan' mengemudikan parti setelah dikatakan tidak mendapat kerjasama sepenuhnya dari ahli Jawatankuasa Agungnya, dengan

menghadapi cabaran ahli-ahli yang mahukan beliau mengundurkan diri dari jawatannya.

Beliau menyebut kecaman para ahli dan para pemimpin di bawahnya terhadap beliau sebagai lebih buruk dari pernah dilemparkan oleh musuh-musuh parti dalam krisis tahun 1977 dulu.

Datuk Asri kemudian memberitahu ribuan pengikut dan penyokong setianya di Kota Baharu (Khamis 18hb November, 1982) bahawa sejak setahun lalu, beliau kaku tanpa pembantu dan dalam keadaan tertentu beliau diperkecilkan.

"Keadaan ini sengaja saya sembunyikan dari pengetahuan ahli-ahli parti," katanya.

Datuk Asri juga menyatakan, beliau bercadang meletakkan jawatan Yang Dipertua Agung PAS dalam muktamar tahun depan (1983), tidak di dalam muktamar tahun ini (22 Oktober, 1982).

"Tetapi suasana yang berlaku dulu dan akhir-akhir ini, keadaan menyebabkan saya membuat keputusan mengejut," jelasnya.

Menurutnya, disiplin segolongan pemimpin dan ahli-ahli PAS telah dihancurkan di dalam muktamar baru-baru ini melalui berbagai-bagai tindakan melampau, termasuk laungan-laungan takbir yang tidak kena pada tempat dan ketika.

"Dalam muktamar PAS masa yang lalu, laungan takbir Allahu Akbar dibuat pada tempat-tempat istimewa, bukan kepada perkara membenci orangpun dilaungkan Allahu Akbar.

"Ini satu perkara yang aib samasekali, sehingga tidak ada seorang pun di antara perwakilan yang sanggup bangun menghentikan keadaan itu, sehingga saya meletakkan jawatan pun disambut dengan Allahu Akbar," katanya.

Datuk Asri menganggap kejadian seperti itu satu hal yang terlalu berat. Perasaan, naluri dan hati kecilnya tidak dapat menerima keadaan itu dan "kalau saya memimpin PAS satu dua hari lagi huru-hara mungkin berlaku dalam PAS", tegasnya.

Perletakan jawatannya sebagai terpaksa diambil atas tekanan dan desakan keadaan serta pergolakan yang tidak pernah berlaku seumpamanya dalam sejarah 30 tahun PAS wujud di negara ini.

Sekiranya semangat dan tindak-tanduk seumpama itu berterusan dalam parti itu, beliau tidak dapat meramalkan 'apa akan terjadi kepada PAS di masa akan datang.'

Dengan kenyataannya itu, jelaslah Datuk Asri sebenarnya menghadapi suatu dilema dari suatu keadaan, mungkin dari tekanan orang-orang di belakangnya (di bawahnya) yang melihat kepimpinannya mulai pudar dari menuju matlamat perjuangan parti itu.

Lalu Datuk Asri mensifatkan keadaan itu "satu hal yang terlalu berat hingga naluri dan hati kecil saya tidak dapat menerima."

Tokoh politik veteran PAS itu juga mengaitkan perletakan jawatannya dengan arus perkembangan baru di dalam parti konon sebahagian dari anggota-anggota PAS terpengaruh dengan perkembangan di Iran dan mereka ini merasakan Malaysia patut mencontohi revolusi di sana, sekurang-kurangnya cara atau sikap radikal dan kekerasannya.

Hujah itu diadakan sebagai menguatkan alasannya meletakkan jawatan dan cuba menarik perhatian pihak bahawa beliaulah satu-satunya pemimpin PAS yang layak dengan suasana dan keadaan politik di negara ini. Sekurang-kurangnya hujah beliau itu akan menaruh bimbang kepada pihak lain, mungkin kepada musuh parti itu sendiri, terhadap kepimpinan baru PAS - atau perjuangan PAS selepasnya.

Atau hujahnya itu boleh menaruh kebencian kepada pemimpin PAS yang lain selepasnya oleh pihak yang sentiasa memusuhi parti itu, yang sentiasa takut, bimbang kepada kekuatan dan perkembangan parti itu, yang sentiasa ingin melihat parti itu terus lemah dan berkubur tanpa nisan.

Jika andaian ini benar, Datuk Asri dikira sudah menodai imej dan perjuangan parti yang pernah dipimpinnya. Jika andaian ini benar, bekas pemimpin PAS itu cuba memperlihatkan kepada umum bahawa pemimpin yang tidak layak sebagai pemimpin dalam suasana dan keadaan politik negara ini.

Jika andaian ini benar, beliau seorang yang bijak dalam mempermudahkan politik yang boleh mengelirukan perhatian seluruh penyokong dan pengikut-pengikutnya hingga mereka berbelahbahagi antara percaya dan tidak yakin kepada pucuk pimpinan selepasnya.

Datuk Asri bukan saja dapat mengelirukan pengikut dan penyokong PAS dengan isu perletakan jawatannya, lalu memberikan simpati padanya, malah beliau berjaya juga

mengaruskan pandangan pemimpin negara menyebelahinya dalam krisis parti itu sekarang. Dengan keadaan terjadi itu, beliau dikira bukan saja bersama dengan penyokong dan pengikut setianya tetapi juga sebagai dinaungi oleh pemimpin sebuah parti lain terbesar yang pernah mengancamnya selama ini, bila pemimpin parti itu memperlihatkan pembelaan terhadapnya melalui kenyataan akhbarnya.

Bila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad melalui kenyataannya di Berita Minggu 24 November, 1982 menyebut bahawa PAS yang pada suatu ketika menggunakan isu agama bagi kepentingan politiknya, kini cuba pula menimbulkan soal peranan ulamak dalam politik.

Kenyataan itu senada dengan apa yang pernah disuarakan oleh Datuk Asri bahawa PAS sekarang dikuasai oleh golongan ulamak dalam pentadbiran dan setengahnya menganggapkan cara revolusi Iran lebih sesuai di negara ini.

Ini merupakan reaksi pertama pucuk pimpinan Barisan Nasional berikutan dengan krisis kepimpinan parti itu yang menyebabkan Datuk Asri mengundurkan diri sebagai Yang Dipertua Agungnya.

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad itu membayangkan campurtangan secara langsung atau tidak langsung dalam menarikkan perhatian umum terhadap perubahan kepimpinan parti itu. Dalam kontek ini, ditinjau dari kenyataannya, beliau lebih menyebelahi Datuk Asri dan kepimpinannya dari kepimpinan PAS sekarang. Lebih jelas lagi bila beliau berkata:

“Golongan yang mendakwa diri mereka sebagai ulamak sekarang menuduh satu lagi kumpulan di dalam parti itu sebagai sekular dan tidak berjuang berdasarkan Islam.

“Golongan yang disifatkan sebagai sekular ini terpaksa mengundurkan diri dan selepas itu dimasukkan kedalam senarai hitam dan diambil tindakan itu dan ini.

“Golongan ini sekarang sudah melawan tuannya yang pada suatu ketika dulu disanjung tinggi.”

Sekalipun Datuk Seri Dr. Mahathir tidak menyebut siapakah golongan sekular tetapi umumnya mengetahui mereka adalah golongan yang menjadi pengikut setia Datuk Asri. Dengan ertikata lain, Datuk Asri sendiri adalah pemimpin sekular. Datuk Asri

pernah dilapurkan sebagai telah dimasukkan di dalam senarai hitam parti itu, berikutan dengan kenyataanya selepas beliau mengundurkan dirinya dari memimpin PAS.

Ada dua kemungkinan mengapa Datuk Seri Dr. Mahathir menyebelahi Datuk Asri dan kepimpinannya dalam krisis 'rumah tangga PAS yang berlarutan itu.

Pertama: Sebagai Ketua Kerajaan, Datuk Seri Dr. Mahathir tentunya tidak ingin kejadian lebih buruk berlaku di kalangan rakyat negara ini akibat krisis parti PAS berpanjangan itu. Berbagai-bagai kemungkinan boleh terjadi di kalangan pengikut PAS bila fahaman 'ekstrimis agama' dibawa oleh golongan tertentu pemimpinnya tidak dialihkan pandangannya segera. Contoh-contoh yang lalu seperti sembahyang dua imam, sembahyang di kelab parti, pulau-memulau upacara agama dan bercerai-berai suami isteri yang berlainan pengikut parti akan terus berleluasa di kalangan rakyat sekiranya keadaan dan fahaman itu terus diresapi.

Kedua: Sebagai Presiden UMNO, sebuah parti yang selama ini menjadi 'rival' dalam perebutan kerusi, pengaruh kepimpinan baru PAS mungkin menjadi satu cabaran kepada kemajuan dan pengaruh parti UMNO sendiri. Sebagai sebuah parti yang besar dan menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional yang memerintah, tentunya UMNO sedaya-upaya yang boleh, akan mempertahanan keutuhannya. Prestasi kepimpinan UMNO yang ada sekarang tentunya tidak mahu diruntuhkan oleh pergolakan baru di dalam PAS yang menjadi lawannya dan musuhnya selama ini.

Pernah seorang yang berpengaruh di dalam UMNO yang paling rapat dengan Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri berpendapat: Kononnya, jika arus perubahan semangat di dalam PAS sekarang ini tidak dihalang segera, ianya nanti akan membawa kepada persaingan hebat terhadap pengaruh UMNO sendiri. Malah ianya akan memungkinkan perpaduan ummah negara ini hancur-lebur. Kebangkitan semangat PAS dibawa oleh kepimpinan barunya akan lebih membahayakan kepada pertentangan politik negara ini. Kita harus memainkan peranan menyokong kepimpinan Datuk Asri.

Dengan ertikata lain, pembelaan kepada Datuk Asri menjadi perlu dalam saat-saat sekarang ini untuk menyekat kemaraan semangat kepimpinan baru di dalam PAS yang boleh mencetuskan

revolusi rakyat negara ini.

Hakikat ini barangkali menjadi teras pendirian UMNO dalam menghadapi kepimpinan baru PAS, dalam memberikan pandangan dan perhatiannya mengenai 'krisis dalam rumahtangga parti itu.'

Apapun pandangan dan perhatian UMNO, yang jelas hari ini, kepimpinan Datuk Asri semakin pudar dalam pandangan PAS dan pengikut-pengikut parti itu. Sikap Datuk Asri 'menikam belakang' parti itu dikira perbuatan yang tidak sihat terhadap kemajuan parti itu.

Malah ada di kalangan pengikut PAS mensifatkan, sikap Asri itu bukan boleh membina kekuatan dan perpaduan di dalam PAS sekarang ini, malah boleh 'menodai' perjuangan parti itu sendiri.

Dalam keadaan ini, mengikut pandangan mereka, Datuk Asri lebih baik berdiam diri dari bertindak menentang arus dan kepimpinan baru parti itu yang kian membara.

"Datuk Asri sepatutnya mengundurkan diri dengan baik untuk mengekalkan penghormatannya sebagai pemimpin parti itu. Sekiranya beliau beliau terus berdiam diri selepas berundur, namanya akan terus bersih dalam senarai pemimpin-pemimpin PAS," komen seorang pengikut setia PAS yang biasa memerhati dengan penuh minat setiap perkembangan parti itu.

Seorang pengikut lain dari Kelantan berkata, imej Datuk Asri sebagai pemimpin PAS tidak akan bersih selagi beliau tidak membuang 'galas' di atas belakangnya yang dipikulnya sejak dulu hingga sekarang.

Arus perhatian kepada kepimpinan baru PAS macam tidak dapat ditahan lagi di kalangan ahli dan pengikut-pengikut parti itu. Golongan ini yang mahukan kepada kepimpinan baru lebih besar dilihat dari kebangkitannya sekarang ini.

Melainkan "Kumpulan 18" di Kelantan yang merupakan pengikut setia Datuk Asri sering menimbulkan isu yang tidak menguntungkan perjuangan PAS, yang mahu membawa kembali Datuk Asri di dalam pucuk pimpinan parti, hampir seluruhnya sedang mengalihkan perhatian ke ketokohan seorang anak muda dari Kampung Rusila, 15 kms dari Kuala Trengganu, Ustaz Haji Abdul Hadi Haji Awang.

Haji Hadi, nama yang menjadi sebutan penduduk setempatnya,

berusia 35 tahun. Beliau seorang imam masjid, seorang ulamak dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri. Dalam politik, beliau memegang jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri tetapi pengaruh politiknya mula merebak dan meluas ke seluruh tanahair, terutamanya di Kelantan dan Kedah.

Di Trengganu, setiap syarahan agama hujung minggu (Jumaat), mereka yang datang mendengar syarahannya kurang lebih lima ribu orang. Tumpuan umat Islam terhadap tokoh muda ini memberansangkang. Syarahan agamanya menjadi suatu yang mesti diikuti. Tidak cukup dengan itu, mereka membeli keset-keset mengandungi syarahannya untuk disebarluaskan kepada rakan dan jiran.

Di Muktamar Agung PAS ke 28 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, keset-keset mengandungi syarahan Haji Hadi amat laris, perniagaan buku dan lain-lain di muktamar itu hampir lumpuh kerana wang para perwakilannya mengalir kepada pembelian keset-kesetnya.

Di Kuala Lumpur, penjualan keset-keset syarahan Haji Hadi amat meluas di masjid-masjid. Dengan pengaruhnya yang cepat meluas, ketokohan Haji Hadi di dalam politik PAS menduduki tempat yang istimewa bersama dengan barisan pemimpin-pemimpin muda intelektuil Islam yang lain.

Haji Hadi, anak seorang imam masjid, Haji awang bin Abdul Rahman (Allahyarham) mempunyai pengaruh yang bukan kecil di kalangan umat Islam setempat. Beliau mendidik Haji Hadi sebagai pemimpin agama setempat. Ketika umur Haji Hadi 19 tahun, beliau lahir sebagai pensyarah agama yang bijak dan fasih di dalam bahasa Arab.

Dua tahun kemudian beliau mendapat tempat di Universiti Islam di Madinah. Selepas lima tahun di Arab Saudi dan mendapat ijazah (bachelor's degree) perundangan Islam, beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Al Azhar, Cairo dan mendapat ijazah Master's in Islamic jurisprudence.

Pulang ke tanahair dalam tahun 1976 kerana kematian ayahnya, beliau menjadi imam di masjid Rusila dan bermula dari situ lah popularitinya dalam bidang syarahan agama meningkat dan sekarang Haji Hadi menjadi tokoh ulamak yang disegani.

Bukanlah maksudnya untuk menerjunkan dirinya di dalam

politik, tetapi secara tidak lansung perjuangan agama itu sendiri memerlukan pengaruh dan kedudukan di dalam politik dan situasi negara sekarang ini, beliau tidak dapat tidak harus mencari tempat dan kedudukannya di dalam politik.

Dalam hal ini beliau memilih PAS sebagai tapak perjuangannya. Dari pemimpin sebuah masjid, Haji Hadi sekarang mengetuai PAS Trengganu dan meluaskan pengaruhnya di dalam politik PAS pusat. Beliau dikira bakal pemimpin PAS masa depan.

Asianweek dalam keluaran Disember, 1982 mensifatkan Haji Hadi sebagai "one of the best orators in Southeast Asia."

Ketua Dewan Pemuda PAS pusat, Encik Mustapha Ali memberitahu Asianweek bahawa Ustaz Haji Hadi sekarang menumpukan perhatian kepada Trengganu tetapi perlahan-lahan menyampaikan mesejnya ke negeri-negeri lain negara ini. Perjumpaan-perjumpaan di negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang adalah kecil dibandingkan dengan dilakukan di Rusila. "Tetapi mesej kita mula meluas perlahan-lahan."

"Kita mempunyai masa yang panjang untuk meneruskannya," tegasnya.

Dengan keadaan yang terjadi ini, adalah sukar untuk dipercayai bahawa Datuk Asri mempunyai peluang untuk kembali ke dalam pucuk pimpinan parti.

Setiausaha Dewan Pemuda PAS yang juga seorang wartawan, Encik Subky Latif berpendapat, jika Asri tidak menjadi pemimpin pun, beliau masih juga dianggap memimpin PAS.

Dari kata-kata itu dapatlah kita memahami bahawa Datuk Asri sekarang ini, sekalipun sudah mengundur diri dari memimpin dan dengan menjadi ahli biasa, dalam satu aspek, beliau masih lagi memimpin.

Barangkali ini juga anggapan Kumpulan 18 yang wujud di Kelantan sekarang ini? Bagi mereka Datuk Asri tetap pemimpin mereka!



PENGGANTUNGAN AHLI: TITIK BERAKHIRNYA ERA KEPIMPINAN ASRI.

Penggantungan keahlian Datuk Haji Mohd. Asri dan 7 anggota lain dari PAS berkuatkuasa 30 Januari, 1983 akibat dari apa yang disifatkan oleh Pemangku Yang Dipertua Agung parti yang juga Pengurus Jawatankuasa Disiplin, Haji Yusof Rawa sebagai 'kesalahan mereka terlalu berat' membukakan lembaran sejarah hitam di dalam krisis kepimpinan PAS pernah berlaku.

Setiausaha Agungnya kemudian menjelaskan, penggantungan keahlian Datuk Asri kerana kesalahan melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah fasil 75(1b) yang menentapkan: "Semua ahli parti hendaklah taat dan patuh kepada perlombagaan parti serta aturan dan peraturan."

Menurutnya, tujuh orang lagi yang turut digantungkan keahliannya kerana kesalahan di bawah fasil yang sama seperti Datuk Asri.

Tujuh orang yang turut terlibat ialah Haji Wan Ismail Ibrahim (Bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan), Haji Zahari Awang (Ahli Jawatankuasa Agung), Ahmad Fakaruddin (Bekas Exco Negeri), Salahuddin Abdullah, Haji Hamid Salleh (Bekas Exco), Shaari Awang Ali (Setiausaha PAS Rantau Panjang), dan Haji Hassan Mohamad (Ahli Parliment Rantau Panjang).

Serentak itu Jawatankuasa Disiplin juga bertindak memecat dua orang tokoh pemimpin PAS tempatan yang dianggapkan oleh Haji Hassan Shukri sebagai "orang-orang yang menjadi dalang bagi menjatuhkan imej pucuk pimpinan parti sendiri.

Mereka yang dipecat keahliannya ialah Datuk Haji Ishak Lotfi (bekas Menteri Besar Kelantan) dan Datuk Nik Abdul Rahman Nik Mohamad (Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri).

Sementara itu tiga orang lagi telah diberikan amaran. Mereka ialah Haji Mohamad Zain Abdullah (Wakil Rakyat Bachok), Wan Ibrahim Wan Abdullah dan Haji Wan Sulaiman dan Wan Ibrahim (Ketua PAS Pasir Puteh).

Haji Hassan Shukri mensifatkan ketiga-tiga mereka ini sebagai "bisul yang menanti pecah, apabila nanahnya keluar maka bisul

itu baik dan sekarang duri daging telah pun dikeluarkan."

Tindakan ini diambil berikutan dengan keris di dalam PAS yang mengikut Haji Hassan memang telah lama berlaku sejak parti itu di bawah pimpinan Datuk Asri lagi.

Tindakan ke atas 13 orang ahli PAS itu dibuat dalam sidang lebih dari tiga jam Jawatankuasa Disiplin parti pada 23 Januari, 1983 setelah menerima laporan dari Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

Langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Disiplin seolah-olah menyahut kata-kata Datuk Asri di Kota Baharu sebelumnya bahawa akan bertemu buku dengan ruas sekiranya pucuk pimpinan baru parti bertindak ke atasnya berikutan dengan ucapan terbukanya kepada pengikut-pengiktu setianya sekembali beliau ke Kota Baharu selepas mengundurkan diri dari memimpin parti.

Isi kandungan surat kepada Datuk Asri berbunyi: Jawatankuasa Disiplin parti menggantungkan keahlian saudara daripada menjadi ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mulai daripada tarikh keputusan ini dibuat sehingga kepada masanya diberitahu kelak.

Dengan demikian maka terlucutlah segala hak keahlian saudara dalam PAS seperti yang disebutkan oleh Fasal 14(1)(a) hingga (e) mulai daripada tarikh di atas 9 Rabiulakhir 1403/d 23 Januari 1983 sehingga masanya diberitahu kelak.

Surat-surat itu yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung PAS, Haji Hassan Shukri telah diedarkan juga kepada pengurus dan ahli-ahli Jawatankuasa Tata tertib, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja agung, Pesuruhjaya dan Setiausaha serta perhubungan PAS negeri Kelantan.

Dengan terakamnya peristiwa itu bererti tidak lagi memungkinkan Datuk Asri kembali memimpin PAS sekali pun reaksi dari mereka yang turut terlibat dan mereka yang masih setia padanya di Kelantan begitu ghairah mahu meletakkannya semula di pucuk kepimpinan parti.

Ada pendapat mengatakan bahawa tindakan diambil oleh PAS itu kerana bimbangkan Datuk Asri menggunakan pengaruhnya untuk kembali memimpin parti. Ertinya dengan tindakan itu, ianya dikira boleh menghalangkan segala tindak tanduk yang memungkinkannya ber kempen mengembalikan

pengaruhnya di dalam muktamar agung parti nanti.

Pendapat lain mengatakan bahawa tindakan itu sebagai membala dendam kepada perbuatan Datuk Asri sebelumnya, semasa PAS di dalam kepimpinannya.

Apa pun pendapat, yang jelas bagi kita ianya berlaku secara spontan. Ianya mengingatkan kita bahawa Tuhan itu Maha Adil terhadap umatnya. Jika seseorang itu berbuat baik semasa hayatnya, Tuhan akan mengurniakan balasan yang baik terhadapnya dunia dan akhirat dan begitulah sebaliknya.

Mungkin apa yang terjadi pada Datuk Asri hari ini sebagai satu balasan atas perbuatannya yang lalu terhadap anggota-anggota partinya. Dalam sejarah kepimpinannya, beliau pernah bertindak memecat anggota-anggota parti terdiri dari orang-orang penting yang konon tidak sehaluan dengan hasrat kepimpinannya. Kita telah menghuraikan masalah ini dalam bab sebelumnya.

Jadi, apakah yang terjadi padanya hari ini suatu 'kurnia' dari tindak tanduknya sendiri? Hanya Allah saja yang mengetahuinya. Kita sebagai manusia hanya dapat memerhati dari jauh setiap kejadian yang merobahkan setiap kedudukan manusia sejagat di alam yang luas ini.

Melalui surat kepadanya jelas menunjukkan beliau telah terlucut segala hak sebagai ahli. Dengan ertikata lain beliau tidak dibolehkan bertanding atau menyuarakan apa-apa hak di muktamar April tahun ini.

Atas dasar itulah barangkali para pengikut setianya dikenali sebagai "kumpulan 18" yang membentuk jawatankuasa bertindak membela Datuk Asri berusaha mengadakan sidang di Kota Baharu konon untuk menubuhkan sebuah parti baru supaya Datuk Asri tetap sebagai pemimpin mereka.

Mesyuarat 31 Januari itu bagaimana pun berkeputusan membentuk Jawatankuasa Bertindak sebagai langkah tindakbalas terhadap tindakan disiplin PAS memecat dan menggantungkan keahlian 13 orang ahlinya.

Mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh Datuk Asri itu juga membentuk sebuah Jawatankuasa Penerangan untuk menyebar secara meluas kepada orang ramai mengenai apa yang sedang

berlaku di dalam parti.

Dalam kontek ini tentunya mereka akan bertindak sebagai 'menegakkan benang yang basah' atas tindakan mereka terhadap pucuk pimpinan parti.

Datuk Asri kemudian memberitahu: Tujuan Jawatankuasa itu ialah untuk mengkaji dan menilai keadaan dalam PAS sekarang dan kaitannya dengan perkembangan politik semasa.

"Ianya juga untuk menentukan arah dan haluan yang perlu dibuat oleh PAS dalam usaha mencapai cita-cita perjuangannya," katanya.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Datuk Asri sendiri dengan ahli-ahlinya Datuk Abu Bakar Umar, bekas Setiausaha Agung PAS dan lima tokoh veteran PAS yang lain.

Dalam masa yang sama kumpulan 13 orang ahli PAS yang dikenakan tindakan disiplin oleh PAS mendakwa akan mengambilkan tindakan mencabar keputusan dibuat ke atas mereka di mahkamah.

Pengerusi Jawatankuasa berkenaan, Haji Zahari Awang menegaskan: "Jika didapati tindakan ke atas mereka itu tidak sah di sisi perlumbagaan parti, pihak kami tidak ragu-ragu untuk membawa perkara itu ke mahkamah."

Dari reaksi yang timbul men bayangkan kumpulan 13 yang dikenakan tindakan disiplin berada di dalam keadaan serba salah dalam tindakannya. Apa yang jelas bagi kita, mereka lebih merupakan 'melepas dendam' dari bertindak yang boleh membawa kesan kepada perjuangan parti itu sendiri.

Kalau diibaratkan permainan tinju dalam pertarungan politik mereka sekarang ini, mereka sedang menerima pukulan "Knock out" dari pucuk pimpinan barunya. Mereka cuba menentang lawan dalam keadaan tenaga dan pengaruh 'jurulatih' yang sudah mula menurun zaman kegemilangannya.

Dengan keadaan itu segala tumbukannya tidak mengena sasaran lawan. Tumbukannya tidak lagi mengeluarkan "bisa" yang memeranjatkan para penontonnya. Tumbukan itu tidak lebih dari menghasilkan kegembiraan dan gelak ketawa pengikut-pengikut setianya.

Apakah yang boleh dibuat oleh jawatankuasa bertindak jika

benar kata Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan, Haji Mohd. Amin Yaacob bahawa penubuhan jawatankuasa oleh Kumpulan Datuk Asri itu 'haram' di sisi perlombagaan PAS.

Jika jawatankuasa itu haram bererti tindakannya juga haram. Dengan ertikata lain mereka bertindak tidak lebih dari membala dendam yang akhirnya tidak membawa apa kebaikan kepada politik mereka sendiri.

Bagi kita, ini suatu tindakan yang merugikan dari segi perjuangan parti. Kata orang, jika kita melawan arus kebangkitan dalam kepimpinan baru akibatnya kita sendiri akan karam dalam gelombang lautan politik yang garang.

Mereka yang telah dipecat, digantung keahliannya dan diberikan amaran oleh Jawatankuasa disiplin parti hampir seluruhnya terdiri dari mereka yang pernah menganggotainya 'kumpulan 20' dalam peristiwa menggulingkan Datuk Haji Mohamad Nasir dulu.

Pergolakan PAS di Kelantan sebenarnya mempunyai pertalian rapat dengan masalah kepimpinan mereka yang menggelarkan diri mereka sebagai 'pengikut setia' Datuk Asri.

Dengan ertikata lain, mungkinkah dengan keadaan berlaku ini akan membersihkan apa yang disifatkan sebagai 'kepimpinan kekeluargaan' di dalam PAS Kelantan yang sering diperkatakan sebelumnya?

Apakah dengan tindakan begini, PAS Kelantan akan bernaafas baru dalam menguatkan pengaruh perjuangannya? Inilah sesuatu yang sedang ditunggu oleh mereka yang berminat di dalam politik PAS negeri khususnya dan seluruh negara umumnya.

"Komandor" yang membawa kepada kekuatan PAS keseluruhannya mengikut pendapat umum bukan ketokohan Haji Hadi Awang tetapi berada pada diri Ustaz Haji Fadil Nor, tetapi kita juga tidak menolak ketokohan dan kepintaran politik Haji Hadi Awang. Keberaniannya makin jelas sejak akhir-akhir ini.

Jika Datuk Asri dan pengikut-pengikut setianya mengambil langkah di luar dari perlombagaan parti untuk mengembalikan kepimpinannya, kita merasakan suatu langkah kurang wajar. Datuk Asri dan pengikut-pengikut setianya, dalam keadaan sekarang, tidak mempunyai jalan keluar untuk kembali ke dalam pucuk pimpinan parti melainkan dengan dua cara berikut:

Pertama, mereka memainkan peranan mencari pengaruh seluas-luasnya di kalangan pengikut khususnya para perwakilan di Muktamar parti April depan dengan memenangi usul tidak percaya kepada pihak berkuasa parti dan seterusnya memenangi usul meletakkan Datuk Asri semula sebagai pemimpinnya.

Oleh sebab muktamar sebagai kuasa tertinggi dalam parti perkara ini dipercayai boleh membawa kepada perlaksanaannya, jika kempen mereka dapat mempengaruhi para perwakilan muktamar nanti.

Cara kedua difikirkan wajar ialah dengan membuat rayuan kepada pihak berkuasa parti - dalam kontek ini Jawatankuasa Disiplin supaya dapat menerima mereka kembali sebagai ahli dan bila ini dapat diterima, mereka mempunyai segala hak sebagai ahli di muktamar agung nanti.

Ertinya, mereka boleh bersuara dan mengundi jika mereka hadir sebagai ahli perwakilan. Malah mereka boleh bertanding apa saja jawatan jika mereka mahu sekiranya dicalonkan dan mendapat sokongannya.

Jadi, jika itu saja jalan terbuka bagi mereka untuk meneruskan perjuangannya, untuk terus menjadi pemimpin, mengapa mesti bertindak di luar dari perlembagaan seperti bertindak melalui jawatankuasa yang dikatakan 'haram' itu.

Kalau kedua-dua jalan itu masih juga buntu, Datuk Asri cuma mempunyai satu pilihan lagi untuk terus menjadi pemimpin iaitu melalui penubuhan parti baru atau menyertai parti politik lain yang sedia ada.

Adalah sukar baginya untuk menghidup dan meluaskan pengaruh sebuah parti baru dalam keadaan umurnya yang kian menjangkau larut sekarang ini. Sebuah parti baru memerlukan segala perhatian dan tumpuan tenaga yang tidak berbelah bagi. Tetapi dengan pengikut-pengikut yang ada hari ini, barangkali sukar bagi rakyat hendak menerima mereka, sekali pun mereka boleh menerima Datuk Asri sendiri. Mereka pengikut-pengikut Datuk Asri kebanyakannya pernah menjadi orang tidak dikehendaki oleh rakyat, umumnya dalam beberapa pilihan raya sebelum ini.

Ada pendapat mengatakan penggantungan keahlian, pemecatan dan amaran kepada ahli-ahli PAS itu sebagai langkah pucuk pimpinan membersihkan ‘kayu-kayu buruk’ yang sebelumnya banyak merusakan imej keindahan sebuah ‘bahtera’ yang mendapat perhatian umum sebelumnya.

Hakikat ini ada juga benarnya dilihat dari sejarah perkembangan parti itu di Kelantan. PAS Kelantan tidak pernah aman. Tindakan PAS Kelantan sering bertelagah yang membawa kepada krisis berpanjang.

Tetapi yang anihnya, tokoh yang baru muncul di dalam PAS Kelantan hampir tiada. Kalau ada pun mereka berada jauh di barisan belakang kepimpinan yang ada.

Seorang tokoh PAS yang berkeliber dan sekarang menjadi penyokong kuat Datuk Asri merupakan juga seorang yang menonjol dalam ‘kumpulan 13’ pernah memberitahu saya bahawa PAS Kelantan tidak mungkin menerima “fikiran baru” dalam menstabilkan pengaruhnya.

Dalam PAS Kelantan, katanya, terlalu banyak ‘kayu-kayu buruk’ yang menjadi batu penghalang kemajuan parti keseluruhannya. Beliau sendiri tidak mampu memimpin parti PAS Kelantan jika keadaan ini terus berlarutan.

Dari kenyataannya itu yang dapat saya faham bahawa PAS Kelantan tidak berkehendakan tokoh pemimpin baru yang boleh membawa imej baru dalam perjuangannya. Mereka yang berada di dalamnya yang ingin terus menguasai kepimpinan parti itu sebagai ‘penutup jalannya’ kepada sebarang kemunculan tokoh pemimpin baru.

Usaha dan kepimpinan Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini sebagai satu contoh yang dekat menghalang segala pembaruan yang mungkin dibuat di dalam parti itu. Orang yang terus berjuang di dalam PAS, banyak berbakti dan berjasa dalam membawa imej baru PAS selepas krisis PAS - Datuk Nasir, Haji Mohd. Amin Yaacob sehingga ini masih belum mendapat penghormatan sewajarnya. Haji Mohd. Amin dalam sejarah perjuangannya dengan PAS pernah disebut sebagai bakal menjadi Menteri Besar Kelantan.

Tetapi kerana ada yang “tidak kena” dengan pentadbiran parti itu di Kelantan, beliau cuma diberikan jawatan ‘Senator’ di dalam

kerajaan campuran PAS — BARISAN NASIONAL. Dan langkah ini dianggap sebagai usaha menghilangkan pengaruhnya di dalam pentadbiran PAS Kelantan.

Kematangan Haji Mohd. Amin Yaacob berpolitik sudah diketahui umum. Beliau tokoh yang jujur dan berjuang bukan mengharapkan sesuatu balasan dari PAS. Tetapi tokoh begini kadangkala "tersingkir" juga dari 'kumpulan yang lebih mencari peluang untuk naik' di dalam kepimpinan hari ini.

Apakah keadaan ini akan berterusan di dalam PAS Kelantan?

Apakah 'pembersihan' dibuat oleh pucuk pimpinan PAS pusat terhadap 'kumpulan yang pro Datuk Asri akan membawa imej baru di dalam PAS Kelantan dan pusat umumnya; jika ianya dapat dipertahankan dengan tindakan yang berjalan sekarang? Hanya keadaan saja yang dapat menentukan kelak. Hingga ini kita meninggalkan permasalahan ini kepada muktamarnya nanti. Assalamualaikum!

LAMPIRAN A

KENYATAAN BERSAMA TUN RAZAK - MOHAMMAD ASRI

Kenyataan Bersama Tun Abdul Razak bin Hussein dan Datuk Mohd. Asri bin Haji Muda dalam Perisytiharan Resmi Pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan - Pas pada 28hb. Disember, 1972 di Pejabat Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah, selawat kepada Rasul-RasulNya.

“BAHAWA memandang kepada gelora politik tanahair yang memerlukan penyatuan seluruh tenaga untuk mencapai cita-cita kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan peribadi rakyat serta identiti masyarakat; dan

“BAHAWA memandang kepada usaha-usaha pembangunan yang mesti terus menerus dihidupsuburkan dalam masa pembangunan lahiriah, yang dalam hal ini nilai-nilai ketuhanan akan menjiwai segenap bidang kemasyarakatan dan pembangunan yang menentukan ugama Islam itu sebagai ugama resmi sungguhpun ugama-ugama lain diberikan berjalan dengan aman dan damai; dan

“BAHAWA memandang kepada konsep demokrasi berparlimen seperti yang berjalan di negara kita sekarang ini yang sentiasa dipupuk dan dibajai bagi membérikan sumbangan yang besar kepada wujudnya satu BARISAN KEBANGSAAN yang kukuh dalam proses pembinaan negara dan rakyat; dan

“BAHAWA memandang kepada hasrat memajukan ekonomi negara dan rakyat dalam mana usaha sedang dan akan dijalankan untuk penyertaan seluruh rakyat yang mana khasnya ahli-ahli Bumiputera yang sewajarnya di segenap sektor terutama dalam sektor perusahaan dan perdagangan;

“MAKA tertakluk kepada persafahaman kepada yang telah dicapai secara bertulis antara Parti Perikatan dengan Parti PAS, dengan ini adalah dinyatakan PERSETUJUAN kedua-dua pihak bagi menubuhkan KERAJAAN CAMPURAN PERIKATAN-PAS di semua PERINGKAT.

“Demikianlah, semoga negara Malaysia sentiasa di bawah

lindungan rahmat Illahi.”

Garis-garis kasar yang akan diperjuangkan oleh PAS melalui Kerajaan Campuran mengikut Persetujuan kedua-dua Pihak:

1. PAS melalui Kerajaan Campuran Perikatan - berazam membentuk negara Malaysia ini menjadi sebuah negeri yang aman dan damai, yang harmonis, yang mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian, dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digembelingkan bersamaan dengan usaha pembangunan lahir yang sedang berjalan dengan pesatnya sekarang sesuai dengan Islam sebagai ugama negara serta prinsip-prinsip Rukunegara, maka nilai-nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.
2. Dalam menuju kesempurnaan prinsip-prinsip itu, maka PAS dengan Kerajaan Campuran yang diwujudkan itu akan berusaha memberi nilai-nilai Islam kepada perundangan dan perlombagaan negara.
3. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mewujudkan perseimbangan sosial dan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada ini serta cita-cita melenyapkan kemiskinan di kalangan rakyat itu mencapai kejayaan yang cemerlang.
4. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam mewujudkan kebudayaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang.
5. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman baik dari dalam maupun dari luar, dan dengan ini pertahanan negara akan diperkemaskan dan diperbesarkan sesuai dengan cita-cita untuk mewujudkan kemampuan nasional di bidang pertahanan.
6. PAS dengan Kerajaan Campuran ini berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuangkan konsep perkecualian negara-negara Asia bagi menjamin tercapainya keamanan di rantau ini. Dan di samping itu akan berusaha mengiratkan lagi hubungan dengan

negara-negara sahabat terutamanya negara-negara umat Islam.

Butir-butir Persetujuan yang telah dicapai dalam Perundingan Perikatan - PAS ke arah Pembentukan Kerajaan Campuran:

1. Sebuah Kementerian akan diberikan kepada PAS, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas yang akan bertanggungjawab dalam hal ehwal tanah, pembukaan dan kemajuannya dan juga perkara-perkara yang lain yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa.
2. Menteri yang tersebut di atas akan dilantik dengan persetujuan Raja-raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.
3. Jawatan-jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya bolehlah dipenuhi setelah Menteri berkenaan berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri.
4. Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjukkan oleh PAS bagi menjadi Anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan.
5. Perdana Menteri akan menimbang pemimpin-pemimpin PAS yang layak untuk menyertai rombongan-rombongan resmi keluar negeri dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan di luar negeri yang difikir sesuai, perlu dan menasabah.
6. Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli PAS yang difikir sesuai untuk mengambil bahagian dalam jawatankuasa-jawatankuasa, Lembaga-lembaga dan Perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri.
7. Dua orang Anggota Dewan Negeri Kelantan dari Parti Perikatan yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli Exco Negeri.
8. Dua orang Anggota Dewan Negeri-negeri Kedah dan Trengganu dari parti PAS di tiap-tiap negeri itu yang ditunjukkan oleh partinya akan dilantik menjadi ahli Exco negeri masing-masing.
9. Selama Kerajaan Campuran Perikatan - PAS ini wujud hen-

daklah tiada sebarang pertandingan antara PAS dengan Perikatan dalam pilihanraya kecil dalam kawasan-kawasannya masing-masing kecuali kawasan-kawasan di mana telah dimenangi oleh parti yang lain maka perundingan hendaklah diadakan terlebih dahulu.

10. Begitu juga kawasan-kawasan pilihanraya yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya umum 1969 yang kemudiannya ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terhenti daripada menjadi ahli PAS, maka sekiranya berlaku pilihanraya kecil dalam kawasan yang tersebut maka satu perundingan hendaklah diadakan, jika sebarang persetujuan tidak tercapai dalam perundingan itu maka pertandingan seperti biasa bolehlah diadakan.
11. Hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi sebarang pilihanraya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya.
12. Kebebasan anggota-anggota PAS dalam Kabinet Pusat, Exco Negeri, Parlimen dan Majlis Undangan Negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin.
13. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara Perikatan dengan PAS.

Demikianlah butir-butir persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak bagi mewujudkan Kerajaan Campuran Perikatan - PAS, agar dapat difahami oleh kita seluruhnya.



LAMPIRAN B

“DEMI KESELAMATAN NEGARA”

UCAPAN OLEH:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn,
(semasa membentangkan Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977 di Dewan Rakyat pada 8hb. November 1977, untuk meluaskan ke Negeri Kelantan kuasa pemerintahan Persekutuan.)

Tuan Yang DiPertua,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bertajuk “Suatu Akta di bawah Fasal-fasal (4), (5) dan (6) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk meluaskan ke Negeri Kelantan kuasa pemerintah Persekutuan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa pemerintah Negeri Kelantan, dan untuk memberi kepada Raja Negeri Kelantan, dengan dikecualikan Dewan Undangan Negeri Kelantan, kuasa perundangan Negeri Kelantan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa perundangan Negeri Kelantan” dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengaku Rang Undang-undang ini mengandungi implikasi politik dan menyentuh prinsip demokrasi.

Sungguhpun demikian, saya tidak mengemukakannya dengan sewenang-wenangnya. Saya mengemukakannya, dengan perasaan penuh tanggungjawab, dan dengan sebab-sebab yang tertentu dan yang tidak boleh dielakkan.

Seorang Ketua Kerajaan Pusat sebagai saya, memikul tanggungjawab yang amat berat, terutama mengenai keselamatan dan ketenteraman negara. Tanggungjawab saya berkenaan dengan perkara-perkara ini, tidak boleh dikompromi, walau apapun jadi kepada saya. Perkara keselamatan dan ketenteraman negara, saya akan utamakan segala-galanya. Tidak ada faedahnya dan makna kepada saya, jika kerana kepentingan politik, saya memejamkan mata dan memekakkan telinga, kepada terkorbaninya nyawa, terumpahnya darah dan musnahnya harta benda. Inilah yang harus berlaku di Kelantan - bukan sahaja di Kelantan harus juga merebak ke negeri-negeri lain jika rang undang-undang ini tidak dikemukakan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang DiPertua,

Demi Allah, saya tidak bermain politik. Kecil sangat saya, jika saya berniat dan bermain demikian. Apa yang saya maksudkan ialah menyempurnakan tanggungjawab saya, sebagai Perdana Menteri, dan tanggungjawab saya kepada rakyat dan negara.

Apa yang telah berlaku di Kelantan sekarang? Saya tidak berniat hendak menyalahkan sesiapa. Saya suka hendak mengemukakan kenyataan, sebagaimana yang terdapat oleh saya. Kacau-bilau, tunjuk perasaan, rusuhan, bakar-membakar, pecah-memecah harta-benda, berkumpul secara haram dan lain-lain perbuatan, adalah ekoran daripada undi tidak percaya ke atas Menteri Besar.

Saya tidak sekali-kali berniat hendak mengatakan tindakan itu wajar ataupun tidak, betul ataupun salah. Apa yang saya hendak tekankan ialah akibatnya, iaitu berbangkitnya suatu keadaan ang mengancam keselamatan di negeri itu. Tidak dapat tidak, Kerajaan Pusat mesti campurtangan. Bagi hendak menjamin keamanan dan keselamatan di Kelantan, saya telah mengarahkan supaya anggota polis ditambahkan.

Ketika ini, jumlah anggota polis di negeri itu ialah 5,489 terpecah kepada anggota yang ada 1,279 dan reinforcement sebanyak 4,210 orang. Jika reinforcement itu tidak dihantar dengan segera, Allah sahajalah yang mengetahui betapa buruk lagi keadaan keselamatan di negeri itu akan terjadi. Di samping itu pula, curfew terpaksa diadakan di Pekan Kota Bharu dan Kubang Krian. Ini menyulitkan dan menyusahkan rakyat di kawasan-kawasan itu, terutama golongan yang miskin, yang kais pagi makan pagi, dan tidak pula dapat mengais petang langsung kelaparan. Memang benar bahawa hak membuat keputusan, samada menolak atau menerima permohonan Menteri Besar itu, supaya Dewan Undangan Negeri dibubarkan dan pilihanraya diadakan, terletak di tangan Pemangku Raja menurut Perlumbagaan Negeri Kelantan.

Pemangku Raja belum membuat apa-apa keputusan, mungkin kerana bimbang bahawa apapun keputusan yang dibuat olehnya, akan menimbulkan perasaan tidak puashati di kalangan satu golongan rakyat dengan golongan yang lain.

Tuan Yang DiPertua,

Sementara itu, perasaan tidak puashati ini di kalangan rakyat di Negeri Kelantan, mula memuncak, dan ini menimbulkan satu keadaan yang mungkin membawa kepada keganasan terhadap orang awam, memusnahkan harta-benda, dan mengancam keselamatan negeri itu dan keadaan ekonomi rakyatnya.

Tuan Yang DiPertua,

Benarkan saya memberi butir-butir berkenaan penangkapan dan lain-lain. Mengikut lapuran yang diberikan kepada saya, angka-angka berkaitan dengan mereka yang cedera dan ditangkap serta kerosakan terhadap harta-benda sehingga 5hb. November, adalah seperti:

| | | |
|--|---|-----|
| Cedera | - | 19 |
| Tangkapan | - | 288 |
| Kerosakan harta-benda kepada kedai dan rumah | - | 35 |
| Lori | - | 1 |
| Kereta | - | 1 |
| Motosikal | - | 2 |
| Pondok polis | - | 1 |

Mereka yang ditangkap adalah kerana melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

| | | |
|---|---|-----|
| Melanggar perintah berkurung | - | 127 |
| Melakukan rusuhan | - | 26 |
| Berkumpul secara haram | - | 75 |
| Memiliki senjata offensive atau senjata merbahaya | - | 9 |
| Memiliki bom buatan sendiri | - | 1 |
| Membuat kacau-bilau dengan api | - | 3 |
| Tidak mempunyai kad pengenalan | - | 29 |
| Jumlah | | 270 |

Tuan Yang DiPertua,

Bilangan mereka yang telah dilepaskan tanpa syarat ialah 76, dengan jaminan 194, ditahan untuk siasatan lanjut 18, di antara mereka yang telah ditangkap ialah tiga penuntut universiti dan 45 penuntut sekolah menengah.

Tuan Yang DiPertua,

Benarkan saya memberi penilaian atas situasi yang ada di Kelantan sekarang ini. Saya sangat memandang berat atas keadaan di Kelantan itu, saya mempunyai tanggungjawab utama untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, memberi perlindungan kepada nyawa dan harta-benda dan menjamin keselamatan dan kehidupan ekonomi rakyat di Negeri Kelantan. Penilaian saya ke atas keadaan yang diberi itu adalah seperti berikut:

Keadaannya adalah tegang, tetapi terkawal disebabkan oleh adanya Polis dengan kekuatan yang mencukupi. Rusuhan dan keadaan awam yang tidak tenteram sudah tentu akan meletus jika tidak kerana ketegasan dan kekuatan pihak polis. Ada kemungkinan besar bahawa keadaan di Negeri Kelantan itu akan merebak menjadi pergaduhan di antara kaum yang mungkin merebak keserata negara kita.

Keadaan ini, Tuan Yang DiPertua, akan dieksplotasikan oleh komunis, puak pelampau, antinasionl dan anasir-anasir jahat yang akan mengancam keselamatan, bukan sahaja di Negeri Kelantan bahkan di seluruh negara kita.

Kemungkinan ini menjadi lebih serius di sebabkan oleh sempadan bersama dengan Negeri Thai.

Tuan Yang DiPertua,

Penyelesaian dan cadangan saya dengan mengambil ingatan akan ancaman yang sebenarnya kepada keselamatan dan pencabulan undang-undang, ketenteraan dan ancaman kepada kehidupan ekonomi orang ramai, bukan sahaja di Negeri Kelantan tetapi di seluruh negara. Saya selepas berunding dengan penasihat-penasihat mengenai hal-hal keselamatan penuh yakin bahawa penyelesaian yang hanya terbuka bagi krisis ini yang mungkin diterima oleh sebahagian besar daripada rakyat di negeri itu ialah ialah supaya Kerajaan Pusat mengambil alih secara sementara akan tugas-tugas pentadbiran Executive dan perundangan negeri itu. Cadangan ini sewajarnya sebagaimana yang saya cadangkan

dibuat melalui Akta Parlimen dan inilah sebabnya pada malam ini kita berhimpun di sini membincangkan Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang DiPertua,

Saya tidaklah bertujuan hendak menghuraikan satu persatunya kandungan Rang Undang-undang ini. Perkaranya ialah tidak banyak - 16, dan rasa saya tidak payah hendak mengertikan tujuan dan maksud Rang Undang-undang ini.

Sebagai asasnya secara ringkas, Kerajaan Pusat akan mengambil alih kuasa executive dan kuasa undang negeri itu sementara waktu dan ini diletakkan di bawah tanggungjawab Perdana Menteri dan Perdana Menteri itu adalah bertanggungjawab kepada Kabinet berkenaan pelaksanaan dan pentadbiran Kerajaan atau Negeri Kelantan itu dan Kabinet adalah bertanggungjawab kepada Parlimen ini Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang DiPertua,

Sistem kita ini cukup dengan jagaan daripada salahguna dan penyelewengan kuasa-kuasa yang diberi oleh Parlimen. Sungguhpun bunyinya terlampaui besar dan terlampaui indah kuasa Negeri Kelantan itu diletakkan dan diberikan kepada Perdana Menteri, ini bukanlah hadiah kepada saya, ini ialah beban yang kalau saya boleh dielakkan.

Kerajaan Pusat cukup tanggungan rancangan-rancangan yang perlu dijalankan dengan segera bagi kebaikan rakyat semua dan saya tidak sekali-kali berkehendakkan kuasa ini, malah kalau boleh saya elakkan tetapi kerana jawatan saya ini telah meletak ke bahu saya, tanggungjawab keselamatan dan ketenteraman di negara ini, saya tidak rela jika saya tidak berikhтир dengan seberapa daya upaya saya hendak mengelakkan daripada terkorban nyawa, tumpah darah, memusnahkan harta-benda, dimana-mana negeri Persekutuan kita ini.

Kalaulari terjadi kerana saya cuai dan lalai dan mengambil banyak perhitungan, pertama sekali perhitungan politik dan rela menengok nyawa terkorban, darah tumpah, saya bukan sahaja bertanggungjawab di Dewan ini, di Bangunan ini sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara dan kepada rakyat seluruhnya tetapi saya akan bertanggungjawab diakhirat juga. Ini tanggungan berat

pada saya. Saya tidak sanggup memikul tanggungan dengan sepenuhnya berikhtiar mencari penyelesaian supaya terjamin keselamatan di sesebuah negeri.

Kuasa ini akan dijalankan oleh seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam Persekutuan dan kepadanya akan terserah kuasa-kuasa executive, functions, powers yang sekarang ini dijalankan oleh Menteri Besar dan Executive Council tetapi kita ada membuat peruntukan ini supaya berjaga dan pegawai ini adalah dilantik oleh saya sendiri dan beliau bertanggungjawab dan menerima arahan, panduan, nasihat, tunjuk daripada saya dan sebagaimana yang saya katakan saya akan bertanggungjawab pertamanya kepada Kabinet berkenaan pentadbiran dan perjalanan pentadbiran di Negeri Kelantan dan seterusnya ke Dewan ini.

Selain daripada itu Duli Yang Maha Mulia Raja ada peranannya, saya tengok dalam peruntukan ini oleh kerana Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak ada kuasa sementara waktu, iaitu sementara dalam masa Akta ini berkuat-kuasa, maka undang-undang hendak juga diperbuatkan.

Sebagai contohnya, kita sudah sampai peringkat penghujung tahun Budget mesti diluluskan dan kalau Dewan Undangan itu tidak ada kuasanya dan kepada siapa kuasa itu hendak kita berikan dan dalam peruntukan ini kuasa meluluskan undang-undang sebagai itu dan undang-undang lain jika perlu adalah di tangan Raja Negeri Kelantan dengan nasihat pengarah Kerajaan yang akan dilantik mengikut peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang DiPertua,

Saya hendak menegaskan kalau adalah sangkaan-sangkaan di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan Undang-undang ini dibuat dengan tergesa-gesa atau cadangan telah dibuat dengan secara tergesa-gesa, itu adalah silap fahaman.

Kami semua sangat sedar akan tanggungjawab kami dan bila berlakunya peristiwa di Kelantan itu, kami mengawasi, berfikir siang malam sejauh mana akan mlaratnya, seburuk mana keadaan di Kelantan itu akan berlaku dan saat mana yang kami khususnya saya sendiri akan campurtangan supaya memberi peluang kepada pihak-pihak di negeri itu mencari jalan untuk mengatasinya sendiri. Nampaknya kita telah dapat sementara

waktu ini dan kita tidak boleh membiarkan keadaan itu berlansung begitu sahaja.

Dan dengan adanya Pengarah Kerajaan dengan penuh kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini maka kuasa dan tanggungjawab atas peranan di dalam negeri yang sudah-sudah ini dijalankan atau di tangan Menteri Besar atau Exco pada masa ini tergantung.

Exco ada, Majlis Undangan ada, tetapi apa yang tidak ada kepada kedua-dua badan ini ialah kuasa dan ini dibuat dengan sebab-sebab yang tertentu dan saya mengakui kalau dipandang cara politik, tentu keadaan semacam ini ada Menteri Besar, ada Exco, ada Dewan Undangan tetapi sebagai patung, sebagaimana yang dikatakan, saya mengaku. Bukan kita tidak nampak, kita nampak.

Tetapi sebagaimana yang saya tegaskan, kerana keadaan memerlukan penyusunan sedemikian sementara waktu. Itulah sebabnya dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Walaupun demikian, kita mesti bercermat bila menggubal Rang Undang-undang ini supaya Perlembagaan Negeri Kelantan itu tidak tercuit, jika boleh. Itulah sebabnya Menteri Besar mesti ada, itulah sebabnya Exco mesti ada, itulah sebabnya Dewan Undangan mesti ada, kerana Perlembagaan Kelantan tidak dicuit langsung dan Perlembagaan Kelantan memperuntukkan jawatan-jawatan dan badan-badan ini.

Berkenaan dengan Duli Yang Maha Mulia Raja di Negeri itu ada diperuntukkan, iaitu Duli Yang Maha Mulia itu ada hak boleh meminta maklumat dan penerangan daripada Pengarah berkenaan dengan Kerajaan, perjalanan, pentadbiran di Negeri itu. Bagi memerintah sesebuah negeri kecil atau besar, tentu berbangkit bermacam-macam perkara dan masalah dan seorang tentulah tidak boleh terpikul dan tidak dapat memutuskan atau menjalankan tanggungjawabnya dengan memuaskan. Itulah sebab dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini supaya sebuah Council atau Majlis iaitu Majlis Penasihat (State Advisory Council) itu ditubuhkan mengandungi orang-orang sebagaimana yang telah tercatit di dalam peruntukan itu dan 4 orang lagi yang akan diangkat atau dilantik oleh Perdana Menteri. Pengarah itu, jika perlu, boleh meminta nasihat dan pandangan daripada Council ini

dan apa pun pandangan yang diberi oleh Council ini hendaklah diberi pertimbangan, tetapi dengan syarat ini terpaksa dibuat dan Pengarah itu tidak semestinya mengambil tindakan atau bersetuju atau mengikut pandangan-pandangan yang diberi oleh Council itu.

Berkenaan dengan membuat undang-undang, undang-undang akan dibuat oleh Raja Negeri itu dengan cara regulations sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Kuasa juga diberi kepada Perdana Menteri membuat rules berkenaan dengan perkara-perkara yang tertentu dan lain-lain, jika perlu.

Satu perkara dan tentu Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tahu ialah berapa lama pemerintah yang dikatakan ala-Mageran ini berjalan. Kenapa tidak disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, bulan dan tahunnya. Ini tentulah tidak wajar dibuat demikian, kerana kita tak tahu berapa lama keadaan di Negeri Kelantan itu akan pulih supaya boleh diserahkan balik kuasa-kuasa ini kepada kuasa-kuasa yang patut menerimanya.

Itulah sebabnya tidak disebutkan. Tetapi kuasa membatalkan kuatkuasa Undang-undang ini adalah terletak di tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan sebagaimana yang diketahui to repeal kepada Rang Undang-undang ini akan dibuat oleh Yang Dipertuan Agung mengikut nasihat Kabinet. Tentulah Kabinet lebih mengetahui sama ada keadaan ini sudah pulih ataupun tidak supaya kuasa-kuasa ini diserahkan balik kepada orang negeri itu sendiri.

Tuan Yang DiPertua,

Sebagai penutup, rasa saya, saya telah jelaskan tujuan dan maksud Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini dan saya telah menerangkan iaitu jauh daripada kita hendak merangkum kuasa-kuasa daripada Negeri-negeri, sebaliknya kalau boleh dielakkan beban tanggungan ini dan Kerajaan Pusat tidak hendak menanggungnya.

Oleh yang demikian daripada hasrat dan dari pandangan-pandangan yang datang daripada hati saya yang suci ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan memberi sepenuh-penuh pertimbangan dan sedalam-dalam pandangan pada masalah merbahaya yang akan berlaku dan mungkin berlaku.

Saya tahu tentu ada hujah-hujah dari pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini menyatakan Rang Undang-undang ini tidak perlu kerana perkara-perkara kebimbangan saya itu mungkin tidak terjadi.

Alhamdulillah kalau benda-benda yang saya bimbangkan itu tidak akan terjadi, saya akan berkenduri, saya akan membaca doa selamat. Tetapi kalau benda itu terjadi, bukan orang yang mengatakan tidak perlu yang akan bertanggungjawab di dunia dan di akhirat, malah saya sendiri dan rakan-rakan saya di dalam Kerajaan Persekutuan yang akan menjawabnya.

"Rang Undang-undang ini telah diluluskan dengan suara terbanyak oleh kedua-dua Dewan Perlimen - Dewan Negara dan Dewan Rakyat."



"MENGAPA PAS DISINGKIR"

UCAPAN OLEH

YAB. DATUK HUSSEIN ONN

(Pemangku Presiden UMNO Malaysia,
di perjumpaan Ketua-ketua Bahagian

UMNO) Pada 9hb. Disember, 1977,

Jam 3.00 petang.

DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN,
KUALA LUMPUR.

Pengerusi Majlis,
Yang Berhormat Naib-naib Presiden,
Ahli-ahli Majlis Tertinggi,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah bersusah payah datang dari jauh dan dekat dan dengan secara tergesa-gesa menghadiri perjumpaan ini. Perjumpaan ini amat penting bukan sahaja bagi menjamin masa depan UMNO tetapi juga penting bagi menentukan nasib orang-orang Melayu khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya.

Perjumpaan kita hari ini diselubungi oleh suasana sedih dan pilu. Sedih kerana kehilangan seorang menteri yang banyak berjasa kepada UMNO dan negara. Kemalangan kapalterbang MAS di Tanjung Kupang, Johor, yang telah mengorbankan 100 nyawa, sungguh mengejutkan dan mengharukan kita semua.

Oleh itu sempena dengan perjumpaan yang bersejarah ini, marilah kita beramai-ramai mendoakan semoga Allah Subhanahu Wataala mencucuri rahmahNya ke atas roh Allahyarham Datuk Sri Ali bin Ahmad serta lain-lain roh orang yang telah terkorban dalam kemalangan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Sebelum saya menyebutkan perkara penting dalam perjumpaan ini, marilah kita menoleh sejenak ke belakang mengkaji semula dengan secara ringkas perkembangan yang telah berlaku sehing-

galah ke perjumpaan yang diadakan pada petang ini.

Saya tidaklah berhajat menerangkan kemajuan dan kejayaan UMNO yang telah lalu atau kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Perikatan sejak ianya ditubuhkan. Kesemuanya ini ada dalam pengetahuan tiap-tiap ahli UMNO. Demikianlah juga dengan hasrat dan tujuan menubuhkan Barisan Nasional yang telah menyatu-padukan sehingga ke hari ini sebelas buah parti politik yang sebilangannya telah menentang UMNO pada masa sebelumnya.

Sesungguhnya, UMNO telah membuat banyak pengorbanan politik bagi memenuhi hasrat dan matlamat Barisan nasional. Walaupun perjalanan kita masih jauh dan penuh dengan liku-liku tetapi Barisan nasional telah dapat menumpukan sepenuh tenaganya memupuk dan menyuburkan semangat kerjasama dan persefahaman dalam melaksanakan rancangan pembangunan, membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat berbilang kaum. Barisan nasional berazam akan terus dengan penuh keberanian dan dengan usaha yang lebih bersungguh-sungguh, mewujud dan mengeratkan perpaduan. Dengan sokongan rakyat saya percaya Barisan Nasional akan mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Barisan Nasional merupakan satu federasi yang longgar kerana tiap-tiap parti yang bergabung ingin mengekalkan identiti partinya masing-masing. Tetapi parti-parti komponen adalah terikat dengan semangat ingin bekerjasama saling mengerti sesama sendiri dan yang paling penting sekali ialah mematuhi disiplin parti. Semangat kerjasama dan persefahaman adalah penting bagi menyelesaikan masalah negara. Ia lebih berharga dengan dibuktikan dalam amalan daripada semata-mata mengadakan perakuan-perakuan sahaja tetapi tidak diperlakukan.

Inilah caranya Barisan Nasional bergerak selama ini dari semenjak ianya ditubuhkan. Hasil kejayaan penubuhan Barisan Nasional telah dapat dilihat dengan nyata apabila parti ini mencapai kemenangan yang paling gemilang dalam pilihanraya tahun 1974. UMNO yang mempelopori Barisan Nasional sentiasa berusaha dan bertindak bagi mengekalkan gabungan ini serta memastikan ia dapat terus wujud kukuh dan teguh supaya usaha pembangunan

negara dapat diselenggarakan dengan lebih licin, sempurna dan jayanya.

Parti-parti politik yang bercorak gabungan seperti Barisan Nasional ini sudah pasti sekali-sekala menghadapi masalah. Pertentangan pendapat dan perbezaan cara mendekati dan menyelesaikan sesuatu masalah merupakan sesuatu perkara biasa yang memang diramalkan dari mula-mula lagi.

Peristiwa perpecahan parti komponen Barisan Nasional di Sabah merupakan kejadian pertama yang telah berlaku. Kita berikhtiar menyelesaiakannya. Walaupun perkara itu belum dapat diselesaikan dengan sepenuhnya tetapi Insyaallah penyelesaian akan dapat dibuat dengan cara beransur-ansur. Pergolakan yang sedang kita hadapi di Kelantan sekarang, merupakan peristiwa kedua. Perkara ini besar, yang berkehendakan pengkajian dan pertimbangan yang serius kerana ianya melibatkan soal pokok.

Sebagaimana kita sedia maklum, Datuk Haji Mohammad Nasir telah dipilih menjadi Menteri Besar hasil daripada persefahaman dan semangat tolak-ansur di antara Allahyarham Tun Razak sebagai Perdana Menteri dan Ketua Barisan Nasional di masa itu dengan pucuk pimpinan PAS yang mempunyai suara majoriti dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Semangat tolak-ansur seperti ini patut sentiasa wujud, digalak dan dikekalkan. Ia merupakan faktor utama bagi mengekal dan menjamin perpaduan dalam Barisan Nasional. UMNO tidak berhajat dan tidak mahu mencampuri langkah pucuk pimpinan PAS melucutkan jawatan Datuk Haji Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan semata-mata kerana menghormati kehendak-kehendak pucuk pimpinan PAS yang mendakwa perkara itu merupakan soal rumah tangga PAS.

UMNO menganggapkan perkara itu sebagai masalah Barisan Nasional. Langkah itu juga telah diambil oleh pucuk pimpinan PAS dengan tidak ada sedikitpun perundingan dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional terlebih dahulu.

UMNO tidak dapat menyokong langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan PAS dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15hb. Oktober itu bukan kerana UMNO tidak dibawa berunding, tetapi kerana UMNO tidak tahu sebab atau diberitahu sebab-sebab mengapa Menteri Besar Datuk Haji

Mohammad Nasir dilucutkan daripada jawatannya. Oleh itu sikap berkecuali yang telah diambil oleh UMNO itu adalah satu tindakan yang munasabah. Tambahan pula UMNO masih lagi mengharap hendak mengekalkan perpaduan dengan parti PAS.

Malangnya peristiwa melucutkan jawatan Menteri Besar itu dengan tidak disangka-sangka telah mencetuskan kejadian yang buruk. Peristiwa yang telah mengakibatkan kecederaan sebilangan orang yang tidak berdosa, kemusnahaan harta benda dan boleh mengancam nyawa rakyat telah juga mengancam keselamatan negeri Kelantan.

Jika keadaan ini tidak dikawal segera ia akan melibatkan keselamatan negara seluruhnya. Sebagai Perdana Menteri saya bertanggungjawab di atas keselamatan negara, jiwa dan kebajikan rakyat. Saya terpaksa mengambil langkah yang tegas. Keadaan darurat telah diisyiharkan bagi negeri Kelantan. Satu undang-undang dirangka meletakkan kerajaan Negeri Kelantan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Langkah-langkah ini diambil pada masa Menteri-menteri dari Parti PAS masih lagi bersama-sama kita dalam Jemaah Menteri. Rang Undang-undang ini kemudiannya telah diluluskan oleh Parlimen. Kerajaan Darurat terpaksa ditubuhkan di Kelantan dengan tidak mengira siapakah yang menjadi parti pemerintahnya. Samada ianya daripada parti lawan ataupun parti kawan tidaklah penting kerana yang pentingnya ialah keselamatan dan kebajikan rakyat Kelantan sendiri. Saya memanglah sentiasa meletakkan kepentingan keselamatan di atas segala-galanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Memang benar demokrasi telah mati di Kelantan. Tetapi rakyat Kelantan telah dapat terus hidup dengan penuh keyakinan di atas keselamatan dan masa depan mereka. Demokrasi di Kelantan tetap akan dipulihkan sebaik-baik saja keadaan mengizinkan. Tempoh dan lama masa berjalannya Kerajaan Darurat di Kelantan itu hanya dikehendaki sekadar yang wajib sahaja. Lebih pendek adalah lebih baik.

Kerajaan Pusat berikrar akan memulihkan kembali pemerintahan demokrasi seberapa segera yang boleh. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa Parti PAS yang mempunyai anggota di Dewan Undangan yang lebih ramai akan tetap memegang teraju

pemerintahan negeri itu semula dan bukanlah UMNO.

Malang sekali tujuan baik Kerajaan Pusat dan rang undang-undang yang telah mendapat persetujuan daripada Parlimen itu, telah sengaja disalahfaham dan disalahtaksirkan oleh pucuk pimpinan PAS. Semua wakil-wakil rakyat parti komponen Barisan Nasional dalam Parlimen, kecuali wakil-wakil rakyat PAS, telah menyokong rang undang-undang penubuhan Kerajaan Darurat di Kelantan itu.

Biarlah saya bersalah dalam tindakan saya mengadakan undang-undang itu. Tetapi saya tidak sanggup memikul dosa yang lebih besar dengan membiarkan berlakunya pertumpahan darah, pengorbanan nyawa, kecederaan dan kemusnahan harta benda, sebagai Perdana Menteri saya tidak boleh memandang ringan perkara ini. Saya berkewajipan penuh melindungi nyawa rakyat.

Tindakan saya ini telah disambut baik dan disokong oleh sebahagian besar penduduk dan rakyat Kelantan sendiri. Saya tidak faham kenapa pucuk pimpinan PAS tidak mahu menyokongnya. Saya tahu tidak semua ahli-ahli PAS bersetuju dengan tindak-tanduk pucuk pimpinannya. Sebenarnya UMNO juga memerlukan kerjasama PAS dan tidak sekali-kali meragukan penyertaan PAS tetapi yang kita sangsikan ialah sikap dan pendirian pucuk pimpinannya.

Perbuatan pucuk pimpinan PAS menentang arahan Parti WHIP menjadi satu contoh yang merbahaya kepada parti anggota yang lain Barisan Nasional, samada di dalam ataupun di luar Dewan, di masa akan datang.

Jika semangat kerjasama dan saling mengerti ini luntur dan disiplin parti diketepikan, akibatnya Barisan Nasional akan hancur. Kita semua tahu bahawa disiplin merupakan rahsia perpaduan dan kekuatan Barisan Nasional selama ini.

Disiplin adalah paling mustahak dalam penghidupan manusia dan ianya hendaklah diutamakan. Mengenakan disiplin di atas diri sendiri pun merupakan perkara penting, apatah lagi dalam masyarakat atau pertubuhan seperti parti-parti politik. Satu dari sebab-sebab kejayaan UMNO selama ini ialah kerana ahli-ahlinya mematuhi disiplin parti serta menghormati dan menjunjung tinggi aturan dan peraturan yang ditetapkan. Parti-parti yang ahlinya tidak patuh kepada disiplin akan membawa kehancuran kepada

parti itu sendiri.

Soal mengenai siapakah yang bersalah sehingga mengakibatkan tercetusnya kejadian buruk di Kelantan itu tidaklah berfaedah dibangkitkan. Tetapi perkara yang paling penting dan yang patut diutamakan ialah melindungi nyawa rakyat terlebih dahulu.

Sebagai Perdana Menteri, saya mengetahui dengan sedalam-dalamnya masalah-masalah keselamatan dalam negeri. Saya mesti bertindak sewajarnya mengikut keadaan. Saya telahpun menerangkan bahawa saya tidak menyebelahi mana-mana pihak yang terlibat dalam peristiwa Kelantan itu. Saya jalankan segala tindakan yang perlu di atas sifat saya sebagai Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebajikan rakyat, bukan saja di Kelantan, bahkan di seluruh tanahair kita. Inilah amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh rakyat kepada saya. Saya tidak faham mengapa pucuk pimpinan PAS tidak memahami hakikat ini. Soal keselamatan adalah satu perkara yang tidak boleh dijadikan tawar-menawar.

Di bawah Kuasa-kuasa Darurat, Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab terus kepada saya sebagai Perdana Menteri. Saya pula bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri di mana Menteri-Menteri dari PAS menganggotainya. Saya akan memberi penjelasan kepada Jemaah Menteri dari masa ke semasa mengenai perkembangan dan kemajuan di Negeri Kelantan, dan di masa itu Menteri-menteri dari PAS bolehlah membangkitkan sebarang kemushkilan mengenainya. Sebaliknya mereka telah mengambil tindakan meletakkan jawatan beramai-ramai dari menyertai kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dalam masa kita sedang mencari-cari jalan yang sebaik-baiknya, bagi mengatasi keadaan buruk yang tercetus di Kelantan itu, tiba-tiba pucuk pimpinan PAS menimbulkan lagi berbagai masalah lain dengan mengemukakan undi tidak percaya kepada beberapa orang Menteri Besar yang terdiri daripada ahli-ahli UMNO. Di antaranya yang paling baru ialah di negeri Kedah.

Menteri-menteri Besar boleh ditukar-ganti tetapi apa yang meragukan ialah tentang sejauh mana keikhlasan pucuk pimpinan PAS yang melakukan perbuatan-perbuatan ini dengan tidak mahu berunding terlebih dahulu dengan kita.

Di manakah letaknya semangat kerjasama pucuk pimpinan PAS dalam Barisan Nasional? Apakah salahnya jika perkara ini dirundingkan dengan kita terlebih dahulu mengenai hal-hal Negeri Kelantan dengan pucuk pimpinan PAS mengapakah pucuk pimpinan PAS mahu membelakangkan kita mengenai hal di negeri-negeri lain.

Sungguh sukar sekali bagi kita hendak memahami tindak-tanduk pucuk pimpinan PAS ini. Setelah menimbulkan gejala-gejala ini, pucuk pimpinan PAS melahirkan hasrat hendak kekal dalam Barisan Nasional. Kita sungguh tidak faham dengan sikap dan pendirian ini.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah yang akan datang pada 17 Disember ini sudah pasti akan menimbulkan perbalahan yang hebat. Tidakkah pucuk pimpinan PAS sedar akan perkara ini? Apakah tujuan pucuk pimpinan PAS berbuat demikian? Bukankah ini semuanya merupakan gejala-gejala yang sengaja ditimbul-timbulkan dengan niat hendak memecah-belahkan Barisan Nasional.

Di Negeri Johor pula pucuk pimpinan PAS di sana telah memberi amaran yang merupakan kata-dua bahawa calon-calon PAS akan bertanding dalam semua kawasan pilihanraya menentang Barisan Nasional.

Dalm pilihanraya tahun 1974 UMNO sebenarnya menghadapi kesulitan kerana terpaksa bertolak-ansur dengan memberikan beberapa kerusi baru dan kerusi-kerusi tambahan kepada PAS. UMNO terpaksa berbuat demikian semata-mata dengan tujuan hendak mewujud dan mengekalkan semangat kerjasama UMNO dengan PAS, demi kepentingan dan faedah rakyat.

Pucuk pimpinan PAS telah juga memberi amaran bahawa kononnya lima buah negeri di Semenanjung Malaysia akan menerima nasib seperti di Pulau Pinang. agaknya mereka merujuk kepada peristiwa pilihanraya tahun 1969 dahulu jika sekiranya PAS meninggalkan atau dikeluarkan daripada Barisan Nasional. Ugutan dan ancaman seperti itu merupakan satu probokasi yang merbahaya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
UMNO mempunyai maruahnya sendiri.

Kita seringkali juga mendengar dari pucuk pimpinan PAS desakan supaya PAS mengkaji semula kedudukannya dalam Barisan Nasional. Perkara ini telah dibangkitkan dalam tiap-tiap Perhimpunan Agung PAS selama tiga tahun berturut-turut setelah PAS menyertai gabungan besar ini. Penubuhan ranting-ranting PAS dalam kawasan-kawasan UMNO juga menimbulkan kecurigaan dan boleh membangkitkan salah faham di kalangan rakyat. Banyak lagi perbuatan dan tindakan pucuk pimpinan PAS yang meragukan.

Kita sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh memelihara perpaduan Barisan Nasional. Tetapi bagaimanakah perpaduan dapat dikenalkan jika ada pihak-pihak yang tidak mahu mengikuti peraturan dan tidak mahu mematuhi keputusan yang dipersetujui oleh ramai. Perpaduan yang hanya ada pada nama sahaja tidak membawa erti apa-apa dan tidak berafaedah.

Berikutnya dengan berlakunya kejadian-kejadian ini saya telah mengadakan sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada 5hb. Disember, 1977. Fasal 14, Perlembagaan Barisan Nasional membolehkan dengan suara majoriti memecat parti-parti ahli yang bergabung yang didapati melanggar disiplin.

Tetapi Barisan Nasional sekali-kali tidak berniat hendak menggunakan Fasal tersebut bagi memecat PAS. Barisan Nasional masih lagi, jika boleh, berkehendakkan PAS tinggal kekal dalam Barisan Nasional.

Sungguhpun demikian, disiplin parti mesti dipelihara dan dipatuhi kalau kita mahu melihat Barisan Nasional hidup berpanjang. Oleh itu satu usul yang merupakan suatu tolak-ansur sebagai jalan yang sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah ini telah dikemukakan dalam persidangan Dewan Tertinggi Barisan Nasional itu.

Tolak-ansur itu merupakan usul yang berkehendakkan supaya parti-parti anggota yang ahli-ahlinya didapati menentang arahan Parti WHIP mengenai sesuatu masalah yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara atau Dewan Negeri hendaklah mengambil tindakan disiplin terhadapnya dengan memecat mereka itu daripada parti masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Apabila semangat kerjasama yang tulus ikhlas itu luput dan disiplin parti telah diketepikan, Barisan Nasional sudah tentu akan pecah dan musnah. Jika ini berlaku tentulah tidak berguna lagi. Eloklah kekusutan yang berlaku ini diselesaikan sekarang juga kerana jika dibiarkan berlanjutan akan merugikan Barisan Nasional dan rakyat.

Daripada 11 buah parti anggota dalam Barisan Nasional, sembilan telah menyokong, PPP berkecuali dan PAS menentang usul itu. Keputusan suara terbanyak ini telah dimaklumkan dengan secara rasmi kepada PAS.

Memandangkan betapa pentingnya masalah yang kita hadapi ini, saya telah mangadakan Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi UMNO malam tadi. Majlis Tertinggi UMNO telah membincangkan dengan teliti segala akibat-akibatnya terutama sekali tentang sikap pucuk pimpinan PAS yang ada sekarang, yang terang-terang menggugat perpaduan Barisan Nasional khususnya dan perpaduan orang-orang Melayu amnya. Kami berpendapat bahawa haruslah diwujudkan kesungguhan dan keikhlasan bagi memperkuatkan Barisan Nasional.

Memandangkan kepada perbuatan sikap dan pendirian pucuk pimpinan PAS selama ini, maka UMNO berpendapat kerjasama yang erat tidak mungkin dapat terus wujud di antara UMNO dengan PAS dalam Barisan Nasional.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan pertelingkahan ini berpanjangan, yang akhirnya akan membawa perpecahan kepada Barisan Nasional, Majlis Tertinggi UMNO telah dengan perasaan amat dukacita mengambil pendirian, jika pucuk pimpinan PAS tidak mematuhi dan mengambil tindakan sebagaimana yang dikehendaki di dalam resolusi yang telah dipersetujukan oleh Barisan Nasional dalam Mesyuarat Dewan Tertingginya pada 5hb. Disember yang lalu, UMNO akan meminta diadakan Mesyuarat Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional supaya dipersetujukan resolusi memecat PAS daripada Barisan Nasional.

Pagi ini saya telah menyampaikan pendirian UMNO itu kepada Ketua-ketua Parti anggota Barisan Nasional.

Ketua-ketua parti anggota Barisan Nasional dalam perjumpaannya pagi ini telah bersetuju supaya Mesyuarat Khas Dewan Tertinggi Barisan Nasional diadakan pada 13hb. Disember yang akan datang ini.

Inilah tujuan kami mengadakan perjumpaan dengan Ketua-ketua Bahagian-bahagian UMNO petang ini bagi menjelaskan pendirian yang telah diambil oleh Majlis Tertinggi UMNO itu.

UMNO sudah membuat keputusan dan menentukan pendirian-nya. Keputusan dan pendirian itu adalah dibuat dengan hati yang suci, demi kepentingan Barisan Nasional dan Negara. Saya yakin dengan kesucian hati kita ini, Allah akan memberkati perjuangan kita.

Saya merayu kepada semua ahli-ahli UMNO supaya bertenang dan terus menjalankan tanggungjawab kita dengan lebih berhati-hati lagi, lebih bersungguh-sungguh lagi dan lebih berdedikasi lagi. Masa hadapan Barisan Nasional ialah masa cabaran. Kita akan menghadapi dengan meminta petunjuk dan keredaan Allah.

Dengan ini maka kita menyerahkan diri kita sepenuhnya kepada Allah. Wabillah Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



BAHAN—BAHAN RUJUKAN:

- POLITIK MELAYU DAN ISLAM — DR. BURHANUDDIN AL HELMY — OLEH KAMARUDDIN JAAFAR.
- SEJARAH PERJUANGAN PARTI PAS: SATU DILEMA OLEH ALIAS MUHAMMAD.
- DETIK—DETIK MULA KONFRONTASI NASIR — ASRI OLEH LOTFI ISMAIL.
- BERAKHIRNYA ZAMAN KEAGUNGAN PAS DI KELANTAN OLEH LOTFI ISMAIL.
- KRISIS POLITIK KELANTAN OLEH YAHYA ISMAIL.
- BARISAN PURNAMA GERHANA DI KELANTAN OLEH YAHYA ISMAIL.
- BARISAN NASIONAL DIGUGAT DAN DIGIGIT OLEH SUBKY LATIF.
- DEMI KESELAMATAN NEGARA — UCAPAN DATUK HUSSEIN ONN.
- KENYATAAN BERSAMA TUN ABDUL RAZAK — DATUK ASRI.
- MENGAPA PAS DISINGKIR — UCAPAN DATUK HUSSEIN ONN.
- AKHBAR WATAN.
- AKHBAR UTUSAN MALAYSIA/MINGGUAN MALAYSIA, 1977/1978.
- BERITA HARIAN/BERITA MINGGU, 1977/1978.
- THE NEW STRAITS TIMES 1077/1978.
- BINTANG TIMUR 1977/1978.
- UTUSAN MELAYU 1977/1978.
- DAN DARI LAIN—LAIN SUMBER TERMASUK INTERVIEW ORANG—ORANG PERSEORANGAN.

11 DEC 1984

'Tak guna bersemuka dengan Datuk Asri'

KUALA LUMPUR, Rabu — Pesuruhjaya Pas Kelantan, Nik Aziz bin Nik Mat berkata, tidak ada gunanya pemimpin Pas sekarang bersemuka dengan bekas Yang Dipertua Agung Pas, Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda bagi menyelesaikan krisis Pas sekarang.

Bellau menambah, "Datuk Asri semasa memimpin Pas tidak pernah bersemuka dengan anak buahnya untuk menyelesaikan masalah dalam parti, mengapa sekarang bellau mahu mendangkan demikian?" Tanya bellau.

Nik Aziz berkata demikian ketika mengulas syor Datuk Haji Asri supaya pucuk pimpinan Pas sekarang bersemuka dengan Kumpulan 13 dalam menyelesaikan krisis sekarang.

Nik Aziz berkata, jika Datuk Asri bersemuka dengan anak buahnya sejak dahulu tidak timbul masalah sekarang.

"Saya tidak nampak faedahnya dari langkah itu kerana mereka telah membuat sesuatu untuk memburukkan Pas," jelas bellau.

Mengenai poster-poster yang diedarkan, Nik Aziz berkata, poster itu adalah lebihan dari poster pilihanraya umum lalu.

Katanya, tidak timbul isu mendewa-dewakan pucuk pimpinan di Kelantan.

Latest

GUGURNYA SEORANG PEMIMPIN

Hari Selasa 24 Februari, 1983 Datuk Asri dengan resminya mengumumkan keluar dari PAS setelah cadangan mendamaikan sengketa Kumpulan 13 dengan pucuk pimpinan parti itu sehari sebelumnya berakhir dengan kegagalan.

Wakil kumpulan 13, Datuk Sudin Wahab yang juga selaku Setiausaha Jawatankuasa Bertindak kumpulan tersebut gagal memujuk mesyuarat menerima formula dikemukakannya.

Pihak jawatankuasa Pas mahukan kumpulan 13 membuat rayuan atas tindakan tatatertib dikenakan ke atas mereka. Pendirian itu dijelaskan lagi di mesyuarat tersebut.

Lebih jauh lagi pihak jawatankuasa Pas menganggapkan kumpulan 13 itu yang menamakan dirinya Barisan Bertindak sebagai haram dari segi perlombagaan parti dan akta pertubuhan. Mereka enggan beruding atas nama barisan itu melainkan atas nama individu anggota berkenaan.

Selain dari Datuk Asri, tiga orang lagi dari kumpulan 13 juga mengumumkan keluar dari parti. Mereka ialah Ahli Parlimen Rantau

Panjang, Haji Hassan Mohamad, Ahli Parlimen Pasir Mas, Wan Ibrahim Wan Abdullah dan Bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Wan Islamail Wan Ibrahim.

Dalam perkembangan lain, Datuk Asri mengumumkan tiga langkah kemungkinan diambilnya setelah bertindak keluar dari parti itu.

Langkah-langkah itu ialah terus menjadi ahli politik bebas, menumbuhkan sebuah parti politik Islam yang baru dan menyertai salah satu parti komponen Barisan Nasional.

"Saya tidak mungkin memilih langkah pertama. Dengan itu saya memikirkan dengan teliti dua pilihan lain sebelum membuat apa-apa keputusan," katanya kepada para pemeberita.

Beliau akan mengambil masa sebulan untuk membuat keputusan itu dan dalam tempoh itu belian tidak mau ditanya ke mana beliau pergi.

Kumpulan 13 pula bertegas akan membantu Barisan Nasional dalam kempen pilihanraya kecil Hulu Muda, Pengurusi Jawatankuasa Penerangannya, Haji Zahari Awang mengumumkan.

Dari implikasi tersebut, para pemerhati dapat meramalkan arus mana sedang dituju oleh kumpulan 13 dalam menentukan masa depan politik mereka.

Perkembangan akhir ini membenarkan pendapat setengah pihak bahawan perjuangan Kumpulan 13 lebih cenderung kepada penyertaan parti yang pernah menjadi "rivalnya" — Barisan Nasional. Apakah keadaan ini akan menjadi kenyataan kelak?

BERITA SABAH DAN SARAWAK
KEMERDEKAAN DAN SETERA

Naskbah Persekitaran
Perpustakaan Negara Malaysia

15 APR 1995